

Bil. 70

**Isnin
24 November 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
PENERANGAN OLEH YANG AMAT BERTAMBAH MENTERI KEWANGAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT (14)(1)(I) - Pegangan Saham UEM Dalam Renong Berhad	(Ruangan 17)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1998 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual -</u> Maksud B. 34 Maksud B. 35, B.36, B.37, B.38, B.39 dan B. 40	(Ruangan 25) (Ruangan 68)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 1998 <u>Jawatankuasa:</u> Maksud P. 34 Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P. 40 Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 25) (Ruangan 68) (Ruangan 38)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 24 November 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] tidak hadir]

**KEMALANGAN MELIBATKAN LORI DAN BAS
MENINGKAT - USAHA MENGATASI**

2. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Pengangkutan sama ada kementerian sedar bahawa kemalangan yang berkaitan dengan lori dan bas semakin meningkat di Malaysia. Sila pihak kementerian menyatakan:-

- (a) bilangan kemalangan jalan raya yang berkaitan dengan bas dan lori bagi tahun 1996 dan 1997; dan
- (b) apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk mengelakkan atau mengurangkan kes-kes kemalangan ini dan mengapa cadangan 'black box' untuk setiap kenderaan awam tidak dilaksanakan dan apakah kesannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian memang menyedari bahawa kemalangan yang melibatkan lori-lori dan bas-bas telah meningkat beberapa tahun kebelakangan ini. Jumlah kemalangan di jalan raya yang melibatkan bas dan lori pada tahun 1996 dan tahun 1997 iaitu Januari hingga Ogos adalah seperti berikut:-

Jenis Kenderaan	Tahun 1996	Tahun 1997 (hingga Ogos)
Bas	10,781	7,695
Lori	33,655	25,072

- (b) Sebagaimana kita sedia maklum salah satu faktor utama berlakunya kemalangan jalan raya ialah faktor memandu. Oleh itu dengan usaha yang telah pun dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan dalam mengawal dan

menangani isu kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat beberapa syarat yang lebih ketat sebelum diberikan lesen kepada pemandu-pemandu kenderaan berat seperti bas dan lori telah pun diperkenalkan seperti berikut:-

- (i) memperkenalkan sistem pelesenan berperingkat, graduated licensing, dengan izin, bagi pemandu-pemandu kenderaan berat. Sistem tersebut mensyaratkan supaya pemandu-pemandu yang ingin mengambil lesen kenderaan berat hendaklah terlebih dahulu memiliki lesen memandu motokar ringan ataupun kelas D bagi tempoh sekurang-kurangnya satu tahun; dan
- (ii) memperkenalkan lesen percubaan di seluruh negara di mana pemandu-pemandu baru yang memegang lesen percubaan tidak dibenarkan memohon lesen memandu kenderaan berat. Ini bermakna pemandu-pemandu baru hendaklah menamatkan tempoh percubaan selama dua tahun terlebih dahulu sebelum mereka dibenarkan memohon lesen kenderaan berat dan lesen vokasional kelas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu perkara berikut sedang diberikan pertimbangan untuk dilaksanakan:-

- (a) mensyaratkan semua pemandu kenderaan berat menjalani latihan berpandukan kurikulum vokasional tertentu dan disyaratkan untuk diuji semula sebelum layak diberikan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan;
- (b) memperkenalkan sistem pemeriksaan kesihatan yang lebih komprehensif ke atas pemandu-pemandu lesen vokasional (PSV dan GDL) agar pemandu-pemandu yang benar-benar sihat sahaja layak memandu kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan;
- (c) mensyaratkan semua kenderaan berat mempunyai pemandu kedua jika mereka beroperasi selepas pukul 1.00 pagi, dalam mana pemandu kedua ini duduk bersebelahan dengan pemandu bagi memastikan pemandu yang bertugas berada dalam keadaan cergas dan memandu tanpa kelalaian; dan
- (d) mensyaratkan semua bas ekspres dan bas persiaran dilengkapi dengan alat kawalan had laju, ataupun vehicles speed monitoring system, dengan izin, agar semua kenderaan berat dipandu mengikut had laju yang ditetapkan.

Mengenai pemasangan kotak hitam ataupun dikenali sebagai alat merakam kelajuan ataupun dalam bahasa Inggeris, vehicles speed monitoring system, dengan izin, kerajaan telah pun memutuskan untuk mewajibkan pemasangan alat tersebut ke atas bas ekspres dan bas persiaran, kerajaan berpendapat adalah tidak praktikal jika sekiranya alat tersebut dipasang ke atas semua kenderaan awam termasuk lori.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengenai dengan pemandu, kita dapati bahawa kebanyakan pemandu untuk mendapatkan kelayakan untuk mendapatkan Public Services Vehicles (PSV), jadi kurikulumnya, kalau kita lihat dahulu setengah JPJ mengenakan syarat untuk yang telah layak untuk mendapat kelas E untuk diberikan lesen PSV diuji pandu dengan bas untuk PSV, tetapi sebahagian dari JPJ tidak mengenakan ujian untuk memandu bas.

Jadi, di manakah letaknya keseragaman ini dan saya ingin tahu adakah lagi Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara tidak mengenakan syarat untuk bas dipandu sewaktu untuk mendapat PSV.

Yang keduanya, adakah cadangan untuk JPJ mengenakan syarat untuk mendapatkan Goods Driving License (GDL) supaya bakal calon atau pemegang lesen GDL ini dikenakan syarat untuk diuji. Kalau mereka hendakkan GDL itu terpaksa diuji kenderaan yang berkenaan sama ada treler ataupun lori yang tiga gandar dan sebagainya sebab sekarang ini amalan yang sedemikian tidak dibuat hanya GDL ini datang ceramah dan layak diberikan lesen - itu sahaja. Soalan saya seperti yang saya telah nyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Memang benar setakat ini memang semua yang mempunyai lesen hanya jika hendak memohon supaya mendapat PSV atau GDL hanya mengikuti kursus yang agak pendek di JPJ, satu ceramah kemungkinan dua jam ataupun tidak melebihi dua jam. Tetapi saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu seperti yang saya katakan tadi, pihak JPJ sedang menggubal satu set ataupun satu sukatan buat masa ini dalam peringkat pertimbangan jika diluluskan, saya percaya akan dilulus maka semua pemohon yang telah mendapat lesen sebelum mereka diberi lesen PSV ataupun GDL atau 'chaprai' mesti mengikuti bukan sahaja kursus tiga, empat hari dan selepas itu diuji. Ini semua memang dalam planning oleh pihak JPJ dan tidak lama lagi saya percaya sukatan ataupun kurikulum vokasional ini akan dikeluarkan dan diterima pakai di seluruh negara, bukan macam sekarang hanya mereka menghadiri ceramah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dan selepas itu mereka dapat PSV atau GDL.

Saya kurang pasti bila sukatan baru ini akan dikuatkuasakan, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini buat masa ini semua ini di dalam peringkat kajian yang terakhir sekali.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang kotak hitam, jadi saya ingin tahu pihak mana yang diberikan tanggungjawab untuk melakukan kerja pemasangan kotak hitam ini dan cadangan ini adakah membebankan pemilik kenderaan awam yang berkenaan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kotak hitam ini, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu sebuah syarikat yang dinamakan Delcom Sendirian Berhad pada tahun yang lepas telah membuat satu cadangan yang agak munasabah boleh diterima oleh pihak kerajaan dan kerajaan telah pun membuat keputusan supaya Delcom Sendirian Berhad, syarikat ini diberikan tanggungjawab untuk melakukan semua pemasangan kotak hitam dalam kenderaan berat seperti bas pesiaran dan juga bas ekspres dan saya juga difahamkan satu set kotak hitam ini jika termasuk kos pemasangan tidak melebihi RM1,000 dan saya percaya kos RM1,000 ini tidak menjadi satu beban kepada pengusaha kenderaan bas ekspres dan bas pesiaran.

BEKALAN AIR LUAR BANDAR - USAHA MENGATASI MASALAH DI MUSIM KEMARAU

3. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan oleh kerana hampir semua penduduk di kampung-kampung di luar bandar di negeri Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Serian masih bergantung

kepada air dari sistem 'gravity feed' air dari perigi, telaga dan sungai untuk kegunaan harian dan air ini lebih-lebih di musim kemarau amat tercemar serta tidak mencukupi, apakah rancangan kerajaan untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) untuk tahun 1997, 1998, 1999 dan 2000

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tanggungjawab kerajaan negeri dalam memberi bekalan air kepada penduduk luar bandar, Kerajaan Negeri Sarawak melalui pihak-pihak berkuasa airnya telah menyediakan peruntukan berjumlah RM532.23 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk melaksanakan projek-projek bekalan air di seluruh negeri Sarawak. Pecahan peruntukan itu adalah seperti berikut:-

(i)	Jabatan Kerja Raya Sarawak	-	RM463.83 juta
(ii)	Lembaga Air Kuching	-	RM 36 "
(iii)	Lembaga Air Sibu	-	RM 32 "

Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM67 juta iaitu RM53.60 juta dalam bentuk pinjaman bagi melaksanakan projek-projek bekalan air luar bandar. Melalui pembiayaan dari kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan di atas, adalah dijangkakan sebanyak 202 projek BALB dapat dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada 45,957 keluarga. Projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana Air Negeri adalah seperti berikut:-

(a) JKR Sarawak -

Kerja-kerja penyambungan paip-paip air ke kawasan-kawasan luar bandar yang berpinggiran dengan bandar dan pembinaan stesen-stesen penggalak dan tangki-tangki aras tinggi untuk membekalkan air bersih ke kawasan luar bandar yang muka buminya tinggi, berbukit-bukit dan jaraknya jauh. Jumlah projek BALB yang dirancang di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak 127 kampung yang mana akan memberi manfaat kepada 37,277 keluarga.

(b) Lembaga Air Kuching dan Lembaga Air Sibu -

Kerja-kerja penyambungan paip-paip air atau pembinaan stesen-stesen penggalak dan tangki-tangki bagi membekalkan air bersih ke kawasan-kawasan luar bandar. Jumlah projek BALB yang dirancang di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak 75 kampung yang mana akan memberi manfaat kepada 8,680 keluarga.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pembangunan tanah secara besar-besaran untuk tanaman kelapa sawit dan hutan komersial di Sarawak yang melibatkan penggunaan meluas baja kimia dan racun serangga perosak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bekalan air yang digunakan oleh penduduk-penduduk luar bandar adalah selamat, baik dari segi jangka pendek dan jangka panjang, apakah pengawasan dan kajian yang telah dan akan diambil untuk memastikan keselamatan bekalan air untuk penduduk luar bandar.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kuasa air adalah terletak di bawah tangan kerajaan negeri dan mereka akan mengikut standard JKR dan air-air itu akan dirawat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam musim panas kawasan luar bandar di Sarawak, penduduk tidak mendapat air minuman, apakah langkah yang akan diberikan oleh kerajaan untuk memberi bantuan,

memberi mobil unit air minum kepada penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di kawasan yang airnya telah dicemarkan oleh industri.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya akan berbincang dengan kerajaan negeri untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi masalah minuman air pada musim kemarau.

MEGA TV - KAJIAN SEMULA KADAR SEWA BULANAN

4. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada sedar rungutan orang ramai dengan kadar sewa siaran rancangan Mega TV, RM45 sebulan terlalu tinggi, tetapi rancangan yang disiarkan berulang-ulang hingga dua kali satu program disiarkan dalam tempoh 12 jam dan adalah satu eksploitasi kepada pengguna. Sila nyatakan sama ada kadar sewa siaran rancangan Mega TV akan disemak semula pada kadar yang lebih munasabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa sebanyak RM45 sebulan yang dikenakan sekarang adalah wajar dan berpatutan. Dengan kadar sewa tersebut, penonton mendapat perkhidmatan lima saluran terbaik di dunia dalam pengkhususan masing-masing. Tambahan pula dengan tawaran pemasangan percuma sekarang, Mega TV memberi subsidi lebih kurang RM800 untuk setiap langganan baru. Kos ini hanya dapat diserap sepenuhnya selepas langganan selama 18 bulan. Mega TV menyiarkan rancangan berulang-ulang dengan tujuan memberi peluang kepada penonton yang tidak dapat mengikuti siaran awalnya. Ianya juga membantu penonton merancang masa tontonan masing-masing mengikut kesesuaian dengan berpandukan majalah 'Forward View' yang dibekalkan setiap bulan. Berdasarkan penjelasan di atas, kementerian pada masa sekarang tidak mempunyai rancangan untuk menyemak semula kadar sewa tersebut.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kewujudan Mega TV selama ini apakah objektif yang utama ataupun peranan yang penting yang dapat dimainkan oleh Mega TV dalam pembinaan masyarakat yang lebih adil, saksama dan makmur selain dari memberikan program hiburan sahaja.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh tadi, sememangnya menjadi tujuan kerajaan kita untuk mengadakan beberapa saluran TV di negara ini semata-mata dengan tujuan sebahagian besarnya ialah untuk memberi pilihan yang cukup kepada rakyat di negara ini untuk menonton pelbagai maklumat yang disampaikan dan juga pelbagai bentuk hiburan. Maka dengan itu tujuan di sebaliknya juga adalah untuk memperbetulkan kadang-kadang ada pihak pembangkang seperti DAP yang sengaja menyebarkan maklumat yang tidak bertanggungjawab maka dengan adanya saluran ini insya-Allah kemungkinan kita dapat memperbetulkan pandangan yang tidak betul yang sering disampaikan oleh pihak pembangkang.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kasihan melihat Teluk Intan - tak dapat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat sekarang ini siaran TV begitu menggalakkan dan mengghairahkan selepas pukul 1.00 pagi, saluran TV3 dan kadang-kadang TV2. Astro saya tidak melihatnya sebab saya tidak ada memasang Astro di rumah, tetapi persoalannya mengapakah ini berlaku? Kadang-kadang yang ditontonkan itu begitu menggiurkan, terlalu menusuk kalbu kadang-kadang.

Jadi, saya ingat kalau Dato' Setiausaha Parlimen menontonnya pun agak begitu menghairahkan, kadang-kadang isteri kita pun agak cemburu apabila kita menonton filem yang sedemikian.

Jadi, soalnya bagaimana perkara ini boleh berlaku, apakah kementerian tidak menitikberatkan soal tapisan kepada filem-filem yang disiarkan selepas pukul 1.00 pagi ataupun bagaimana.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya dari Jelebu ini, memang kementerian cukup prihatin tentang perkara ini, kita mempunyai tanggungjawab seperti yang saya pernah jelaskan pada sidang yang awal pada tahun ini di mana pihak kementerian telah mewujudkan satu badan khusus untuk menapis di samping Lembaga Penapisan Filem Negara yang di bawah jagaan Kementerian Dalam Negeri.

Di samping itu juga kita menggalakkan setiap stesen-stesen televisyen di negara ini untuk mewujudkan satu badan penapisan khusus untuk menapis sebelum adegan drama dan filem-filem yang ditunjukkan di TV masing-masing dapat disesuaikan dengan selera masyarakat di samping itu tidak bercanggah dengan dasar-dasar yang kita sedang jalankan pada hari hari.

Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat lebih spesifik dalam perkara ini dan dapat menulis secara official, dengan izin, kepada kementerian kita akan mengambil tindakan yang lebih terperinci tentang perkara ini kerana bagi saya, bila saya menonton kadang-kadang, di TV Astro contohnya, semalam, walaupun cerita Anak Bapa semalam arahan P. Ramlee ada adegan yang kemungkinan agak sedikit menghairahkan tetapi di dalam cerita tersebut ada 'the morale story behind itu', dengan izin. Di sebaliknya kita ingin mendidik masyarakat kita betapa porak-peranda kalau sekiranya berlaku kacau-bilau di peringkat keluarga di negara ini.

Saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat kalau ada yang lebih spesifik, saya minta supaya ada diberi secara bertulis. Terima kasih.

POLISI 'LANGIT TERBUKA' DAN PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN AMERIKA - KEBAIKAN

5. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah kebaikan-kebaikan polisi "langit terbuka" dan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat; dan
- (b) adakah perjanjian sedemikian juga akan diperluaskan merangkumi negara-negara lain. Jika ya, sila nyatakan negara yang teruk terlibat.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Faedah kepada negara khususnya dari Perjanjian Perkhidmatan Udara Malaysia/Amerika Syarikat bercorak 'open skies' antara lain adalah seperti berikut:-
 - (i) multiple designation syarikat-syarikat penerbangan Malaysia;
 - (ii) jadual perjalanan terbuka dengan kapasiti dan frekuensi yang tidak terhad; dan
 - (iii) peraturan sewa khas yang lebih liberal.
- (b) Buat masa ini Malaysia tidak ada cadangan untuk memperluaskan perjanjian seperti Perjanjian Perkhidmatan Udara Malaysia dan Amerika Syarikat bercorak open skies

dengan mana-mana negara lain. Tetapi memang benar, Malaysia sedang mempunyai sikap terbuka di mana cadangan mengenai open skies juga dapat diberikan jika ada negara-negara lain yang mempunyai minat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bila kita bercakap tentang konsep ataupun langit terbuka ini, bermakna ia akan wujud persaingan. Persoalannya adakah penerbangan Malaysia ataupun Malaysia Airline ini telah bersiap sedia untuk menghadapi saingan di samping itu juga adakah kita mempunyai passenger yang secukupnya untuk mengatasi dan menyahut seruan ataupun perjanjian langit terbuka ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Yan. Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini, MAS memang telah pun membuat persiapan dan juga sedia menghadapi apa jua persaingan sebelum perjanjian open skies ini ditandatangani.

Dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga 'open skies policy' di antara Malaysia dan Amerika Syarikat memang akan lebih berfaedah kepada negara kita khususnya MAS sebab selepas perjanjian open skies ini ditandatangani, ini bermaksud MAS boleh menghantar semua pesawat sama ada pesawat kecil, medium ke mana sahaja destinasi di Amerika Syarikat.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa MAS telah mempunyai perjanjian dengan Taiwan mengenai lebih banyak penerbangan ke Taiwan, adakah ini akan membawa implikasi politik dari negara PRC?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan. Jika Ahli Yang Berhormat bermaksud perjanjian ataupun MoU baru-baru ini ditandatangani di antara MAS dan Taipei Airlines Association, dengan izin, kalau Ahli Yang Berhormat merujuk kepada perjanjian itu, saya ingin memberitahu iaitu ianya tidak akan menjejaskan pendirian politik negara kita dan Malaysia masih memegang teguh iaitu kita memperakui cuma 'one China', dengan izin, dan surat perjanjian di antara MAS dan Taipei Airlines Association, dengan izin, adalah satu MoU ataupun perjanjian yang ditandatangani oleh dua belah pihak swasta dalam bidang perniagaan dan tidak bersangkut dengan pendirian politik. Saya percaya ini tidak akan membawa sebarang implikasi politik bagi negara kita.

Untuk maklumat Dewan yang mulia baru-baru ini seorang menteri kementerian pentadbiran dan penerbangan awam dari negeri China PRC telah melawat Malaysia dan negara China iaitu PRC telah pun menandatangani surat perjanjian pada 17 November 1997 di mana Malaysia akan dapat menambah lebih banyak penerbangan ke negeri China. Buat masa ini hanya kita dapat empat destinasi iaitu Beijing, Shanghai, Xiamen, Kwangchow dan mulai pada tahun depan akan ditambah lagi penerbangan kita ke Kunming dan Tsin Tzen. Dan ini adalah satu pakatan yang cukup menggalakkan bagi Malaysia dan negeri China.

KOMPUTER DALAM PERKHIDMATAN AWAM - USAHA YANG DIAMBIL

6. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan negara sedang memperkenalkan penggunaan komputer-komputer dan multimedia dengan seluas-luasnya apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil terhadap Perkhidmatan Awam supaya ia lebih cekap, bersih amanah dan 'lean'.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Awam secara berterusan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan prestasi kerja dan mutu

perkhidmatan ke arah kecemerlangan. Usaha-usaha ini antaranya termasuklah menyediakan perkhidmatan berorientasikan pelanggan melalui Pengurusan Kualiti Secara Menyeluruh (TQM), perancangan ke arah melaksanakan Siri Standard ISO 9000 di agensi-agensi kerajaan, pelancaran Kempen Pembersihan Tunggakan Kerja, melaksanakan Piagam Pelanggan dan meningkatkan akauntabiliti dan disiplin melalui penguatkuasaan peraturan tatatertib dan disiplin, memperkemas sistem pengendalian pengaduan awam dan lain-lain.

Penggunaan teknologi maklumat turut memberi sumbangan yang besar kepada Perkhidmatan Awam terutama dalam membudayakan ciri-ciri kecemerlangan yang berorientasikan pelanggan. Di antara usaha-usaha yang dijalankan termasuklah pelaksanaan konsep 'paperless civil service melalui pelaksanaan Electronic Data Interchange (EDI)' di mana urusan perdagangan dilakukan secara on-line, penyeragaman dalam sistem kewangan di badan-badan berkanun melalui pelaksanaan pakej Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) yang membolehkan badan-badan berkanun menutup akaunnya setiap hari dan pelaksanaan projek-projek pengkomputeran serta penubuhan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (Government Integrated Telecommunication Network - GITN).

Dengan kesedaran bagi memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dan multimedia, telah mendorong kerajaan untuk memperluaskan lagi penggunaan teknologi maklumat terkini melalui pelaksanaan projek pembangunan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC). MSC dijangka akan menjadi pemangkin utama kepada pembangunan teknologi maklumat negara di mana keberkesanan penggunaan multimedia dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengeluaran dan penghantaran maklumat di sektor awam dan swasta akan lebih nyata.

Kerajaan Elektronik adalah salah satu daripada tujuh aplikasi perdana di bawah MSC bertujuan meningkatkan prestasi agensi-agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, menghasilkan tahap produktiviti yang tinggi dan mewujudkan paperless administration. Melalui penggunaan teknologi maklumat dalam usaha mengautomatiskan urusan kerajaan ini akan membantu dalam mengurangkan kakitangan kerajaan yang terlibat kepada satu tahap yang optimum.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas persiapan dan segala latihan yang telah dilakukan di dalam menghadapi cabaran teknologi maklumat. Dalam pada itu, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rasional di sebalik penghantaran segolongan kakitangan kerajaan untuk menimba ilmu mengenai teknologi maklumat ke luar negara, kalau tak silap saya baru-baru ini ke United Kingdom.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita buat semuanya dengan komputer, tetapi komputer itu tidak akan boleh bergerak dengan sendirinya, ia memerlukan orang yang mengaplikasikan komputer itu. Oleh kerana ada di antara application itu merupakan satu perkara yang memerlukan kepada tahap mutu yang lebih tinggi di kalangan orang yang hendak menggunakan komputer itu maka kita terpaksa menghantar mereka ke luar negeri untuk mempelajari application yang akan digunakan untuk mengkomputerkan paperless kerajaan kita ini. Oleh sebab itu kita hantarlah mereka belajar lagi.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan wujudnya efficiency oleh kerana penggunaan komputer, jadi memandangkan negara kita sedang menghadapi kemerosotan ekonomi yang begitu teruk, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membekukan dan memansuhkan kekosongan yang terdapat di semua kementerian dan mungkin membekukan dan memansuhkan jawatan yang dianggap tidak penting.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pun kalau tidak silap saya dalam jawapan saya kepada satu soalan semasa menggulung oleh JPM, ada juga jawatan yang telah pun walaupun kosong, tetapi kita tidak membuat apa-apa pengambilan disabitkan oleh kerana tidak ada keperluan kepada jawatan itu untuk diisikan.

Jadi, untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat, kita akan melihat dari masa ke semasa, kalau sekiranya ada keperluan untuk kita tidak mengambil atau mengisikan ini, kita akan mengisikan kerana sememangnya sudah ada dasar kerajaan iaitu bahawa kita tidak akan mengisikan jawatan yang kosong kalau jawatan itu tidak diperlukan.

KESATUAN SEKERJA - MENDORONG PENYERTAAN PEKERJA AWAM DAN SWASTA

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk mendorong kesedaran dan memastikan sebahagian besar pekerja awam dan swasta menganggotai kesatuan sekerja, di samping mengiktiraf Konvensyen ILO yang berkaitan bagi menghapuskan segala halangan/sekatan sama ada ketara/artifisial yang memecahbelahkan golongan pekerja, supaya mereka tidak terus menerus menjadi mangsa hingga ke akhir hayat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir] Tuan Yang di-Pertua, pihak kesatuan sekerja sendiri, baik dari sektor awam mahupun swasta adalah bertanggungjawab untuk mendorong kesedaran dan meyakinkan pekerja-pekerja dalam sektor masing-masing supaya menganggotai kesatuan sekerja. Setiap pekerja di negara adalah diberi hak dan kebebasan untuk menubuh dan melibatkan diri dalam kesatuan sekerja tertakluk kepada peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sehubungan itu, kerajaan hanya berperanan untuk menyelia, mengarah dan mengawal perkara-perkara berkaitan kesatuan sekerja seperti pendaftaran, pematuhan undang-undang kesatuan dan khidmat nasihat aspek-aspek pentadbiran, kewangan dan perundangan kesatuan.

Untuk makluman Dewan, negara kita telah meratifikasikan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No. 98 mengenai *The Application of the Principles of The Right to Organise and to Bargain Collectively*, dengan izin, yang di antara lainnya menetapkan bahawa pekerja-pekerja hendaklah diberi perlindungan yang sewajarnya daripada ditindas oleh mana-mana pihak kerana terlibat dalam aktiviti kesatuan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah semua Konvensyen ILO telah diiktirafkan di negara ini dan adakah semua terma-terma itu diikuti di negara ini dan berapakah pekerja yang telah dihalang untuk mendirikan 'to register' trade union dalam negara ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengamalkan semua syarat-syarat dalam mana-mana juga konvensyen yang kita telah pun meratifikasikan dan kita sebagaimana yang telah saya nyatakan, bahawa kerajaan memberi kebebasan penuh untuk rakyat menubuh ataupun bergiat dalam kesatuan sekerja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan lebih menggalakkan in-house union untuk ditubuhkan di kilang-kilang. Selalunya bila in-house union ini pekerja bargaining powernya tidak kuat kalau dibandingkan dengan kesatuan di peringkat kebangsaan, apakah langkah kerajaan untuk mengizinkan pekerja-pekerja ini terlibat dan affiliate dengan kesatuan sekerja di peringkat kebangsaan daripada in-house union seperti yang berlaku di kilang elektronik di mana bargaining power kepada pekerja itu begitu rendah sekali dalam in-house union.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kerajaan terpaksa mengimbangkan kepentingan pekerja itu sendiri dalam memajukan hak dan

kepentingan mereka dengan memberi peluang kepada ahli-ahli kesatuan sekerja di peringkat nasional yang tidak bertanggungjawab yang hendak mengeksploitkan kedudukan mereka itu untuk kepentingan politik peribadi ataupun sebagainya.

HOTEL BERTARAF 5 BINTANG - PENYEDIAAN PAIP BAGI KEMUDAHAN ORANG ISLAM BERSUCI

8. **Tuan Noh bin Omar [Tanjung Karang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan akan mewajibkan semua hotel-hotel terutama yang bertaraf 5 bintang melengkapkan tandas-tandas awam hotel dengan menyediakan paip yang memudahkan orang-orang yang beragama Islam untuk bersuci.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum mempunyai cadangan untuk mewajibkan supaya diadakan paip air di tandas-tandas awam hotel terutamanya yang bertaraf lima bintang khas bagi kemudahan orang-orang Islam bersuci semasa berada di hotel-hotel berkenaan.

Penyediaan kemudahan yang selesa untuk mereka yang beragama Islam adalah terpulang kepada inisiatif dan strategi pasaran hotel masing-masing sebagai satu tarikan kepada pelanggan yang beragama Islam. Bagaimanapun kementerian ini akan mengkaji untuk kemungkinan mewajibkan industri perhotelan mengambil berat tentang keperluan peralatan yang bersesuaian dengan budaya masyarakat Islam.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita, orang-orang yang menggunakan tandas awam ini dia kena mencuci dahulu sebelum mengguna. Jadi, kalau tidak salah saya, di negara Jepun dia mencuci selepas mengguna. Jadi, tidak adakah kementerian ini rancangan untuk berkempen kepada masyarakat kita, supaya masyarakat kita selepas mereka mengguna itu dia cuci seolah-olah orang yang hendak pakai itu tak gaduh cuci dah. Itu yang pertama.

Yang kedua, di satu negara lain di Sweden saya lihat baru-baru ini, tandas awam ini diswastakan, jadi, orang yang menjaga tandas itu dia cuci betul-betul, jadi mahal sedikit tak apalah. Kita bayar di sini di Malaysia, tandas awam, kita kena bayar tetapi kotor. Saya lihat di Sweden kita bayar berapa puluh Swedish Franc, tetapi bersih

Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said: Dua belas.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ha, dua belas, Dato' Haji Zakaria baru pergi - Kuala Kedah.. [Ketawa] Di sini kita bayar mahal tetapi bersih, sebab kadang-kadang kita rela bayar mahal asalkan kita boleh guna, sekarang ini di Malaysia kita, kita bayar dan kita tidak boleh guna, kena cuci pula, satu kerja pula. Kawan yang duduk itu datang daripada Bangladesh, dia jaga, dia rehat sahaja di luar. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar kelemahan yang ada dalam budaya tandas rakyat Malaysia khususnya di tandas-tandas awam didapati rakyat Malaysia tidak begitu mahu mencuci setelah menggunanya. Jadi, pihak kementerian telah mengesan beberapa kelemahan dan kita juga mengesan bahawa untuk mendidik masyarakat kita, kita kenalah bermula daripada dalam rumah selepas anak-anak keluar dari rumah, masuk ke sekolah daripada umur lima tahun di peringkat tadika, terus sampai ke umur 17, kita telah mengesan selama 12 tahun, kita perlu menerapkan bukan sahaja nilai-nilai tetapi juga cara-cara membersihkan, cara-cara mengguna tandas-tandas awam.

Dari segi penwastan memang kita juga bersetuju bahawa di mana mampu tandas-tandas awam haruslah diswastakan dan ini akan dijadikan dasar setelah pihak Kabinet membuat keputusan yang mana pihak kementerian sedang menyusun untuk membawa perkara ini kepada pihak Kabinet.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam konteks hotel dan penggunaan oleh umat Islam, ada setengah hotel saya melihat yang menyediakan Bible, kita buka laci itu ada Bible dan kita tidak dapati di hotel tersebut Al-Quran. Setengah hotel itu tidak ada tanda Qiblat dan ada juga setengah hotel itu yang pernah saya tinggal, ada Qiblat di atas tetapi kalau kita buka laci ada tanda Qiblat tetapi yang di atas itu tunjuk ke kanan, yang di laci itu tunjuk ke kiri. Dalam konteks hotel dan penggunaan umat Islam, saya rasa saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat terkeluar.

Seorang Ahli: Ini isu tandas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Lagi pun itu bukan dalam bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hotel itu ada hubungan dengan perumahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.

PEMBUANGAN SISA TOKSID - JUMLAH KES YANG MENYEBABKAN BERIBU-RIBU IKAN MATI

9. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang berapa banyakkah kes melibatkan beribu-ribu ikan mati akibat racun perosak. Adakah penguatkuasaan sedia ada berjaya untuk mengatasi masalah pembuangan sisa toksid ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada rekod Jabatan Perikanan mulai bulan Januari hingga bulan Oktober tahun ini, terdapat 14 kes yang melibatkan keracunan dan kematian beribu-ribu ikan di seluruh negara. Kebanyakan daripada kes kematian tersebut disebabkan oleh kecemaran bahan-bahan toksid dan kandungan air yang terlalu berasid serta bahan racun rumpai.

Untuk tujuan pengawalan dan penguatkuasaan, penggunaan racun ikan boleh dikawal melalui kaedah-kaedah perikanan (sungai) yang dikeluarkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing.

Pihak polis juga boleh menjalankan penguatkuasaan berdasarkan kepada kaedah-kaedah perikanan ini dan juga akta di bawah Jabatan Alam Sekitar. Bagaimanapun, untuk mengatasi sepenuhnya masalah ini amatlah sukar kerana kegiatan tersebut sukar dikesan oleh pihak berkuasa. Hanya kesedaran semua pihak serta kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan seperti ini akan dapat mengatasi masalah ini. Bagaimanapun, kementerian ini melalui Jabatan Perikanan akan sentiasa mengawasi kegiatan tersebut dari masa ke semasa.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, ikan pun di bawah Kementerian Pertanian, sungai pun di bawah Kementerian Pertanian, begitu juga penggunaan rumpai juga di bawah Kementerian Pertanian. Jadi, yang jadi masalahnya ialah manusia yang terlibat berkenaan. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, oleh kerana di bawah kementerian yang sama, apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa pemantauan, istilah yang baru saya terima ini, monitoring, untuk menyelaraskan apabila ada ikan, jangan air yang beracun masuk ke situ, ataupun bila hendak memelihara ikan, bila ada laluan racun, jangan bela ikan di situ supaya petani-petani kita tidak menanggung kerugian kerana dari segi undang-undang itu ada, tetapi dari segi penguatkuasaan itu barangkali tidak ada. Itu penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Memang kita akui ikan dan sungai di bawah tanggungjawab kementerian saya dan sebagaimana yang kita ketahui, kita ada berpuluh-puluh ribu kilometer sungai, sungai besar, sungai kecil, alur, parit dan begitu juga ikan. Jadi, untuk hendak mengawal itu memanglah agak sukar kalau hanya semata-mata kita mengharapkan kepada pegawai-pegawai di kementerian atau jabatan perikanan.

Oleh itu, sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi, adalah menjadi tanggungjawab bersama kita untuk menjaga kepentingan sungai, kebersihan sungai daripada terlibat racun dan lain-lain toksid dengan harapan kita dapat mengelakkan dari kematian. Tetapi, walau bagaimanapun kita ada kaedah-kaedah perikanan sungai dan dendanya saya kira agak munsabah, kalau di Kedah boleh dikompaunkan RM5,000, kalau di Perak dikompaunkan RM1,000 atau jel enam bulan atau kedua-dua.

Jadi, insya-Allah dengan kerjasama semua pihak, kita harap kita akan dapat mengatasi pada masa yang akan datang.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini iaitu dua hari lalu, beribu-ribu ikan di Sungai Gelang Patah sudah mati dan menjejaskan rezeki kehidupan seramai 60 nelayan, adalah ini membuktikan bahawa usaha kempen cintakan sungai sudah gagal yang diusahakan oleh Kementerian Pertanian dan apakah langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan untuk menyelamatkan sungai-sungai kita.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, Johor. Memang kementerian mengakui bahawa berlakunya perkara Yang Berhormat sebutkan itu kerana hingga Oktober 1997 sahaja telah berlaku 14 kes di seluruh negara kita, ini termasuk Johor satu kes, Perak tiga kes, Pulau Pinang dua kes, Kelantan tiga kes, Terengganu dua kes, Pahang tiga kes. Tetapi walau bagaimanapun saya tidak berapa bersetuju sedikit bahawa kalau hendak dikatakan 14 kes yang berlaku di seluruh negara ini menyebabkan kempen cintailah sungai kita itu gagal kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kempen kita di seluruh negara, cuma ada beberapa sungai sahaja yang terlibat.

Jadi, sebab itu saya merayu kalau dapat Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat bersama-sama melibatkan diri dalam kita menjaga kebersihan sungai-sungai bagi kepentingan sumber ikan dan lain-lain kehidupan sungai.

FATWA - USAHA PENYELARASAN DI PERINGKAT PUSAT

10. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini perjumpaan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan para mufti dalam negara telah mencapai kejayaan yang positif ke arah mewujudkan penyelarasan dalam hukum-hukum fatwa:

- (a) adakah kerajaan akan menentukan suatu bentuk penyelarasan pentadbiran di peringkat pusat bukan sahaja dalam hal-hal fatwa juga dalam semua masalah berkaitan dengan agama Islam di masa yang akan datang; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mendedahkan kepada para mufti dalam negeri ini dalam pelbagai bidang keilmuan dan penggunaan teknologi baru agar para mufti tidak terkongkong dalam pemikiran yang terhad, termasuk dalam bidang sosial dan kemasyarakatan dan apakah program positif yang berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyelarasan pentadbiran dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam sememangnya telah wujud di peringkat pusat dan proses ini akan berterusan. Badan Penyelarasan utama ialah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Menteri Besar/Ketua Menteri. Badan-badan Penyelaras lain antaranya ialah Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam Malaysia (Lepai), Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia.
- (b) Anggapan bahawa para mufti terkongkong dalam pemikiran yang terhad adalah tidak timbul. Mereka sentiasa didedahkan dengan pelbagai bidang keilmuan yang menyentuh aspek sosial dan kemasyarakatan melalui lawatan dan seminar di peringkat nasional mahupun peringkat antarabangsa.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada sesi yang lalu, Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu rang undang-undang yang berkaitan dengan penyelarasan penggunaan bersama kakitangan jabatan agama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Semasa rang undang-undang ini dibentangkan tidak semua kerajaan negeri yang telah memberikan persetujuan. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Menteri sama ada terdapat pertambahan bilangan negeri-negeri yang bersetuju dengan perkara ini dan jika belum apakah masalah yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mendapatkan persetujuan mereka.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu, dua pertambahan negeri yang menyatakan kesanggupan untuk menyertai skim perjawatan gunasama dan jabatan bersama dan usaha sentiasa berjalan untuk tujuan berkenaan. Kerajaan Pusat telah menjalankan usaha bahawa negeri-negeri yang telah bersetuju usaha memberi option iaitu pilihan kepada pegawai-pegawai negeri untuk masuk ke dalam jawatan Kerajaan Pusat sedang berjalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah semua aktiviti kerajaan dan programnya yang melibatkan hukum Islam diwajibkan terlebih dahulu dirujuk kepada mufti di peringkat negeri atau Majlis Fatwa Kebangsaan di peringkat Pusat. Dan mengapa, sebagai contoh dalam perkara ASN dan ASB tidak diumumkan secara rasmi, apakah keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam masalah itu.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal-hal agama Islam, Kerajaan Persekutuan merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan di peringkat negeri ialah kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Bagi setengah perkara keputusan mufti diiklan untuk kepentingan orang awam dan juga setengah-setengah perkara tidak diiklankan untuk orang awam tetapi untuk kegunaan kerajaan sahaja.

**KAD PENGENALAN BERMUTU TINGGI (KPT) -
JUMLAH RAKYAT SABAH YANG BELUM MENUKAR**

11. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini berapakah jumlah rakyat Sabah yang belum menukar kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan bermutu tinggi (KPT). Berapakah peruntukan yang disediakan bagi Jabatan Pendaftaran di negeri Sabah untuk perkhidmatan di luar bandar melalui lawatan-lawatan di kawasan terpencil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara pada 30 September 1997 sepatutnya terdapat seramai 96,938 orang lagi penduduk negeri Sabah yang masih belum menukar kad pengenalan mereka. Berhubung peruntukan yang disediakan bagi program-program lawatan khas di kawasan-kawasan pedalaman sukacita dimaklumkan bahawa dari tahun 1990 hingga Oktober 1997 sebanyak RM343,344 telah diperuntukkan bagi maksud tersebut.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini berkaitan khusus bagi mereka yang memohon kad pengenalan pertamanya tetapi tidak mempunyai ataupun hanya sekadar mempunyai sijil kelahiran lewat. Jadi, soalan saya ialah adakah pihak kementerian masih memberi kuasa kepada pegawai-pegawai untuk memberi pengecualian denda sepertimana yang dilakukan di negeri Sarawak, misi pengecualian denda kepada mereka yang lewat itu dijalankan, tetapi ini nampaknya tidak dijalankan di negeri Sabah. Apakah tindakan kerajaan mengenai perkara ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menetapkan denda hanya dikenakan bagi mereka yang tidak menukar kad pengenalan dalam masa tempoh yang dibenarkan iaitu sebelum 31 Disember 1996. Bagi yang mendaftar lahir lewat itu adalah satu perkara yang berlainan. Tetapi walau bagaimanapun Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah juga ada kuasa untuk menimbang kes secara 'case by case'.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masih banyak lagi kad-kad pengenalan yang belum diambil ataupun belum lagi dikutip oleh pemilik-pemilik, apakah rancangan kerajaan supaya kad pengenalan ini dapat sampai kepada pemilik-pemilik kad pengenalan. Apakah kerajaan bercadang supaya diberi kuasa kepada pejabat daerah ataupun pengerusi JKKK untuk mengenalpasti pemilik-pemilik ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar terdapat sejumlah kad pengenalan yang belum dikutip yang agak banyak terutamanya di tempat-tempat pedalaman yang mana perkhidmatan pos tidak dapat sampai kepada mereka terus, terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Apa yang kerajaan cadang buat ialah kita boleh buat peraturan supaya pegawai Pendaftaran Negara itu pergi ke tempat sebelum itu pemimpin masyarakat boleh mengumpulkan mereka dengan mendapatkan senarai nama dahulu dan apabila ada program lawatan begitu, pegawai sendiri wajib berada kerana di bawah peraturan pendaftaran negara kad pengenalan itu tidak boleh disimpan oleh orang yang tidak berkuasa, hanya pegawai pendaftaran sahaja, jadi, dalam cara itu kita minta kerjasama dari pemimpin masyarakat.

RAKAN MUDA - ANALISIS PROJEK

12. **Dato' Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan analisis tentang kesan projek Rakan Muda sejak ianya dilaksanakan. Apakah wajar diteruskan pada tahun-tahun akan datang atau sebaliknya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Program Rakan Muda adalah sebuah

program pembangunan sosial jangka panjang. Semenjak dilancarkan 37 bulan yang lalu kesan program ini kepada kegiatan Pembangunan Belia secara keseluruhannya telah menampakkan petanda-petanda baik. Kementerian Belia dan Sukan mengenalpasti tiga kesan jangka pendek pelaksanaan program ini:

- (i) program ini telah memberi peluang kepada 1.4 juta belia mengisi masa lapang dengan aktiviti yang baik, terkawal dan dengan itu mempunyai kesan kepada penghindaran sejumlah besar anak-anak muda dari aktiviti-aktiviti negatif;
- (ii) program ini telah memberi peluang penglibatan pertubuhan-pertubuhan belia, sukan, rekreasi, cinta alam dan lain-lain yang berkaitan dengan belia dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti program ini. Ia membawa kesan kepada pembangkitan semula persatuan belia yang menghadapi masalah kelesuan sebelum program Rakan Muda dilancarkan. Sejumlah 1,200 persatuan di peringkat negeri dan daerah dan 70 persatuan peringkat kebangsaan telah terlibat secara aktif melaksanakan pelbagai aktiviti gaya hidup Rakan Muda; dan
- (iii) melalui program Rakan Muda, rangkaian kerja yang lebih kemas telah dapat diwujudkan di antara pertubuhan bukan kerajaan, agensi kerajaan dan masyarakat swasta dalam membangunkan masyarakat belia. Melalui kerjasama ini 15,700 aktiviti Rakan Muda telah dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di bawah naungan kementerian, manakala 3,000 aktiviti dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri atau majlis berkuasa tempatan dan pihak swasta.

Analisis keberkesanan program ini secara keseluruhannya akan dibuat pada tahun 1998. Analisis ini akan mengenal pasti kesan sebenar program ini berdasarkan maklumat-maklumat terperinci pelaksanaan di semua peringkat. Pada kedudukan sekarang kementerian akan terus membangun dan melaksanakan program Rakan Muda pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, di antara 10 gaya hidup di bawah program ini, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan gaya hidup yang paling berjaya dan mendapat sambutan dan mengapa yang lainnya kurang mendapat sambutan ataupun kurang berjaya? Terima kasih.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perhatian kementerian, semua 10 gaya hidup Rakan Muda itu mendapat perhatian yang terbaik daripada kumpulan sasarannya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita ucap tahniah kepada kementerian di atas kejayaan program-program Rakan Muda yang telah dilaksanakan. Soalannya ialah di kalangan 18,700 program yang telah dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan sebagainya, mengapakah terdapat sebahagian daripada daerah-daerah yang tidak langsung menjalankan aktiviti Rakan Muda? Adakah ini disebabkan oleh masalah pengurusan program Rakan Muda ini terletak di tangan Tuan Pegawai Daerah yang sentiasa kadang-kadang menyetepikan pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di daerah-daerah di dalam apa juga aktiviti? Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimanakah ianya boleh terjadi sedemikian?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengutarakan masalah ini. Sebenarnya pihak kementerian dan jabatan-jabatannya sentiasa memberi sokongan dan galakan, tetapi kadangkala didapati bahawa ada

setengah pertubuhan terutamanya di daerah-daerah oleh kerana menghadapi beberapa masalah kewangan, kepimpinan, masalah kelesuan yang melanda kebanyakan daripada persatuan belia di daerah-daerah, oleh kerana ramai daripada belia dan remaja telah pun berhijrah ke bandar-bandar dan kota-kota, maka tidak begitu ramai kita dapati anak muda dan remaja yang tinggal di kampung-kampung. Jadi, mungkin itu adalah salah satu daripada sebabnya program Rakan Muda tidak sampai ke daerah-daerah, tetapi walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa mengambil perhatian dan kami akan menentukan bahawa program Rakan Muda ini turun ke semua daerah yang ada terutamanya di Jelebu.

TEKSI KE LAPANGAN TERBANG KUALA LUMPUR - PERKHIDMATAN TERBUKA

13. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada kerajaan dapat mempertimbang untuk membuka perkhidmatan teksi mewah Lapangan Terbang Kuala Lumpur kepada semua operator teksi untuk mengurangkan jumlah teksi kosong yang ulang alik dari dan ke lapangan terbang di Kuala Lumpur dan mengurangkan kesesakan lalu lintas kerana pada masa ini teksi biasa tidak dibenarkan mengambil penumpang dari lapangan terbang ke bandar dan teksi mewah pula tidak dibenarkan membawa penumpang dari bandar ke lapangan terbang.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini teksi mewah daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dibenarkan membawa penumpang daripada lapangan terbang ke mana-mana destinasi, sebaliknya teksi mewah tidak dibenarkan membawa penumpang daripada mana-mana destinasi menuju ke lapangan terbang. Teksi bandar daripada Kuala Lumpur pula dibenarkan membawa penumpang daripada mana-mana destinasi ke lapangan terbang.

Dalam pada itu, pada waktu-waktu sesak, umpamanya hujung minggu dan waktu cuti, teksi bandar dibenarkan membawa penumpang daripada lapangan terbang ke mana-mana destinasi, ini dibenarkan. Umpamanya pagi ini apabila berlaku kesesakan yang agak serius, teksi bandar dibenarkan untuk membawa penumpang daripada airport ke mana-mana destinasi.

Untuk perkhidmatan daripada Sepang, lapangan terbang baru, syarikat yang mengendalikan perkhidmatan ini akan dibenarkan bukan sahaja membawa penumpang daripada lapangan terbang ke mana-mana destinasi tetapi ianya juga akan dibenarkan membawa penumpang daripada mana-mana destinasi ke lapangan terbang, sebaliknya teksi bandar di bawah peraturan yang ditetapkan sekarang akan berterusan iaitu mereka tidak akan dibenarkan membawa penumpang daripada lapangan terbang ke destinasi melainkan apabila ada keadaan tertentu, termasuklah waktu kesesakan. Peraturan yang ditetapkan oleh kerana kerajaan ingin memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada penumpang-penumpang di lapangan terbang antarabangsa khususnya dengan menyediakan kenderaan yang lebih besar, lebih selesa dan mutu perkhidmatan yang lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 14 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

**PENERANGAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT MENTERI KEWANGAN
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)(I) -**

Pegangan Saham UEM Dalam Renong Berhad

3.37 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini berbangkit persoalan merujuk kepada keputusan Kumpulan UEM meningkatkan pegangannya di dalam Renong. Oleh kerana perkara ini dianggap penting dan penjelasan mengenainya juga penting bagi masyarakat Malaysia, saya mohon untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya secara terperinci.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin menjelaskan bahawa kita telah mengambil tempoh dalam satu minggu kerana kita sedang mendapatkan maklumat teliti dari Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur, FIC dan juga dari pihak Pendaftar Syarikat. Tetapi sebelum saya menyentuh perkara itu secara spesifik, elok saya jelaskan bahawa sementara kita menghadapi masalah ekonomi sekarang ini, kita harus juga melihat perkembangan dan kenyataan secara positif. Kita tidak mahu merujuk hanya kepada perkara-perkara yang dilihat sebagai masalah. Umpamanya melihat kepada hasil tahunan syarikat-syarikat berakhir Mei tahun ini, kita telah mencatat satu kemajuan luar dari jangkauan. Industri petroleum gas umpamanya menunjukkan peningkatan 14.98%, sektor perladangan menunjukkan peningkatan 19.5%, sektor perkilangan - syarikat-syarikat yang berkaitan dengan perkilangan - mencatatkan pertambahan 21.93%. Hal yang sedemikian menyebabkan kita lebih yakin tentang kekuatan ekonomi negara meskipun kita menerima kenyataan kita juga dilanda dengan beberapa masalah hasil dari tempaian perkembangan yang berlaku di beberapa negara di rantau ini.

Untuk menambah aspek perkara yang berkaitan bagi keputusan setengah tahun, beberapa syarikat yang saya minta dikemukakan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur pagi tadi, beberapa syarikat tertentu dalam bidang perkilangan mencatat penambahan keuntungan setengah tahun sebanyak 76.5%, sektor perladangan ada yang mencatat lebih dari angka yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah saya ingin menyatakan syarikat-syarikat terutamanya yang bergantung kepada eksport itu akan menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik daripada yang dijangka. Kita tekankan perkara ini kerana kita tidak mahu suasana muram ini terus melanda. Kita harus melihat kepada angka dan data serta fakta dan tidak khabar-khabar angin.

Minggu lalu saya terpaksa jelaskan tentang kedudukan bank-bank di negara kita kerana ada kecenderungan orang untuk menerima khabar-khabar angin dan kemudian mengambil langkah-langkah yang akan menjejaskan ekonomi nanti. Sebab itu saya ingin jelaskan semula di Dewan ini bahawa sektor bank kita tetap kukuh dan dapat menangani masalah semasa. Pihak Bank Negara Malaysia memaklumkan laporan terkini, hampir setiap hari kepada saya untuk memberi gambaran dan menunjukkan angka dan data secara yang lebih kemas, andai kata ada institusi kewangan yang bermasalah.

Ada yang membangkitkan soal kadar hutang lapuk. Kita telah jelaskan dan saya ingin ulangi, kadar hutang lapuk bank-bank perdagangan adalah rendah dan loan loss cover masih melebihi 100%. Ini belum mengambil kira umpamanya nilai saham yang menjadi cagaran. Bank Negara Malaysia akan terus meneliti keadaan untuk serta-merta menangani sebarang masalah yang datang dari mana-mana penjur.

Sebab itulah bila kita lihat umpamanya permasalahan yang dibangkitkan berhubung dengan pengecualian diberikan oleh FIC ataupun langkah acquisition, dengan izin, kepentingan di Renong Berhad oleh United Engineers, saya ingin jelaskan bahawa pertamanya soal membeli semula saham, dengan izin, share buy back, itu bukan satu fenomena yang unik atau baru berlaku. Umpamanya, peraturan-peraturan yang lebih kurang sama di Amerika Syarikat, United Kingdom, Hong Kong, Korea

Selatan, India dan Australia, Taiwan umpamanya tatkala menangani masalah kemelut pasaran mata wang dan pasaran saham baru-baru ini memperkenalkan peraturan yang sama membolehkan syarikat membeli semula saham dengan syarat-syarat tertentu.

Walaupun masalah ini dikritik kuat, sepertimana yang dilakukan oleh Yang Berhormat dari Tanjong baru-baru ini tatkala debat usul yang lain, saya jelaskan bahawa peraturan yang sama juga diperkenalkan di Amerika Syarikat sehingga membolehkan seperti kita tahu tatkala pasaran saham dunia dilanda dengan penjualan bertubi-tubi, IBM membeli balik satu jumlah saham yang cukup besar dan ini menambah keyakinan kepada masyarakat pelabur.

Adalah dengan alasan yang sama kita memberikan.....

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Amat Berhormat.....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar saya selesaikan sedikit bab yang pertama. Adalah dengan alasan yang sama kita memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat berbuat demikian.

Begitu juga tentang waiver atau pengecualian yang disebut atas kepentingan nasional. Pertama, kita harus jelaskan bahawa tidak sahaja kepada UEM pengecualian bagi tawaran am mandatori yang diberikan. Sebelum ini semua kumpulan syarikat PNB telah diberikan dan memang kita hanya hadkan kelulusan sebelum ini kepada syarikat-syarikat PNB. Lebih dari 19 kumpulan syarikat yang telah diberikan kebenaran termasuk UEM, tetapi UEM juga dikembalikan di bawah peraturan FIC kerana dalam seksyen 32, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 menetapkan kebenaran yang mesti diluluskan oleh FIC. Tetapi dalam kes UEM, ia mengemukakan cadangan pengambilalihan yang disah dan dibereskan dengan kadar tunai (acquisition certified by cash). Oleh yang demikian, ia termasuk dalam kaedah FIC 34.2 Kod Malaysia mengenai pengambilalihan dan percantuman dan jumlah ini juga melebihi RM5 juta. Tetapi sepertimana juga yang lain, syarat-syarat diberikan. Syarat-syarat ketat ini termasuk:

- (i) saham-saham tersebut diperolehi di pasaran terbuka sahaja;
- (ii) pengecualian tidak merangkumi sebarang peningkatan hak mengundi dalam Renong oleh Kumpulan UEM melalui sebarang cadangan korporat oleh Renong yang telah diumumkan ataupun yang akan dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang; dan
- (iii) perolehan ini dihadkan kepada tidak lebih daripada 50% hak mengundi dalam Renong.

Justeru kerana pegangan UEM telah melebihi 50% yang dianggarkan 76.9% sekarang, UEM tidak diberikan pengecualian tersebut lagi. Oleh yang demikian, mereka perlu melaksanakan tawaran am mandatori (general offer). Suruhanjaya Sekuriti akan memastikan bahawa peraturan ini dipatuhi dan ini termasuk keperluan EGM, sepertimana yang sedia dimaklumi.

Dalam penyiasatan yang dibuat oleh.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Belum lagi. Dalam penyiasatan yang dibuat oleh badan-badan bertanggungjawab, UEM telah didapati melanggar peraturan berhubung dengan disclosure terhadap substantial shareholding atau jumlah pegangan kepada yang dikehendaki menurut seksyen 69(e) Akta Syarikat. Oleh itu, Pendaftar Syarikat telah mengenakan denda terhadap UEM.

Bursa Saham Kuala Lumpur telah memberikan amaran (reprimand) terhadap UEM menurut Peraturan 118 di bawah KLSE Listing Requirement, justeru kerana makluman yang dikemukakan itu tidak mencukupi.

Mengenai kes yang dibangkitkan berkenaan kepentingan pemegang saham minoriti, saya ingin jelaskan bahawa exercise yang dimaksudkan ini bertujuan, di antara lain, untuk mengukuh kedudukan saham UEM dan Renong. Oleh yang demikian, ia bertujuan, di antara lain, untuk mempertahankan kepentingan pemegang saham dalam syarikat termasuk pemegang saham minoriti dan pengecualian diberikan oleh FIC adalah dengan maksud yang sama, iaitu untuk menjaga kepentingan pasaran saham keseluruhannya. Dalam keadaan dan arah yang kurang menentu pada ketika itu, pada hemat kerajaan, inilah cara yang bijak dan menyerahkan keputusan syarikat dibuat oleh syarikat. Penyusunan semula syarikat (restructuring), pembelian dan pengambilalihan syarikat, itu adalah keputusan syarikat yang tidak ada hubung kait secara langsung atas pertimbangan kerajaan. Pemegang saham minoriti akan lebih terjaga dalam kestabilan pasaran saham. Jadi, kita tidak boleh terlepas daripada pertimbangan itu bahawa kepentingan pasaran saham minoriti lebih terjamin dalam keadaan pasaran yang lebih stabil dan berkembang. Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang saham minoriti masih tidak puas hati, mereka masih ada ruang menurut peruntukan undang-undang atau legal redress, dengan izin, melalui seksyen 181 Akta Syarikat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana memenuhi jaminan dibuat pada minggu lalu untuk memberi satu kenyataan ministerial mengenai satu perkara yang sangat penting. Saya hendak bertanya bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh berkata bahawa dalam urusan niaga UEM-Renong ini kepentingan pemegang saham minoriti dijaga khasnya dalam empat hari sama ada harga Renong atau harga UEM sudah jatuh begitu drastik dalam pengambilan 32.6% saham Renong oleh UEM. Saham akhir pada hari Jumaat ialah RM1.49 walhal harga average purata yang dibeli oleh UEM ialah RM2.34 atau lebih kurang. Yang bererti bahawa dalam empat hari UEM sudah rugi RM1.2 bilion oleh kerana kejatuhan harga Renong. Bukankah ini menunjukkan bahawa sama ada kepentingan pemegang saham minoriti UEM atau Renong semua rugi.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerangkan mengenai kenapa waiver diberi, tetapi beliau tidak memberikan apa unsur-unsur kepentingan negara (national interest) yang boleh memberi justifikasi kepada FIC untuk memberi waiver selain daripada kata untuk buy back, iaitu satu amalan biasa sama ada di negara ini atau di negara yang lain. Adakah ini satu pengumuman dasar bahawa untuk semua buy back apabila harga saham itu sangat rendah bahawa waiver secara automatis akan diberikan. Kalau begitu, kenapa dasar ini tidak diumumkan supaya semua pemegang saham minoriti faham kedudukan mereka.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai kes IBM di mana dengan buy back itu adalah menambahkan keyakinan. Tetapi kenapa dalam Malaysia buy back itu bukan menambahkan keyakinan, tetapi mencetuskan satu malapetaka (national catastrophe) dalam pasaran saham sehingga semua investor rugi sehingga RM70 bilion oleh kerana kejatuhan KLSE Composite Index kepada satu tahap yang tidak pernah berlaku dalam enam tahun 512 mata. Bukankah ini semua menunjukkan bahawa keputusan FIC untuk memberi waiver ialah satu keputusan yang bukan sahaja tidak bijaksana, tidak wajar, tetapi menentang kepentingan negara?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan. Pertama, tidak sesuatu yang janggal, justeru kerana ada seksyen 32 Suruhanjaya Sekuriti, ada kaedah 34.2 Kod Malaysia mengenai pengambilalihan dan percantuman. Maknanya, ini bukan suatu perkara yang baru, ia sedia dimaklumi oleh semua pemegang saham di negara kita.

Keduanya, saya ingin jelaskan bahawa keputusan memberikan kelonggaran ini - pengecualian tersebut - telah pun diperolehi oleh syarikat-syarikat kumpulan PNB lama sebelum ini. Maknanya, masyarakat sedia maklumi tentang peraturan yang sedia ada.

Ketiganya, dalam keadaan seluruh rantau kita diserang begitu hebat, baik mata wang ataupun pasaran saham, kita mencari jalan-jalan untuk memulihkan keyakinan dan di antaranya ialah memperkenalkan satu kaedah yang biasa dan diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa. Oleh yang demikian, kita memperkenalkan soal pembelian semula saham ini.

Jadi, untuk mentafsirkan bahawa ini suatu perkara yang janggal, saya tidak bersetuju. Dan keduanya, saya nyatakan bahawa kepentingan nasional sekarang dan pada ketika itu, beberapa bulan yang lalu, tidak lain daripada memulihkan keyakinan dan pemulihan keyakinan itu ialah dengan cara memberikan segala ruang yang boleh dalam keadaan, umpamanya harga pasaran saham menjunam. Apakah tidak boleh kita beri peluang kepada syarikat induk untuk membeli semula saham? Kita letakkan had daripada 32% kepada 50%, yang melebihinya tertakluk kepada peraturan-peraturan biasa. Dalam pada mempertahankan kadar 50% ekuiti itu pun mesti rujuk kepada peraturan-peraturan biasa dan peraturan-peraturan biasa itu termasuk pendedahan maklumat (disclosure) yang sepatutnya, pertanggung-jawaban (accountability) dan ketelusan maklumat (transparency) supaya pemegang saham majoriti dan minoriti mendapat makluman yang cukup.

Dalam keadaan dan kes UEM dan Renong ini kita dapati ada beberapa percanggahan, oleh yang demikian tindakan sama ada denda oleh Pendaftar Pertubuhan dan reprimand oleh Bursa Saham Kuala Lumpur telah dikenakan. Jadi oleh yang demikian, saya kira kita fahamlah masalah tersebut untuk dijadikan ini sebagai satu gelanggang politik, sepertimana yang kita tahu, dalam keadaan biasa kadang-kadang restructuring exercise itu menguntungkan dan kadang-kadang tidak. Pihak kita hanya memberikan kelulusan sekiranya semua syarat dipenuhi. Bila syarat-syarat dijamin dipenuhi, kelulusan diberikan.

Soal umpamanya pasang surut pasaran itu tidak boleh dibebankan kepada kerajaan dalam hal ini dan sebab itu kita telah membuat sepertimana yang saya jelaskan, iaitu reprimand dan denda kepada UEM. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya tegaskan bahawa jangan kita ambil kedudukan dan prestasi ekonomi itu dari satu gejala negatif dan perkembangan yang negatif. Kita harus melihat dan peranan semua pihak, termasuk Ketua Pembangkang ialah membantu memberikan maklumat positif tentang ekonomi negara, lebih-lebih lagi sekarang. [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita setuju dan memberi segala sokongan kepada semua usaha, ikhtiar untuk memulihkan keyakinan kepada pasaran saham. Tetapi apa yang berlaku dalam UEM-Renong oleh kerana akibatnya ialah kejatuhan pasaran saham mengakibatkan kerugian lebih kurang RM70 bilion kepada semua pelabur orang biasa, bukankah ini perlu satu kajian semula oleh kerajaan? Sama ada cara ini ialah langkah yang baik untuk memulihkan keyakinan atau sebaliknya merosakkan, menghakiskan apa yang masih tinggal keyakinan pelabur dalam ekonomi kita.

Oleh kerana kita lihat apa yang berlaku pada minggu lepas sungguhpun pada hari Jumaat, jam yang terakhir oleh kerana suntikan wang tabung institusi-institusi ada naik sedikit, pagi ini jatuh lagi. Ini bukan direkakan oleh sesiapa, inilah apa yang kita lihat. Kita perlu mengkui masalah ini.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata ada syarat-syarat untuk buy back, semacam disclosure. Dalam perkara ini UEM ada bercanggah, tidak buat disclosure dan mungkin didenda (reprimand). Apa guna denda (reprimand) apabila akibatnya ialah kejatuhan pasaran saham kerugian RM70 bilion. Bagaimana kerugian RM70 bilion ini boleh digantirugikan? Tidak boleh.

Atas sebab itu, adakah kerajaan timbang kenapa boleh berlaku reaksi yang begitu buruk daripada pasaran saham kepada deal Renong-UEM. Bukankah ini oleh kerana keyakinan pelabur-pelabur digoncangkan oleh kerana apa yang berlaku dalam perkara ini menunjukkan bahawa tidak ada blue chips lagi khususnya yang ada bersangkutan paut, ada hubungan dengan parti-parti politik atau orang-orang atasan, khususnya di mana Renong dianggap sebagai chief financial arms UMNO di mana semua blue chips sama ada Maybank atau Sime Darby atau Tenaga Nasional atau Telekom tidak selamat lagi, ada risiko, oleh kerana apa yang berlaku dalam UEM-Renong boleh berlaku dan kepentingan minoriti shareholder tidak dijamin.

Apakah langkah akan diambil oleh kerajaan untuk memberi jaminan kepada semua minority shareholders, kepada komuniti pelabur-pelabur bahawa kekhuatiran, kesangsian, ketakutan mereka akan diberi perhatian yang cukup berat oleh kerajaan supaya apa yang berlaku dalam UEM-Renong tidak akan berulang lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin jelaskan bahawa keputusan UEM-Renong itu adalah keputusan syarikat swasta yang tidak ada hubungan dengan kerajaan selain daripada peraturan-peraturan. *[Tepuk]* Saya ingin jelaskan bahawa ini bukan keputusan kerajaan. Selama ini puluhan syarikat telah mengambil keputusan yang sama, ada yang menyebabkan pasaran saham naik, ada yang menyebabkan pasaran saham turun.

Keduanya, untuk mengaitkan keputusan ini pada hal saya telah jelaskan semua syarikat yang mohon dengan peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, PNB, syarikat bumiputera, syarikat Cina, syarikat India, tanpa mengira kedudukan syarikat siapa punya dan pengaruh, semuanya diluluskan. *[Tepuk]* Mengapa pula dikaitkan satu syarikat diluluskan khusus dengan UMNO. Saya ingin menjelaskan bahawa saya Timbalan Presiden UMNO, yang saya tahu UEM-Renong tidak ada hubung kait dengan UMNO. *[Tepuk]* Soal Ketua Pembangkang hendak buat telahan, kita gunakan ruang politik dan kita lawan sekali lagi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan bahawa ekonomi kita memang menghadapi masalah. Kita memang hadapi apa yang disebutkan 'turmoil' dalam krisis mata wang dan tempian apa yang berlaku di negara lain, tetapi tidakkah kita boleh bersyukur dalam keadaan ekonomi di rantau dilanda begitu hebat, kita masih mampu bertahan. Kita perlu dan boleh bertahan kalau semua kita bermuafakat, besarkan berita-berita positif, hindarkan daripada berita-berita yang kurang memberi keyakinan kepada orang ramai. *[Tepuk]*

Ketua Pembangkang pada hari itu bila saya jawab usul, beliau tidak ada. Saya sebut dengan jelas di sini, saya kata lupakah Ketua Pembangkang siapa punca yang menyebabkan keruntuhan mata wang di rantau ini, lupakah kita kepada golongan manipulator dan spekulator dan sekarang kita serang masalah-masalah dalaman. Jadi kalau begini keadaannya, ini menyusahkan kita. Orang yang bertanggungjawab menipu negara dan orang ramai itu dilupakan, dipadamkan dalam kes DAP semua ini diampunkan dan sekarang dikorek masalah-masalah titik bengik yang dibangkitkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya jelaskan supaya Ketua Pembangkang tidak memutarbelitkan kenyataan saya untuk saya katakan bahawa kita siasat urusan ini, kita mengambil tindakan, kita mengenakan denda, kita telah memberi amaran dengan reprimand. Itu mengikut undang-undang yang ada. Yang dituntut oleh Ketua Pembangkang terkeluar dari fail undang-undang kita. *[Tepuk]* Jadi, amanah yang mampu saya pikul sebagai Menteri Kewangan ialah memastikan tanpa mengira kedudukan syarikat, orang yang berpengaruh atau yang dikatakan seperti yang dituduh oleh Ketua Pembangkang berkaitan dengan parti atau tokoh, itu semua kita ketepikan,

kita lihat undang-undang, sebab itulah kita terima, luluskan dan kita hukum di mana yang perlu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ditanya lagi oleh Ketua Pembangkang kerana beliau lupa punca masalah ini. Memang benar institusi kewangan Thailand lemah, tetapi saya ingin menyatakan dari apa yang saya tahu tentang keadaan ekonomi di negara Thailand. Keadaan ekonomi Thailand memang lemah. Institusi kewangannya memang lemah, tetapi dia tidak akan parah tanpa mainan golongan manipulator dan spekulator. Kalau mereka tidak pergi memunggah, mengganas, tidak akan rosak ekonomi Thailand. Jadi, jangan lupa, jangan kita anggap beberapa kelemahan yang kecil, yang berlaku di negara lain sebagai punca. Ia menjadi parah apabila golongan spekulator dan manipulator mengganas dan DAP harus bantu menerangkan kepada orang ramai keganasan yang dilakukan oleh manipulator.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, soal langkah kerajaan untuk memberi jaminan. Kita sekarang mengambil apa sahaja langkah yang perlu dalam keadaan keyakinan harus dipulihkan. Sekarang di seluruh rantau kita tahu apa yang berlaku di Korea Selatan beberapa hari yang lalu. Korea Selatan sepertimana yang kita faham mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh dan institusi kewangannya mula terjejas. Sebab itu langkah-langkah yang kita ambil harus tegas.

Kita jelaskan dalam kes berkaitan dengan UEM-Renong deal ini bahawa kaedah ketelusan, pertanggungjawaban dan maklumat yang secukupnya itu tidak boleh dihindarkan oleh mana-mana syarikat dalam keadaan bila mana pun, sekarang ataupun masa akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu ditanya apakah langkah dan jaminan, saya ingin menyatakan langkah yang terbaik memulihkan ekonomi negara kita ialah menyatakan dengan tepat dan benar kekuatan yang ada dalam ekonomi kita, keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat, kekuatan eksport yang ada pada kita, keupayaan kita untuk bersaing lebih, kurangkan import, tambahkan eksport, jimat belanja, itu langkah-langkah yang akan memberi jaminan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, dia tak beri jalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:.....dan jangan melayani semata-mata berita-berita, khabar-khabar angin atau bahan-bahan yang disogokkan oleh orang-orang luar.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Beliau seorang yang adil (fair), kita sokong, kita tidak mahu menjadikan isu ini satu isu politik.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi bukannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa apa yang mustahak.....

Seorang Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sudah minta penjelasan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah beri jalan.....

Seorang Ahli: Sudahlah, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya beritahu kepada Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah habis berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Beliau beri jalan. Sebab itu kalau dia sudah habis, dia tak boleh beri jalan. Dia beri jalan, sebab itu belum habis.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini kita tidak mahu memainkan isu politik ini. Ini bagi kepentingan negara.....

Seorang Ahli: Sudah cakap terima kasih, sudah habislah.

Tuan Lim Kit Siang: Bukannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju.....

Seorang Ahli: Tuan Speaker, kasi duduklah ini orang!

Tuan Lim Kit Siang:.....bahawa apa yang dibuat oleh mereka iaitu manipulasi, spekulasi, yang menyebabkan kejatuhan, menimbulkan krisis sama ada mata wang Ringgit pada bulan Julai, kita setuju, kita perlu kutuk dan sebab itu kita memberi sokongan sepenuhnya.....

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Mana ada sokong?

Tuan Lim Kit Siang:.....usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perlulah peraturan-peraturan dalam global capital market.....

Tuan Yunus bin Rahmat: You cakap tak ada serupa bikinlah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ciloklah!

Seorang Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bertenang yang lain ya, bertenang.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi kenapa kita macam.....have a rational discussion bagi kepentingan negara.....

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang letak jawatan!

Tuan Lim Kit Siang: Dan kita tidak melupai apa yang berlaku dalam dua minggu pada bulan Julai di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa apa negara kita kerja untuk 40 tahun dijamin oleh usaha-usaha George Soros dengan berbilion-bilion dolar dalam dua minggu, okay? Tetapi bukannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa apa yang berlaku dalam empat bulan ini, selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menamakan George Soros dalam empat bulan ini, tahap nilai Ringgit sudah jatuh daripada RM2.6 kepada sekarang RM3.4, RM3.5, dekat RM1 jatuh, masa itu dalam dua minggu (bulan Julai) ialah RM2.52 sampai RM2.634. Sekarang kejatuhan lebih dahsyat. KLSE Composite Index dalam masa dua minggu itu jatuh daripada 1070 mata kepada 1040 mata dan

empat bulan ini, pada hari Jumaat sudah jatuh 512 mata. Bukankah dalam empat bulan ini kejatuhan Ringgit, kejatuhan pasaran saham lebih dahsyat dalam dua minggu. Kita tidak boleh lupa apa yang mengakibatkan original seen.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi bukannya kita tidak boleh mengetepikan apa yang berlaku dalam empat bulan ini di mana menunjukkan kesilapan-kesilapan kita sendiri. Kenapa kita tidak mahu mengakui realiti ini bahawa kita ada kesilapan yang perlu kita membetulkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya hendak jelaskan. Pertama, siapa yang kata urusan spekulator mata wang dan manipulator ini hanya dua minggu bulan Julai. Ketua Pembangkang ketinggalan data dan zaman. *[Tepuk]* Tidak tahukah Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong bahawa urusan sampai hari ini kalau kita tengok carta pasang naik Sydney pukul 4.00 pagi, buka di sini 9.00 pagi, malam di London, tengah malam di Amerika Syarikat. Tidak tahukah perjalanan spekulator dan pembelian urus niaga mata wang ini berterusan setiap jam. Ketua Pembangkang tidur nyenyak pada waktu malam di Kuala Lumpur, maka urusan niaga mata wang di New York masih berterusan. Ini belum selesai dalam tempoh empat bulan, belum selesai krisis ini disebabkan oleh mainan spekulator mata wang. Siapa kata sudah berhenti dalam dua minggu bulan Julai, siapa kata? Sampai hari ini masih berjalan lagi. Bukan di Kuala Lumpur, dari London sampai ke New York kerana semua urusan ini mengambil kedudukan (position) dalam mata wang Ringgit. Itu yang pertama.

Jadi, saya harap dengan keadaan begini sekarang kita semua kena semak sedikit maklumat dan teliti, jangan umpamanya buat begitu. Kerana kalau kita buat begitu, kita akan maafkan spekulator. Spekulator, kata Ketua Pembangkang, salah two weeks of original seen. Seen dia sudah tidak ada sekarang ini. Original sampai sekarang ini, sebab itulah Perdana Menteri mencadangkan dan Malaysia di antara yang paling tegas dalam hal ini memperkenalkan urusan peraturan (prudential regulations) dalam soal currency trading.

Pasaran saham, kata Ketua Pembangkang, mengapa terus begini. Tiga, empat bulan yang lalu, bulan Julai, dilanda Thailand, selepas itu Indonesia, selepas itu Korea Selatan, Taiwan, Brazil sekarang telah diserang kuat. Bagaimana boleh kita katakan bahawa ini disebabkan oleh self-inflicted wounds di Malaysia. Ini self-inflicted wounds yang direka oleh Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

Jadi, sebenarnya saya katakan, oleh yang demikian, setiap perkembangan di Thailand ada kesan kepada kita, di Indonesia ada kesan kepada kita, di Selatan Korea berlaku juga, ada impak kepada kita. Tetapi kita baik dari belanjawan ataupun penjelasan Perdana Menteri tatkala mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara adalah kenyataan untuk menerima bahawa ada masalah-masalah.....*[Y.B. Tuan R. Karpal Singh masuk ke Dewan]*

Jadi, saya harap dengan ini semua pihak, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan pembangkang termasuk DAP ambil maklum tentang keadaan sebenarnya, ambil langkah-langkah positif untuk memulihkan kerana ekonomi kita masih di landasan yang kukuh dan mesti kita pulihkan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis, Yang Amat Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi?

Beberapa Ahli: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Saya ingat Yang Amat Berhormat sudah habis, Yang Berhormat. Ya, teruskan urusan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [Hari Kesembilan]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.34 [Jadual] -

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan, 1998] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.17 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 266, Program/Aktiviti 020300 Kawalan Penyakit dan muka surat 271, Program/Aktiviti 032200 Farmasi & Bekalan dan muka surat 275, Program/Aktiviti 060100 Sukan Komanwel.

Tuan Pengerusi, ketika negara ini mengalami ekonomi gawat, ekonomi bergelora dan kita memang perlu mengambil langkah-langkah yang tegas, yang berdisiplin, yang berkesan, termasuk ahli-ahli dari pembangkang pun kita mesti bekerjasama untuk mengatasi semua kebuntuan dan semua kelemahan. Tetapi ini tidak bermakna kita tidak akan menganalisis apa yang berlaku, tidak akan mengupaskan apa yang berlaku supaya kita boleh sama-sama mengatasi kelemahan-kelemahan itu.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Mana ada sama-sama?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tak sama-sama, Pokok Angsana tak sama, itu lain kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangkitkan hal ini kerana di dalam Kementerian Kesihatan pun kita nampak disiplin yang tidak cukup dan pada satu ketika Kementerian Kesihatan menjadi kementerian coxsackie, kemudian menjadi kementerian enterovirus dan sekarang menjadi kementerian kepiluan - terpilu-pilu untuk menjawab. Sebab kenyataan daripada kementeriannya mengenai wabak di Sarawak dikatakan dilaung-laungkan dengan begitu lantang, coxsackie semuanya tetapi kementerian kemudian kata ada 42 kanak-kanak mati kerana enterovirus, di antaranya 32 daripada Sarawak, 2 daripada Sabah dan bakinya 9 daripada Semenanjung, jumlahnya 42 kanak-kanak mati.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat yang dikatakan 32 kanak-kanak mati kerana coxsackie di Sarawak. Kita dapat bantuan daripada pakar-pakar Central of Disease Control (CDC) di Atlanta dan juga daripada Jepun. Soalan yang pertama, siapa yang bayar pakar-pakar ini? Kita bayar ataupun mereka bayar? Apakah sumbangan mereka?

Saya mengucapkan syabas kepada semua yang datang ke Malaysia untuk membantu, tetapi adakah sebilangannya datang ke Malaysia untuk mencari pengalaman kerana mereka tidak pernah ada pengalaman seperti ini. Misalnya di Atlanta, mana ada keadaan seperti di Malaysia dan kita undang orang daripada Atlanta untuk menyiasat di sini walhal daripada Indonesia, daripada Thailand, daripada Singapura dan termasuk daripada Australia ada kita minta pertolongan kerana mereka mempunyai kawasan yang hampir sama, kawasan khatulistiwa, tetapi kita pergi ke Atlanta.

Saya tidak menafikan kalau mereka benar-benar dapat memberi sumbangan yang cukup, kita terima, kita berterima kasih, tetapi setakat ini apakah pengumumannya? Kalau kita tidak boleh selesaikan hal seperti ini, maka ini menunjukkan kelemahan di dalam keadaan, mungkin kelemahan yang seumpama ini berlaku di Kementerian Kewangan dan bank-bank di Malaysia juga. Ini masalah kita.

Mengapa pihak kementerian tidak boleh mengumumkan di sini dengan seikhlas-ikhlasnya mengenai apa yang berlaku di Sarawak? Pada satu ketika kata coxsackie. Dan Pokok Angsana pun ada soalan mengenai coxsackie pula. Ha, tak bangun, tak ada soalan sekarang kerana dia sama-sama sipu sekarang - tersipu-sipu kerana tak boleh jawab. Tetapi mengapa jawapan kepada saya di dalam Dewan yang mulia ini kata ada dua orang yang mati di Sarawak kerana enterovirus, semua itu meninggal dunia kerana coxsackie ataupun penyakit yang kita tidak tahu.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pokok Sena bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa lagi nak? Coxsackie tak cukup?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia mencarut, bercakap lucu, Tuan Pengerusi, saya segan hendak sebut tetapi apa 'cock' yang disebutkan tadi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa, Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Pokok Angsana ini memang fikiran dia itu lain sedikit, fikiran songsang sedikit. *[Ketawa]* Bila kita sebutkan coxsackie, dia tak boleh tahan dah! *[Ketawa]* Patutlah Kementerian Kesihatan tak boleh tahan, Pokok Angsana pun tak boleh tahan.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini apakah sebenar berlaku di Sarawak kerana Tuan Pengerusi masih ingat ada wabak kerana loh see fun di Perak, tetapi jawapan daripada kementerian tidak pernah kata apakah puncanya sehingga hari ini dan begitu juga dengan penyakit berjangkit di Sarawak. Saya berharap Kementerian Kesihatan di dalam masa kita menghadapi kesusahan ekonomi dan minta lebih daripada RM141 juta untuk kawalan penyakit dapat memberi jawapan yang tepat dan persis untuk semua. Jangan kita bohong, kerana kalau kita tidak dapat jawapan yang tepat, itu tidak baik.

Tuan Pengerusi, mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, beliau ada mengatakan semua pesakit dan doktor di Malaysia mesti menggunakan ubat

tempatan. Saya setuju kita mesti gunakan ubat tempatan, kerana ubat-ubat ini memang daripada luar mahal dan kita tidak mahu hilang tukaran asing. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang timbul. Pertama, mengenai penswastan stor kerajaan (government store) yang membekalkan ubat-ubat ini. Apakah terjadi sekarang dengan penswastan ini, kerana penswastan ini memang terlibat dengan syarikat-syarikat seperti yang disebutkan, kalau tidak silap saya ada kaitan dengan Renong dan sebagainya, tetapi Yang Berhormat silalah terangkan apakah terjadi dengan penswastan ini supaya kita semua dapat ubat-ubat yang berkualiti, bermutu dan berharga rendah.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali, ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa ada ubat tiruan. Walaupun Yang Berhormat pernah mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ubat tiruan hanya 0.1%, saya tidak mempercayai kepada angka seumpama ini, saya percaya angka itu lebih tinggi daripada 0.1%. Kalau kita hendak galakkan semua bangsa Malaysia menggunakan ubat tempatan yang bermutu tinggi, maka pihak kementerian mesti mempertingkatkan kawalan ke atas semua orang yang membekalkan ubat, termasuk yang membekalkan ubat palsu. Ini penting.

Ada satu perkara lagi yang juga penting ialah kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian untuk mengawal kualiti ubat. Kadangkala saya dapati kualiti yang dibekalkan, terutamanya ubat tempatan, tidak begitu tinggi. Ini bermakna, keberkesanan Kementerian Kesihatan untuk mengawal selia semua bekalan ubat adalah kurang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup, tetapi bekalan itu tak cukup [*Ketawa*] dan keberkesanan tak cukup.

Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Tadi saya ada mengatakan masalah penyakit berjangkit di Sarawak dan juga di seluruh Semenanjung tidak dikawal dengan baik oleh pihak kementerian walaupun ada kakitangan dalam kementerian yang bekerja dengan bersungguh-sungguh, bertungkus-lumus dan kita memang mengucapkan syabas kepada mereka, tetapi ada yang tidak betul juga termasuk kenyataan yang dibuat oleh pihak kementerian mengenai insiden ataupun wabak di Sarawak.

Kedua, mengenai kawal seliaan terhadap ubat-ubat tempatan yang digalakkan untuk digunakan oleh pihak kementerian. Kalau kita hendak gunakan ubat ini, maka pihak kementerian mesti mempertingkatkan usaha untuk membekal menjaminkan ubat-ubat yang kita dapati di pasaran tempatan ini adalah berkualiti tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lumut.

4.28 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Butiran 020000 Kesihatan Awam, terutama Program/Aktiviti 020300 Kawalan Penyakit.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh atas isu berkenaan penswastan perubatan pekerja asing kepada syarikat Fomema, pemegang konsesi projek ini untuk tempoh masa selama 15 tahun. Fomema ialah satu syarikat di mana 25% dipegang oleh koperasi doktor dan 75% dipegang oleh Anjur Dinamik Sdn. Bhd.. Saya difahamkan Anjur Dinamik Sdn. Bhd. ada mempunyai modal RM2 sahaja. Saya berpendapat bahawa penswastan projek ini tidak perlu diadakan jika sekiranya ia adalah berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberi oleh syarikat Fomema.

Yang pertama, laporan pemeriksaan pekerja asing tidak berapa jitu dan lengkap.

Yang kedua, kerap kali mendapat laporan yang palsu, jika pemeriksaan perubatan dijalankan oleh pihak perubatan, selain daripada yang telah dipilih dan dibenarkan oleh Fomema.

Saya yakin alasan-alasan yang disebut oleh Fomema adalah remeh-temeh dan boleh diatasi jika badan-badan seperti Malaysian Medical Council (MMC), Kementerian Kesihatan serta Persatuan Doktor-doktor Malaysia memperketatkan lagi fungsi-fungsi mereka sebagai badan penyelaras, menyelia etika perubatan, serta sebagai badan pengawal kecuaihan dan penyalahgunaan dalam menjalankan tugas oleh pihak doktor dan makmal perubatan. Tambahan pula saya difahamkan bahawa caj pakej pemeriksaan perubatan yang ditawarkan oleh Fomema bagi setiap pekerja asing lelaki adalah RM180 dan bagi perempuan sebanyak RM190. Caj ini adalah terlalu tinggi, kerana caj yang dikenakan oleh pihak perubatan lain adalah RM120 sahaja. Kos yang dikenakan oleh Fomema merupakan 50% lebih tinggi daripada kos pasaran biasa dan jika perkara ini dibenarkan berlaku, ia akan membebaskan majikan yang sedang mengalami dan menghadapi masalah kewangan kerana kemerosotan ekonomi kita.

Penswastan ini merupakan sebagai satu rip-off, dengan izin, duit pihak majikan dan duit pekerja asing oleh Fomema. Sebagai satu badan penyelaras dan badan audit syarikat tersebut tidak memerlukan banyak modal untuk memulakan perniagaannya kerana selain daripada mendirikan satu perhubungan komputer (computer link-up), dengan izin, alat-alat yang mahal dan canggih tidak diperlukan.

Dr. Mohamad Hanafi, Pengarah Pengurusan Fomema telah memberitahu bahawa RM19 juta telah digunakan untuk memulakan syarikatnya. Sehubungan dengan ini, saya ingin menjelaskan, jika setiap pekerja asing dikenakan bayaran RM30, RM25 untuk bayaran perkhidmatan kepada Fomema dan RM5 untuk menghantar keputusan pemeriksaan perubatan kepada pihak Jabatan Imigresen. Jika 1.7 juta orang pekerja asing diperiksa, maknanya 1.7 juta kali RM30, Fomema akan mendapat kutipan duit sebanyak RM51 juta daripada penswastan projek ini. Angka yang paling tinggi menunjukkan bahawa pada tahun yang pertama dalam operasinya, Fomema akan untung sebanyak RM32 juta dan keuntungan ini dijangka akan bertambah lagi pada masa depan kerana tidak terlibat lagi sebarang kos permulaan (starting cost), dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya bukannya keuntungan ini merupakan sebagai profiteering, dengan izin. Adakah EPU mempunyai satu garis panduan untuk memastikan bahawa untung yang terlalu tinggi tidak jadi yang akan membebaskan majikan dan pekerja.

Tuan Pengerusi, saya rasa yuran makmal sebanyak RM65 untuk pemeriksaan seorang pekerja asing lelaki dan RM75 untuk pekerja asing perempuan yang telah ditetapkan oleh Fomema adalah terlalu tinggi, kerana difahamkan bahawa harga pasaran ujian yang ditetapkan oleh pihak makmal yang sama untuk pelanggan tempatan adalah di antara RM40 hingga RM45 sahaja. Saya ingin bertanya adakah yuran tersebut diserahkan penuh oleh Fomema kepada makmal terlibat dalam ujian pemeriksaan ataupun sebahagian diberi kepada Fomema sebagai feedback. Jika terdapat feedback berlaku, konsesi tersebut perlu ditarik balik daripada Fomema.

Dr. Hanafi telah beberapa kali implicate bahawa keputusan ujian makmal tidak jitu dan lengkap jika bayaran yuran makmal adalah rendah. Saya tidak bersetuju dan saya percaya Dr. Hanafi perlu memeriksa semula penyataannya serta otaknya.

Tuan Pengerusi, seperti yang sedia maklum, buat masa kini negara kita dilandaskan oleh masalah kejatuhan nilai ringgit dan keruntuhan pasaran saham. Kerajaan kita baru menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBEN) atau NGEN dalam bahasa Inggeris untuk menyelamatkan ekonomi kita. Dari segi ini, saya berpendapat dan saya yakin semua ahli Parlimen akan bersetuju dengan saya bahawa pada ketika ini penswastan pemeriksaan pekerja asing tidak sesuai dan tidak perlu

diadakan. It's totally unnecessary, unpopular and unproductive, dengan izin. Sebaliknya saya rasa projek ini harus ditangguhkan kerana ia akan mempertingkatkan lagi penderitaan rakyat kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kemaman.

4.35 ptg.

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Tuan Pengerusi, saya ingin secara ringkas merujuk dua perkara.

Yang pertama, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Lumut merujuk Butiran 020300 - Kawalan Penyakit. Saya ingin menyentuh mengenai penswastaaan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan dan pemantauan laporan perubatan bagi pekerja-pekerja asing kepada Fomema Sdn Bhd. bukan 'Femoma'.

Tuan Pengerusi, kita memang sedar akan pentingnya peningkatan kes-kes penyakit berjangkit yang didapati di kalangan pekerja-pekerja asing di negara kita, yang berjumlah lebih kurang 1.7 juta orang. Peningkatan kes-kes malaria, tuberculosis, leprosy, denggi dan lain-lainnya agak membimbangkan kita. Kita juga mengakui bahawa memang ada terdapat penipuan di dalam pemeriksaan perubatan dan laporan-laporan perubatan palsu yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya mengalu-alukan langkah kementerian untuk mengawal dan memperketatkan proses pemeriksaan perubatan ini supaya ianya dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan dapat mengelakkan dari penipuan dan penyelewengan. Tetapi keputusan kerajaan untuk menswastakan tanggungjawab ini agak kurang tepat dan perlu dikaji dengan lebih terperinci.

Fomema Sdn. Bhd., ataupun Foreign Workers Medical Examination and Monitoring Agencies Sdn. Bhd., ditubuhkan khusus dan dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan pemeriksaan, pemantauan atau monitoring dan juga sebagai badan yang mengaudit laporan perubatan ini. Di samping itu juga syarikat ini diberi tugas untuk mengumpul data-data berkaitan dengan kes-kes penyakit berjangkit.

Tuan Pengerusi, adalah tidak munasabah bahawa satu badan diberi tugas untuk membuat pemeriksaan sekali gus memantau ataupun monitor dan juga mengaudit apa yang dilakukannya sendiri. Kuasa yang diberikan ini agak luas di mana Fomema berhak untuk mengutip wang pendaftaran dari mana-mana doktor yang berminat untuk mendapat kontrak dengan Fomema dan juga berhak untuk memeriksa mana-mana klinik yang dia suka.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah ada peruntukan di mana-mana yang membolehkan mana-mana badan untuk memasuki mana-mana klinik bagi membuat pemeriksaan dan juga mengutip wang pendaftaran dari mana-mana doktor yang bertauliah. Begitu juga....

Dr. L. Krishnan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun.

Dr. L. Krishnan: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sepertimana kita tahu standard sesuatu klinik adalah dimonitor oleh Kementerian Kesihatan melalui Majlis Perubatan Malaysia. Saya difahamkan bahawa pegawai Fomema diberi kuasa masuk mana-mana klinik untuk mengenalpasti standard sesuatu klinik. Saya tidak faham sebab apa kebenaran seperti ini diberi kepada Fomema.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat di sini, adakah Fomema berhak untuk monitor mana-mana klinik perubatan di negara kita. Adakah ini bermakna bahawa Kementerian Kesihatan melepaskan diri dari bertanggungjawab ke atas standard klinik-klinik di negara ini.

Dr. Ramli bin Taib: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu yang saya tanya kementerian tadi. Adakah mana-mana peruntukan oleh mana-mana syarikat ataupun orang persendirian yang boleh memasuki mana-mana klinik untuk membuat pemeriksaan. Jadi, kefahaman saya, dia tidak ada hak ataupun kuasa untuk memasuki mana-mana klinik untuk membuat pemeriksaan ini. Jadi, saya berharap Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan pada kita, bahawa apakah kuasa yang diberikan kepada Fomema ini. Begitu juga dengan kuasa untuk mengumpul data dan statistik mengenai penyakit berjangkit adalah bertentangan dengan Prevention and Control of Communicable Diseases Act, di mana semua laporan adalah rahsia dan juga hanya dapat diberikan kepada pegawai kesihatan ataupun penyelia kesihatan sahaja.

Yang keduanya mengenai bayaran. Saya lihat bayaran yang dikenakan adalah agak tinggi. Tadi saudara saya dari Lumut mengatakan RM180 dikenakan untuk pemeriksaan perubatan, RM25 sebagai service charges dan RM5 untuk sijil (certificate). Ini bermakna kalau kita ambil 1.7 juta pekerja asing di Malaysia ini kali dengan RM30, keuntungan yang didapati yang berjumlah lebih kurang RM51 juta dalam masa satu tahun dengan modal hanya lebih kurang RM19 juta. Kalau kita campurkan lagi dengan 3,000 doktor yang sepatutnya berdaftar dengan Fomema, yang dikenakan caj lebih kurang RM255, hampir RM1 juta. Dalam masa setahun ini Fomema akan dapat membuat keuntungan lebih kurang RM50 juta. Apa sebenarnya yang Fomema buat, ia hanya membeli perisian komputer ataupun software yang canggih dan online dengan semua klinik di seluruh Malaysia. Apa yang dibuat cuma dibina satu pejabat, letak seorang duduk di situ dan monitor. Ia akan mendapat keuntungan lebih kurang RM50 juta tahun pertama. Tahun kedua tidak ada apa-apa modal yang lebih. Jadi, saya kira ini adalah satu keuntungan monopoli yang begitu besar, yang tidak harus berlaku.

Saya kira software atau perisian yang dibeli oleh Fomema ini, kementerian boleh beli. Kementerian boleh letak komputer ini online dengan doktor, tidak ada masalah. Saya tidak faham dan tidak tahu mengapa tanggungjawab untuk monitor keadaan ini diberikan kepada satu syarikat sendiri berhad. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya menyarankan supaya penswastan ini dapat dikaji semula sama ada ianya benar-benar diperlukan ataupun tidak dan jika kementerian masih juga memerlukan Fomema untuk melakukan ini saya ingin mencadangkan supaya diasingkan tugas pemeriksaan dan monitoring ini. Biarlah pemeriksaan dilakukan oleh pengamal-pengamal perubatan yang diambil oleh Fomema sebagai panel doktor dan Fomema hanya berfungsi sebagai badan yang menyelaras dan monitoring, tidak seperti yang dicadangkan sekarang ini di mana Fomema melakukan kedua-dua atau ketiga-tiganya sekali.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 030000 - Rawatan Perubatan. Saya ingin menyentuh perkhidmatan doktor-doktor pakar. Kita memang sedar akan kekurangan pakar-pakar perubatan di negara kita, tetapi apa yang memburukkan lagi ialah taburan pakar-pakar ini yang tidak seimbang di negeri-negeri, apatah lagi di daerah-daerah. Saya ingin bertanya kementerian berapa ramai pakar-pakar perubatan yang ditempatkan di hospital-hospital daerah?

Saya juga ingin menarik perhatian kementerian akan keperluan perkhidmatan doktor pakar yang sangat diperlukan di kawasan saya Kemaman, kerana pertambahan penduduk yang amat ketara dan juga banjir industri-industri berat di sini. Perkhidmatan perubatan di daerah ini adalah tidak sejajar dengan pertumbuhan dan perkembangan industri terutama sekali di dalam petroleum dan gas. Oleh itu, saya minta kementerian mempertingkatkan perkhidmatan perubatan di daerah ini dengan meletakkan doktor-doktor pakar dengan seberapa segera yang boleh. Kalau boleh memasukkan peruntukan untuk membina sebuah hospital baru di Kerteh di dalam Kajian Sepuluh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, kerana ianya sangat-sangat diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

4.49 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.34. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 - Rawatan Perubatan.

Di sini saya ingin merujuk juga kepada satu Program 030700 -Obstetrik dan Ginekologi. Tuan Pengerusi, saya merujuk secara spesifik ke atas kes pasangan suami-isteri kerana melahirkan anak pertama mereka yang berlaku dalam negeri saya dalam Hospital Besar Melaka. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu apa yang saya rujuk, di mana seorang bapa yang bernama Saipol Rizam Ahmad dan isterinya bernama Mastura Amir pada 31 Oktober semasa bersalin anak mereka kepalanya telah terputus. Saya rasa ini adalah satu kes yang amat luar biasa sekali dan seperti yang sedia dimaklumkan amat menyayat hati dan juga menyengsarakan keluarga mereka.

Saya tidak mempersoalkan kalau butir-butir rawatan yang ditunjukkan oleh pihak hospital menunjukkan anak kandungan mereka telah mati dalam rahim sebelum dilahirkan. Sungguhpun di situ ada terdapat percanggahan pendapat oleh seorang doktor swasta di Tanjong Kling, Melaka kerana mereka berasal dari Masjid Tanah. Sungguhpun demikian, saya rasa perkara ini bolehlah dirujuk kepada pakar-pakar untuk menentukan sama ada bayi, anak kandungan mereka mati sebelum dilahirkan ataupun mati selepas kepala mereka terputus. Dr. Alex Matthews adalah seorang doktor pakar, selepas siasatan terperinci, beliau menyatakan bahawa anak dalam kandungan itu mati sebelum dilahirkan, saya bersedia menerima ulasan dan hasil siasatan mereka.

Di sini saya ingin menyatakan dengan tegas atau menimbulkan perkara-perkara yang tidak dipertikaikan sama ada oleh pihak ibu bapa ataupun oleh pihak hospital - yang tidak dipertikaikan ialah bahawa anak dalam kandungan mati bukan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri Kesihatan selepas kes tragik ini telah menyatakan bahawa bayi ini telah mati 48 jam sebelum dilahirkan. Tetapi ini dipertikaikan bukan sahaja oleh doktor swasta tersebut, tetapi juga oleh ibu bapa anak berkenaan. Kalau begitu kerana mereka diberitahu atau dimaklumkan mengikut cerita (version) yang mereka dapati ialah empat jam sebelum dilahirkan, mereka diberitahu bayi itu masih hidup. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan 48 jam sudah mati. Selepas kajian dibuat oleh pakar yang dilantik sendiri oleh Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa bayi bukan mati 48 jam sebelum dilahirkan, tetapi lebih singkat daripada itu. Di sini saya rasa kajian ini menimbulkan sesuatu yang tidak dipertikaikan langsung, iaitu bayi ini tidak mati 48 jam sebelum dilahirkan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri boleh mendapat atau memberikan maklumat yang palsu seperti ini. Mengapa selepas kenyataan yang diberikan beliau tidak menarik balik ataupun meminta maaf kepada ibu yang berkenaan. Bukankah perbuatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sungguh tidak bertanggungjawab, sungguh tidak profesional dan sungguh tidak bertimbang rasa dan tidak berperikemanusiaan. Sehingga sekarang saya tidak dapat lihat dalam surat khabar, mana-mana kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri yang menyatakan perasaan kesal tentang apa yang dinyatakan oleh beliau.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa kedua-dua ibu bapa tidak meminta bantuan daripada saya dan saya pun tidak hanya menunjukkan perasaan simpati terhadap apa yang mereka terpaksa lalui. Tetapi seperti yang saya nyatakan tadi sungguhpun mungkin boleh diterima bayi mati sebelum dilahirkan, kenyataan yang sungguh tidak bertanggungjawab oleh Yang Berhormat Menteri tidak boleh diterima langsung. Mereka ini hanya orang biasa, orang kampung, bagaimana mereka boleh lawan dengan seorang menteri. Sungguhpun mereka hendak menyaman pihak kementerian, tetapi dalam keadaan sedemikian dengan keadaan yang serba kekurangan, saya rasa agak sukar untuk mereka mendapat keadilan daripada Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab itu saya ingin menuntut keadilan di sini.

Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan meminta maaf kepada kedua-dua ibu bapa bayi berkenaan kerana memberikan maklumat palsu yang menyakitkan hati mereka. Saya ingin memberikan notis di sini, diharap beliau akan bertanggungjawab kerana beliau jarang datang ke Parlimen. Rekod kehadirannya sama teruk dengan Yang Berhormat dari Labis dan Yang Berhormat dari Beruas, iaitu 12 peratus kehadirannya ke Parlimen - ini amat teruk sekali, Mungkin tidak berani datang ke Parlimen kerana malu dan menghadapi kritikan ahli Parlimen tentang macam mana dia menjalankan tugasnya sebagai seorang Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin memberikan notis, saya sebenarnya menimbang dalam perkara ini untuk membuat satu usul tidak percaya terhadap beliau, tetapi saya ingin memberikan dia satu peluang. Kalau perkara ini tidak ditangani dengan baik dan kalau ini berulang lagi.

Saya ingin memberi jaminan bahawa dalam sesi yang akan datang, pada tahun depan saya akan membuat satu usul tidak percaya ke atas Yang Berhormat Menteri, kerana perkara ini melibatkan nyawa orang, perasaan orang, bukan sesuatu yang main-main, tentu konco-konco yang mahu menyokongnya tidak ada perasaan timbang rasa langsung. Tolong bayangkan macam mana perasaan ibu bapa apabila diberitahu mereka telah membuat kenyataan palsu dan bayi mereka mati 48 jam sebelum dilahirkan, bila ia tidak berlaku langsung. Dalam perkara ini saya juga berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang ibu dan seorang wanita boleh tahu perasaan ibu yang hendak bersalin, sekurang-kurangnya beliau harus menegur Yang Berhormat Menteri yang tidak tahu apa kesusahan yang terpaksa seorang wanita alami untuk melahirkan seorang anak.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Fomema iaitu konsortium oleh koperasi doktor dan juga Anjur Dinamik untuk menguruskan rawatan atau pemeriksaan ke atas pendarat-pendarat atau pekerja-pekerja asing.

Di sini saya ingin bertanya mengapa kadar pemeriksaan sebanyak RM220 untuk seorang wanita, RM210 untuk lelaki adalah lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan sekarang oleh doktor-doktor swasta sebanyak RM120. Kalau keputusan ini dibuat ia di bawah Kementerian Kesihatan ataupun KDN? Siapa yang sebenarnya memberi kuasa dalam bidang ini? Adakah satu tender terbuka dijalankan, kerana kalau kita hendak memberikan sesuatu konsortium, dia harus dilakukan dengan harga yang paling berdaya-saing, yang paling kompetitif dan paling rendah. Saya tidak nampak semua ini diikuti sepertimana yang ditetapkan di bawah prinsip penswastaan.

Tuan Pengerusi, cuba kita bayangkan kalau dengan harga RM220, bila harga asal adalah RM120, ini adalah satu tambahan yang begitu besar sekali, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi di mana kita cuba berjimat-cermat, tetapi sebaliknya pihak kerajaan pula menaikkan kadar yang perlu dibayar oleh majikan ataupun pekerja untuk menjalankan pemeriksaan sepertimana yang ditetapkan. Oleh sebab itu saya berharap perkara ini boleh dikaji semula dan digantung, tidak seperti sekarang di mana ia dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Perkara yang terakhir Tuan Pengerusi, yang saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri selain daripada perlunya menambahkan kakitangan.

Saya perlu ikut Yang Berhormat dari Kemaman meminta tambahkan sedikit kakitangan, doktor-doktor pakar dan sebagainya untuk Hospital Besar Melaka yang serba kekurangan. Tetapi satu perkara yang saya ingin mendapat perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tentang pharmaceutical industry, tentang satu drug yang bernama Zantec untuk merawat gastric alcer yang dikeluarkan oleh Glaxo Malaysia. Di sini saya telah mendapat aduan sama ada ini benar atau tidak, saya ingin mendapat penjelasan bahawa Zantec ini telah habis patent yang dinikmatinya telah

luput pada awal tahun ini, iaitu dalam peringkat antarabangsa. Tetapi hak-hak patent ini telah dilanjutkan di Malaysia kepada lebih daripada tahun 2000. Saya ingin bertanya kalau ini benar, mengapa ini dibenarkan dan mengapa pula harga Zantec yang dikenakan oleh Glaxo adalah sangat tinggi sehingga lima belas kali lebih tinggi daripada harga Zantec yang dijual di negara India. Adakah ini benar atau tidak? Kalau benar mengapakah pihak kementerian tidak mengambil langkah untuk mengawal ataupun mengurangkan harga supaya ia lebih selaras dengan harga antarabangsa. Yang penting sekali kalau pihak kementerian sedar tentang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Sedikit sahaja, habiskan ayat. Kalau pihak kementerian tahu tentang perbezaan harga ini, mengapa mereka tidak ambil tindakan dan mengapa pula mereka membenarkan patennya berlanjutan. Adakah ini menunjukkan bahawa timbul penyelewengan dalam Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Santubong.

5.00 ptg.

Puan Rohani bin Haji Abd. Karim [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Kesihatan Awam, khususnya di bawah Program 020200 - Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Program 020400 - Pendidikan Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai dengan izin, Program Baby Friendly setakat ini. Saya pernah membawakan atau bertanya mengenai Program Baby Friendly dalam ucapan belanjawan saya pada tahun lepas. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian iaitu setakat ini berapa banyakkah hospital-hospital kerajaan yang telah melaksanakan program ini dan apakah maklum balas-maklum balas yang diterima mengenai program tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa hospital swasta tidak banyak yang melaksanakan saranan kementerian bagi mewujudkan Program Baby Friendly di hospital swasta. Kenapakah ini berlaku, iaitu kenapa pihak hospital swasta tidak ada Program Baby Friendly. Kenapa pihak kementerian pula tidak memberi tekanan (pressure) kepada hospital-hospital swasta agar melaksanakan program ini?

Saya juga pernah menyarankan untuk memastikan kesinambungan Program Baby Friendly ini supaya kumpulan-kumpulan sokongan (support group) terhadap Program Baby Friendly ini diberi peruntukan oleh kementerian agar mereka dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna iaitu penyebaran maklumat kepada ibu-ibu atau bakal ibu dan masyarakat mengenai baby friendly ini. Kalau tidak kumpulan ini akan hilang begitu sahaja atau hilang minat dan untuk memastikan bahawa program ini berjaya, kita perlu kumpulan-kumpulan sokongan ini. Jadi, ingin juga saya mendapat tahu daripada kementerian adakah mereka ini akan diberi peruntukan atau pembiayaan untuk menjalankan tugas-tugas mereka untuk menyebarkan program dan menjayakan Program Baby Friendly.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai usaha kementerian terhadap meningkatkan kesedaran awam mengenai kesihatan. Saya menyarankan di sini agar tindakan yang lebih agresif dijalankan untuk mengadakan banyak ceramah kesihatan di kampung-kampung khususnya di luar bandar, sebab di bandar ini mereka mampu untuk pergi atau mampu untuk mendapat risalah-risalah dan bacaan-bacaan tertentu. Tetapi di kampung-kampung dan di luar bandar, kementerian harus menjalankan tindakan yang lebih agresif untuk memberikan ceramah-ceramah kesihatan.

Pasukan kesihatan harus menjalankan sesi ceramah terus sampai ke akar umbi. Pendidikan kesihatan sangat penting bagi menjayakan banyak program dan

aktiviti Kementerian Kesihatan. Jadi, janganlah kita sampai ke tahap kita tunggu sampai ada outbreak, dengan izin barulah kita tunggang-langgang untuk memberi ceramah kepada masyarakat mengenai bahayanya macam-macam penyakit dan tindakan-tindakan yang harus dijalankan untuk menghindarkan kita daripada mendapat jangkitan tersebut. Bak kata pepatah Inggeris dengan izin 'Prevention is better than cure'.

Saya juga syorkan agar pemeriksaan dengan izin, pap smear diadakan dengan lebih tersusun di luar bandar. Kebahagiaan sesebuah keluarga bermula dengan kesihatan wanita, ibu, isteri. Kalau kita hendak tunggu mereka pergi ke klinik-klinik untuk mendapatkan rawatan tersebut atau pemeriksaan, saya rasa ini amat susah, khususnya bagi mereka di luar bandar, sebab hendak datang ke bandar atau ke klinik yang ada pemeriksaan ini dijalankan adalah mahal dan kita jangan terkejut, kerana saya selaku wakil rakyat pernah membawa sepasukan sukarela kesihatan ke kampung di mana wanita tidak tahupun apa makna 'Pap Smear'. Jadi, saya sangat berharap kepada kementerian supaya ianya dijalankan dan diterangkan apakah pentingnya bagi kita khususnya wanita menjalankan pemeriksaan 'Pap Smear' mengikut kekerapan yang diberitahu oleh doktor masing-masing.

Saya juga hendak mendapat tahu daripada kementerian berapa banyakkah terdapat mesin mammogram khususnya di Sarawak. Saya pernah pergi membuat temu janji untuk membuat siasatan mammography atau check-up mammogram dan hanya satu mesin pula yang ada di seluruh Kuching. Jadi, bayangkan mesin ini pula rosak. Bila saya hendak membuat follow-up atau tindakan susulan untuk menjalankan pemeriksaan mammography dikatakan ia masih rosak dan mengambil masa berbulan-bulan untuk meringkas. Jadi, itulah sebabnya saya hendak mendapat tahu daripada pihak kementerian berapa banyakkah mesin ini di Kuching, di Sarawak keseluruhannya atau di mana-manalah di seluruh Malaysia, kalau dapat ditunjukkan statistik ini, sebab masalah ini adalah satu daripada penyakit, dengan izin, the killer disease ialah barah payu dara. Jadi, saya sangat berharap agar alat-alat ini mudah digunakan untuk menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan tertentu khususnya kalau dapatlah dibawa juga alat-alat ini ke klinik desa di luar bandar supaya ianya dapat digunakan oleh rakyat khususnya wanita, sebab kalau wanita sihat keluarga bahagia.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bertanya kepada Kementerian Kesihatan mengenai Pewujudan Pasukan Sukarela di hospital-hospital. Memang diakui tadi beberapa orang rakan telah memberitahu bahawa mereka memohon agar ditambahkan kakitangan di hospital-hospital. Jadi, memang diakui bahawa kakitangan tidak mencukupi di hospital-hospital lebih-lebih lagi dengan kita sekarang ini dalam belanjawan berhemat, mungkinlah pihak kerajaan tidak dapat mengadakan dengan secepat mungkin kakitangan-kakitangan yang diperlukan dalam semua kategori. Juga diketahuhi dan boleh dikenal pasti bahawa kementerian memerlukan berbagai-bagai jenis kerja-kerja sokongan di hospital yang boleh dibantu oleh sukarelawan. Oleh yang demikian, saya hendak bertanya kepada kementerian kenapa kita tidak boleh mengadakan pasukan-pasukan sukarelawan untuk membantu kerja-kerja ringan yang boleh dijalankan oleh mereka ini seperti membimbing tangan pesakit yang tidak boleh berjalan dengan sendiri seperti pesakit di Bahagian Ortopedik atau bagi mereka untuk menjaga kanak-kanak di wad kanak-kanak, di wad kanser dan memberi kata-kata motivasi bagi pesakit di wad kanser dan sebagainya.

Saya berani mengatakan ini sebab ada beberapa orang jururawat yang telah dihantarkan ke satu seminar di Canada, mereka ini mendapati ada pasukan-pasukan sukarelawan yang membantu kerja-kerja ringan, yang tidak perlu latihan-latihan terperinci, membantu dan boleh menjalankan kerja-kerja bagi menyokong, membantu jururawat dan yang lebih rendah daripada itu, mungkin kerani-kerani. Jadi, mereka ini adalah sukarelawan yang sebenarnya tidak dibayar gaji. Oleh itu, saya ingin menyarankan di sini agar Kementerian Kesihatan bolehlah berhubung dengan pihak-pihak ini di Canada, mungkin fakta saya tidak berapa betul, tetapi pihak kementerian bolehlah memastikan bahawa apa yang saya katakan ini sah. Selepas itu bolehlah

pihak kementerian merujuk kepada Yayasan Salam yang boleh mencari sukarelawan-sukarelawan yang memenuhi kategori-kategori yang diperlukan di hospital-hospital, di mana saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Penaung Yayasan Salam akan cukup gembira melihat bahawa kementerian pun menggunakan program yang akan dijalankan oleh Yayasan Salam iaitu untuk mewujudkan satu data bank ataupun pool sukarelawan-sukarelawan yang boleh membantu di dalam kategori-kategori kerja-kerja yang ada di hospital yang tidak memerlukan pakar. Ini akan mewujudkan masyarakat penyayang yang kita idam-idamkan. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, yang di belakang.

5.10 ptg.

Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Tuan Pengerusi, saya bangun membahas Butiran 020300 - Kawalan Penyakit. Perkara ini ialah penswastaan perkhidmatan pemeriksaan perubatan pekerja asing, iaitu cadangan dari Fomema Sdn. Bhd. Tajuk pertama ialah cara atau sistem penswastaan, apa sebabnya tidak ada sesi dialog yang sesuai dengan pihak EPU, MMA, Private Practices Association dan lain-lain. Jikalau mengikut latar belakang segala cara penswastaan IWK (Indah Water Consortium), selepas implementation IWK banyak masalah dan banyak pihak dari penduduk-penduduk dan pelabur-pelabur tidak puas hati.

Tuan Pengerusi, mengenai Fomema, pihak Backbenchers Club (BBC) ada satu taklimat dengan Pengurus Besar Fomema pada minggu yang lepas. Kita tidak boleh terima jawapan dari Fomema berkenaan caj makmal.

Tuan Pengerusi, jika mengikut siasatan dan statistik saya sendiri caj makmal dari Fomema ialah lebih kurang RM65, tetapi caj dari lain-lain makmal di Lembah Kelang sangat rendah, misalnya caj dari satu syarikat yang bernama Clinay Land sebanyak RM35. Caj dari lain syarikat namanya Path Lab yang paling besar di Malaysia dan Singapura sebanyak RM25 dan caj yang paling rendah dan ada association dengan syarikat-syarikat di Australia - Grables RM23.

Tuan Pengerusi, tadi kita ada mendengar komen dari lain-lain Yang Berhormat. Oleh sebab itu doktor swasta termasuk saya tidak boleh menerima caj ini. Saya ingat cadangan penswastaan Fomema tidak adil dan transparent, jadi konsep ini lebih baik ditangguh sehingga sampai masanya semua masalah sudah selesai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

5.14 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Di sini saya ingin menyentuh Butiran 020300 - Kawalan Penyakit.

Tuan Pengerusi, saya memang menyokong komen-komen dan cadangan-cadangan membina yang diberikan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai cara penswastaan kepada Fomema Sdn. Bhd. Dari segi undang-undang, saya harap pihak kementerian agar dapat lebih teliti kerana dengan mewujudkan Fomema Sdn. Bhd., semua doktor swasta perlu memberikan maklumat tentang penyakit pekerja asing ini kepada Fomema dan memang dari segi undang-undang prevention of infectious diseases, doktor tidak boleh mengemukakan maklumat kepada pihak yang lain kecuali kepada pesakit. Oleh yang demikian, saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat menerangkan tentang hal ini. Selain daripada itu pihak Fomema akan mengenakan bayaran pendaftaran kepada semua doktor-doktor swasta yang akan terlibat dalam pemeriksaan kesihatan kepada pekerja asing ini, sama ada ini ada caj yang kedua selain daripada mereka sudah didaftarkan di bawah Persatuan Doktor-doktor Malaysia (MMC). Mereka adalah doktor yang bertauliah, mereka sudah

didaftarkan seperti peguam, mereka didaftarkan di bawah Bar Council, mereka tidak perlu didaftarkan oleh pihak yang lain. Oleh yang demikian, dari segi undang-undang, sama ada pihak Fomema ada legal status untuk mengutip bayaran pendaftaran daripada doktor-doktor swasta ini.

Tuan Pengerusi, saya kluatir dengan tambahan bayaran pemeriksaan kesihatan kepada pekerja asing ini akan mendatangkan beban kepada majikan-majikan dan ini akan mendatangkan kesan buruk, kerana ia kemungkinan akan mendatangkan inflasi kepada pengguna-pengguna. Oleh yang demikian, saya harap kita perlu lebih teliti.

Di sini saya ada satu soalan, saya harap Kementerian Kesihatan dapat memberikan alasan yang lebih terperinci mengapa perlu mewujudkan satu syarikat Fomema Sdn. Bhd., ini dan memberikan kuasa monopoli kepada syarikat ini dalam pemeriksaan kesihatan kepada pekerja-pekerja asing kerana ini mendatangkan satu pertanyaan kepada saya, sama ada Kementerian Kesihatan sendiri sudah hilang keyakinan untuk mengawal doktor-doktor swasta dalam tugas pemeriksaan pekerja asing selama ini. Kalau begini, saya kluatir kemungkinan ada lain bidang dalam Kementerian Kesihatan akan diswastakan satu persatu dan pada satu hari nanti Kementerian Kesihatan akan hilang tugas dan semua akan diswastakan. Jadi, pihak pengguna atau rakyat jelata akan menanggung beban kerana penswastakan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada apa yang saya katakan tadi, saya juga menyokong atas cadangan membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai Fomema. Jadi saya ingin sentuh perkara yang mana sekarang kita menghadapi masalah yang serius iaitu mengenai kawalan penyakit berjangkit khasnya penyakit demam denggi terutama berlaku di bandar-bandar besar. Kita dapati ia semakin serius. Adakah ini satu tanda bahawa Kementerian Kesihatan sudah gagal dalam kerja pencegahan yang sangat penting ini, kerana untuk mencegah demam denggi berdarah ini, yang penting sekali adalah tindakan-tindakan pencegahan. Pencegahan adalah lebih baik, lebih sempurna daripada rawatan, kerana penyakit demam denggi ini yang disebabkan oleh virus, tiada perubatan yang spesifik, kita cuma menggunakan perubatan symptomatic untuk merawat seseorang pesakit dan ini adalah satu masalah yang kita perlu lebih serius. Jadi hendaklah diadakan usaha-usaha yang lebih berkesan untuk mencegah penyakit berjangkit demam denggi ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang Butiran 020500 - Kawalan Mutu Makanan. Saya dapati bahawa tahap kebersihan premis makanan dan pusat-pusat penjaja di negara kita ini masih dalam keadaan yang tidak sempurna dan perlu dipertingkatkan. Oleh yang demikian, adalah penting pihak Kementerian Kesihatan berkerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan premis makanan dan memberikan pemeriksaan yang lebih rapi terhadap premis makanan dan pusat-pusat penjaja supaya makanan-makanan yang dijual adalah bersih dan sihat untuk dimakan atau diminum, agar ia dapat mencegah penyakit berjangkit akibat kekotoran makanan atau minuman.

Saya ingin menyarankan di sini supaya pihak kementerian dapat meninjau sama ada negara kita perlu mengadakan satu Akta Keselamatan Makanan dengan mewujudkan Akta Keselamatan Makanan semua pengendali makanan diwajibkan menghadiri kursus pengendalian makanan sebelum mereka terlibat dalam kerja-kerja pengendalian makanan.

Saya dapati pada masa sekarang kursus pengendalian makanan ada dijalankan tetapi tidak boleh diwajibkan kerana tiada undang-undang yang tertentu. Oleh yang demikian, kalau boleh dapatlah kita mengadakan satu undang-undang yang disebutkan Akta Keselamatan Makanan yang mana ada peraturan-peraturan tertentu, jadi semua majikan di premis makanan termasuk semua pekerja-pekerja pengendali makanan dapat diberi kursus tertentu untuk mengendalikan makanan. Jadi, dapatlah kita mempertingkatkan mutu makanan di negara kita ini menjelang tahun 2020.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya harap pihak kementerian dapat mempertingkatkan usaha dalam pendidikan kesihatan. Ini ada terdapat di dalam Butiran 020400, kerana pendidikan adalah satu cara yang baik untuk mewujudkan kesedaran antara rakyat jelata kita, terutama kalau pendidikan kesihatan dapat diberikan kepada semua sekolah - memang diberikan. Tetapi saya harap ia dapat dipertingkatkan bila pelajar-pelajar kita memperolehi pendidikan kesihatan yang cukup, mereka akan dapat memberikan maklumat tentang kepentingan kesihatan kepada ibu bapa dan keluarganya. Ini kita akan bersama-sama mempertingkatkan pendidikan kesihatan seperti tidak membuang sampah merata-rata, mengamalkan cara baik untuk menguruskan sampah-sarap dan mencintai sungai kita dan lain-lain. Cuma makan makanan yang bersih dan mengunjungi premis-premis makanan yang bersih, dengan usaha ini kita akan dapat mencegah penyakit berjangkit.

Saya ada satu pendapat, jika negara kita ini dapat menuju kepada kepentingan pencegahan dari segi kesihatan, di satu hari nanti, kita akan dapat mengurangkan perbelanjaan rawatan di Kementerian Kesihatan, kerana di negara-negara maju mereka dapat mempertingkatkan usaha dalam meningkatkan kerja-kerja pencegahan terhadap penyakit berjangkit yang tidak disebabkan oleh penyakit berjangkit. Jadi mereka dapat menjimatkan wang yang perlu digunakan untuk rawatan. Pada fikiran saya preventive medicine is more important than theoretive medicine. Jadi, saya harap kita dapat menuju kepada matlamat ini. Dengan kata-kata demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Serdang.

5.28 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 020000 - Kesihatan Awam.

Tuan Pengerusi, pencemaran air sungai Langat baru-baru ini telah mengakibatkan logi pembersihan air sungai Langat dan Cheras Batu 11 ditutup sementara sebelum ini. Pembekalan air tergendala menyebabkan beribu-ribu orang penduduk dalam Lembah Kelang menghadapi masalah tidak ada bekalan. Kilang-kilang berhenti operasi dan kerugian menjangkau jutaan ringgit. Peristiwa ini telah mendapat perhatian pihak Jemaah Menteri untuk mengatur langkah supaya masalah pencemaran air sungai dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, bekalan air pulih selepas 111 jam terputus. Pihak pengguna amat mengambil berat sama ada air yang dibekalkan oleh loji-loji yang tercemar sebelum itu, yang diuruskan oleh Puncak Niaga Sdn. Bhd., memenuhi peraturan kualiti dan kebersihan bekalan air World Health Organisation (WHO) atau tidak.

Tuan Pengerusi, masalah ini juga menarik perhatian orang ramai serta menimbulkan kerisauan dan kebimbangan masyarakat dengan polisi Kementerian Kesihatan dalam mengusahakan kesihatan awam, pihak kementerian berkelayakan untuk menentu dan mengenalpastikan kebersihan bekalan air.

Saya ingin bertanya pihak kementerian terhadap kes pencemaran air dan bekalan dihentikan, bagaimanakah kementerian mengenal pasti bekalan air yang pulih semula memenuhi syarat atau peraturan kualiti air yang digariskan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Kesihatan seharusnya memberi penjelasan terhadap masalah bekalan air ini, termasuk teknik dan cara mengenal pasti kebersihan bekalan air supaya penjelasan sebegini dapat memberi jaminan kepada para pengguna. Pada masa yang sama adakah pihak kementerian telah menerapkan Akta Kebersihan Bekalan Air (Clean Water Act) yang terkini dan sesuai untuk menggantikan kekurangan-kekurangan peraturan yang sedia ada untuk menjamin kualiti dan kebersihan bekalan air.

Tuan Pengerusi, P.34 Butiran 00400 - Hospital-hospital. Berkenaan dengan klinik bidan di Kampung Baru Salak Selatan, Kuala Lumpur, klinik tersebut telah

memberi kemudahan perubatan kepada beribu-ribu orang penduduk di kampung tersebut terutamanya kepada kaum wanita dan kanak-kanak. Selama ini penduduk-penduduk tidak perlu pergi ke pusat kesihatan lain yang jauh dari kampung mereka. Tetapi klinik ini tiba-tiba ditutup tanpa notis lanjut. Ini amat mengejut dan mengecewakan penduduk kampung. Saya sebagai Ketua Biro Hal Ehwal Kampung Baru MCA Kebangsaan, saya telah menerima aduan daripada penduduk dan telah mengambil inisiatif untuk meminta penjelasan kementerian melalui surat. Tetapi sehingga hari ini saya masih belum menerima apa-apa jawapan daripada kementerian. Bagi pihak penduduk mereka berhak memperolehi kemudahan perubatan yang memadai dan juga mengetahui sebab-sebab klinik tersebut ditutup.

Tuan Pengerusi, tidak lama sebelum ini saya pernah ditanya semasa melawat ke Kampung Sungai Ramal Dalam mengenai cadangan membina hospital di kawasan tersebut. Ekoran dengan pengumuman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di mana sebuah tapak telah dikenal pasti yang berdekatan dengan Bandar Baru Bangi telah diisytiharkan sebagai tapak hospital. Ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial dan perkhidmatan PKNS untuk masyarakat. Maka saya bagi pihak penduduk kawasan Sungai Ramal Dalam meminta pengesahan sama ada kementerian telah menerima tawaran tapak daripada PKNS atau belum. Jika sudah, bilakah kemudahan kesihatan ini dapat dinikmati oleh penduduk kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan telah mengumumkan bahawa sebuah hospital di UPM akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Hospital ini juga akan dibuka untuk penduduk-penduduk kawasan Serdang dan Puchong. Maka saya minta Kementerian Kesihatan memberitahu bilakah cadangan ini akan dilaksanakan dan laporan tentang kerja-kerja dalam progress supaya membolehkan penduduk-penduduk Serdang dan Puchong lebih memahami cadangan tersebut, kerana ini penting untuk kawasan tersebut di mana telah dijanji oleh kementerian, maka saya minta penjelasan daripada kementerian ini. Dengan ini, saya memberi sokongan terhadap peruntukan ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Perbahasan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Teluk Intan.

5.35 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hari ini saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020000, 030000, 040000.

Tuan Pengerusi, mengikut World Health Organisation (WHO), badan ini telah mengesyorkan bahawa minimum 5% dari GDP patut disalurkan kepada sektor kesihatan. Akan tetapi negara Malaysia belum lagi mencapai peratusan ini. Saya harap tindakan akan diambil untuk mencapai sekurang-kurangnya 5% atau lebih dari ini. Negara Jepun menyalurkan 6% dan Amerika menyalurkan sebanyak 40% dari GDP untuk kesihatan. Walaupun kita mungkin mencapai 5% beberapa tahun dari sekarang, akan tetapi jika langkah kerajaan untuk menswastakan beberapa sektor Kementerian Kesihatan akan hanya menjejaskan dan tidak akan membawa kebaikan yang tertentu kepada orang Malaysia, terutama pesakit-pesakit.

Baru-baru ini beberapa sektor telah diswastakan terutama sekali, dengan izin, waste management, bio-medical engineering, cleansing, kedobian dan sebagainya. Yang perlu dijelaskan oleh kerajaan adalah kenapa perkara ini diswastakan? Wal hal tidak ada apa-apa sesi dialog mengenai perkara ini di negara ini, dan apakah kerajaan tidak mencari jalan supaya sebelum diswastakan beberapa sektor ini kerajaan meneliti supaya ia dapat mengurangkan dari segi ia sendiri - tidak perlu ia diswastakan kerana dapat di 'manage' oleh Kementerian Kesihatan.

Selain dari itu, saya ingin juga menyentuh pada satu perkara yang luar biasa yang telah terjadi baru-baru ini. Saya difahamkan di beberapa hospital besar di Malaysia ada arahan bahawa semua pakar perubatan terutama Pakar Perubatan Ortopedik, General Surgeon, Eye Specialist dan ENT, Psikiatri dan lain-lain selalunya pergi ke hospital-hospital luar bandar dari hospital besar atau general hospital. Akan tetapi baru-baru ini kerajaan telah mengarahkan bahawa arahan ini dibatalkan. Ini adalah kerana saya difahamkan untuk menjimatkan wang untuk kerajaan. Yang menjadi masalah dalam proses decision oleh kerajaan ialah hospital-hospital di luar bandar seperti di negeri Perak; di Gerik, Selama, Tanjong Malim dan sebagainya pakar-pakar ini adalah tidak pergi lagi ke tempat itu, wal hal pesakit-pesakit yang datang dari golongan kurang pendapatan tidak berjumpa dan tidak mendapat servis dari pakar-pakar ini. Saya juga difahamkan ramai di antaranya tidak dapat datang ke hospital-hospital besar yang lain yang ada di Perak, iaitu di Ipoh, Teluk Intan, Sri Manjong dan Taiping. Yang kurang diterima oleh pakar-pakar doktor, saya difahamkan di seluruh Malaysia, khususnya di negeri Perak adalah bila pakar-pakar ini pergi ke luar bandar, mereka bukan sahaja berjumpa dengan pesakit-pesakit, tetapi juga memberi nasihat yang tertentu kepada doktor-doktor yang ada di hospital-hospital tersebut di mana kebanyakan doktor di hospital luar bandar adalah doktor-doktor yang dikatakan junior, yang tidak ada experience. Tetapi experience yang ada pada specialist-specialist yang tertentu sekarang tidak dapat diberi, nasihat-nasihat tidak

dapat diterima kerana doktor-doktor ini tidak dibenarkan pergi ke hospital-hospital luar bandar atas sebab menjimatkan wang kepada kerajaan.

Saya juga difahamkan bila doktor-doktor pakar berada di hospital-hospital luar bandar, mereka mengadakan sesi untuk berjumpa dengan normal medical doctors bukan mengenai hal-hal patient, tetapi pada masa makan juga mereka membincangkan hal-hal pesakit dan juga teknologi yang terbaru yang ada di negara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga difahamkan bahawa beberapa Government Medical Store yang baru-baru ini disentuh oleh sahabat saya dari Kepong, saya kurang faham kenapa perkara ini diswastakan. Government Medical Store yang telah membuat satu kerja menjimatkan banyak wang kepada kerajaan di mana saya difahamkan beberapa, dengan izin, medicine and drugs yang dibeli olehnya adalah dalam satu quantum yang banyak, maka dalam satu situasi mendapat favourable term. Akan tetapi oleh kerana sekarang Government Medical Store (GMS) telah diswastakan, harga dan bayaran yang dibuat sekarang adalah terlampau tinggi. Saya difahamkan adalah lebih kurang dua kali ganda dari yang patut dibiayai oleh GMS. Jika ini dibenarkan, saya mohon - adakah ini benar, dan jika ia benar saya harap kerajaan akan mengkaji balik perkara ini supaya bila ia diswastakan rancangan ini akan dikaji balik dan ditarik balik oleh kerana tidak mementingkan pesakit-pesakit rakyat Malaysia.

Semua hal mengenai penswastakan ini tidak memberi manfaat-manfaat yang tertentu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya hairan apakah tujuan penswastakan perkara ini kerana tidak ada apa-apa, dengan izin, transparency and accountability dalam semua transaksi ini. Saya juga difahamkan bahawa jika ia berlanjutan ia bukan sahaja memberi banyak kesusahan kepada pesakit-pesakit, oleh kerana ramai di antara pesakit tidak dapat membiayai, membeli drug. Akan tetapi ia juga akan memberi satu anggapan bahawa medical service ini pada tiap-tiap tahun servis yang diberi ini akan menaikkan bukan sahaja taraf, tetapi harga-harga dinaikkan setiap tahun tanpa dilindungi. Saya harap kerajaan dapat memberi satu penjelasan, apakah sebab ini berlaku.

Sebelum saya habiskan, ada satu lagi perkara di mana bukan sahaja di Ipoh baru-baru ini, tetapi di seluruh negara, beberapa pakar telah meletakkan jawatan kerana tidak mendapat servis-servis yang patut diberi. Adakah ini benar mereka tidak diambil kira dari segi salary scheme tidak di 'revise' dalam perkara ini. Terima kasih.

5.44 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak berucap dalam Butiran 010000 - Pengurusan. Saya bimbang sebab sekarang ini apabila perwujudan hospital-hospital private, bila timbul perkataan 'private'; 'hospital private', 'sekolah private', saya paling bimbang sekali adalah tentang pengaliran specialist, sama ada guru ataupun doktor-doktor pergi ke pihak private. Sebab pihak private bayar lebih.

Misalnya, doktor private, kalau tadi kawan-kawan saya bangkitkan tentang memperbanyakkan doktor pakar di luar bandar, dalam bandar, kalau peringkat sekarang ini bukan setakat hendak ada pakar di luar bandar, di dalam bandar pun tidak akan wujud pakar-pakar oleh sebab tarikan kepada hospital-hospital private. Saya bangkitkan di sini sebab saya diberitahu oleh salah seorang pakar yang tidak mahu namanya disebut tentang masalahnya. Dia adalah seorang pakar, dan dengan niat yang baik dia hendak melatih doktor-doktor di hospital. Tetapi tarikan hospital-hospital swasta, dengan gaji yang terlalu lumayan, misalnya berpuluh-puluh ribu. Bila dia tinggal dalam hospital kerajaan bayarannya lebih kurang RM7,000-RM8,000 sahaja. Kadang-kadang kalau kawan-kawannya meninggalkan dan masuk ke hospital-hospital swasta, tinggal beliau dengan semangat untuk melatih doktor-doktor yang lain setakat mana dia boleh tahan. Nanti anak muridnya yang dilatih akan pergi ke hospital swasta.

Oleh itu, saya mencadangkan di sini, sebelum kita terlewat supaya doktor-doktor di hospital kerajaan jangan lari ke hospital-hospital swasta, saya meminta supaya kerajaan menimbang sama ada kita beri kebenaran kepada doktor-doktor pakar di hospital kerajaan ini untuk membuat private practise di hujung minggu. Misalnya, saya beri contoh, kalau doktor pakar jantung di hospital, katalah di Hospital Pulau Pinang, di Hospital Alor Setar yang pakar bedah, kalau dia dapat gaji kerajaan RM7,000-RM8,000 di hujung minggu, hari Sabtu dan Ahad kita beri mereka peluang untuk buat private practise. Kalau dia operate dua orang, dia boleh dapat RM50,000. Yang bedah ini orang-orang kaya sebab penyakit orang kaya, carilah orang-orang ini. Orang macam saya tidak ada penyakit jantung. [Ketawa] Cuma orang-orang kaya sakit jantung dan orang-orang kaya sanggup bayar. Bedah dada dia RM25,000, kalau dua orang sudah RM50,000 satu hari, kalau dua hari RM100,000, dia tidak akan tinggal hospital kerajaan.

Begitu juga doktor-doktor dan pakar-pakar lain, dia dapat mempraktis di rumah dia. Saya tengok di Indonesia doktor boleh praktis selepas dia bekerja dengan kerajaan. Tidaklah timbul perkara dia lari daripada hospital kerajaan ke hospital private. Saya dengar kata hospital private misalnya Hospital Gland Eagle, Ampang Puteri, gaji doktor pakar berbelas-belas ribu, siapa boleh tunggu. Selepas itu yang merana ialah kita sebagai masyarakat. Kalau kita pergi private hospital memang mahal. Hari itu saya bawa emak mertua saya, hendak register sahaja sudah kena RM2,500. Selepas itu bila datang bil semasa keluar, dua hari sahaja duduk kena RM4,000. Kita memang tidak mampu. Saya tidak mampu, tetapi emak mertua kenalah saya timbangkan. Saya tidak ada emak dan bapa, saya anak yatim piatu.

Jadi, sebagai Wakil Rakyat terpaksa, tetapi kita menimbangkan masyarakat kita, bagaimana masyarakat kita kalau semua doktor pakar pergi ke hospital private, maka tinggal masyarakat kita dengan tidak ada doktor pakar. Tadi ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan, Yang Berhormat dari Kemaman mengatakan bahawa hospital-hospital luar bandar ini cuma ada assistant sahaja dan doktor-doktor latihan. Doktor dalam latihan tahu serba-serbi, betulkah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Doktor dalam latihan tahu serba-serbi semua penyakit. Tetapi bila mengenai kepakaran cuma tinggal satu sahaja. Doktor mata cuma tahu tentang mata sahaja. Doktor jantung tahu semakin lama semakin kecil - saya ingat Tuan Yang di-Pertua suruh gulung.

Tuan Pengerusi, kita hendak mengelakkan daripada kehabisan kepakaran di hospital-hospital kerajaan, kita hendaklah ambil tindakan sesuatu sama ada menaikkan gaji ataupun memberi kebenaran kepada mereka buat private practise di hujung minggu. Saya diminta suruh bercakap supaya "beri kami hujung minggu sudahlah." Seminggu sekali pun tidak mengapa, Sunday, bila dia cuti dia buat operation private, dua orang pun cukup. Kalau dua orang dia dapat dalam RM50,000 dia tidak lari lagi, dia tidak tinggal, hari lain dia kerja dengan kerajaan. Dia operate satu hari empat kali. Satu doktor pakar waktu malam pergi menyanyi karaoke untuk hibur hati. Gaji RM7,000-RM8,000 setiap hari bedah empat orang, hendak tinggal jawatan, sayang, sayang peluang dia hendak latih anak-anak masyarakat dia, dia hendak latih doktor-doktor lain supaya jadi pandai macam dia. Jadi, dia hendak tinggal dengan semangat itu dia terpaksa menyanyi di karaoke untuk hibur hati waktu malam.

Saya mintalah Timbalan Menteri berilah peluang kepada doktor-doktor pakar ataupun doktor-doktor di hospital kerajaan ini membuat private practise semasa cuti hujung minggu ataupun....

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan kepada dia. Masa Yang Berhormat tinggal seminit lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Seminit lagi, okaylah.

Tuan Lim Si Cheng: Terima kasih. Tadi ucapan daripada Yang Berhormat dari Pokok Sena menyatakan hospital private tarik doktor daripada hospital kerajaan. Jadi, ini memang hospital kerajaan mempunyai doktor untuk ditarik. Kepada pusat-pusat kesihatan di pekan-pekan kawasan luar bandar memang tidak cukup doktor. Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat boleh buat untuk tindakan kerajaan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini yang saya dok bercakap hendak suruh kerajaan mengambil tindakanlah. *[Ketawa]* Sama ada dia tarik dengan traktorkah atau dia pull dengan gaji besar, ini yang saya dok bercakap supaya kerajaan mengambil tindakan dan beri peluang supaya kita hendak mengelakkan pakar-pakar dan doktor-doktor kerajaan daripada keluar.

Begitu juga saya selalu bangkit berkenaan guru-guru di sekolah kerajaan kerana tarikan sekolah swasta, hospital swasta terlalu kuat. Jadi, kita hendaklah membuat sesuatu supaya hospital-hospital kerajaan di mana dapat orang ramai pergi untuk mendapatkan rawatan terpelihara daripada kekosongan pakar-pakar ataupun doktor-doktor pakar ini. Tadi saya mencadangkan di sini - macam Menteri Kewangan mencadang. Saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Kesihatan menimbangkan supaya doktor-doktor ataupun pakar-pakar di hospital kerajaan diberi peluang untuk membuat 'private practise'nya di masa hujung minggu ataupun masa-masa lapang, selepas kerja kerajaan dia boleh buat practise, buka klinik. Tetapi kalau macam doktor dari Kepong itu tidak payahlah, dia penyakit kulit sahaja, sedikit sangat. Ini kita dok fikir tentang pakar jantung, pakar-pakar yang lain. Pakar kulit tak usah kiralah, dia lena di situ. *[Ketawa]*

Jadi, saya minta Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan cadangan saya supaya kita mengelak daripada pengaliran doktor-doktor daripada hospital kerajaan kepada hospital-hospital atau klinik-klinik private. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

5.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut Maksud B.34, Butiran 010000 - Pengurusan Emolumen, Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, pertama, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu kedudukan yang jelas mengenai perkara Fomema. Oleh kerana mengikut laporan tarikh untuk menguatkuasakan Skim Fomema ditundakan, tetapi mengikut surat khabar berkuatkuasa 1 Disember 1997 Pejabat Imigresen akan memerlukan dan mewajibkan semua certificate, pensijilan daripada Fomema sebelum membenarkan pekerja-pekerja asing dalam negara ini. Ini bererti bahawa ia akan dikuatkuasakan bermula 1 Disember 1997.

Memandangkan bahawa MMA dan semua pertubuhan perubatan masih membantah peruntukan-peruntukan dan skim-skim Fomema, saya harap bahawa bantahan mereka dapat perhatian yang sewajarnya, tidak patut Jabatan Imigresen untuk campur tangan dalam perkara ini. Ini satu perkara bersangkutan-paut dengan kewibawaan profesion perubatan. Oleh kerana semua doktor sudah diberi sijil, practising certificate dan mereka ada kriteria profesionalisma mereka, tidak patut ada satu skim di mana pemeriksaan perubatan mengenai pekerja-pekerja asing dimonopolikan oleh Fomema. Saya rasa negara kita tidak perlu ada Skim Fomema ini, dan saya harap bahawa kerajaan akan kaji perkara ini semula supaya membatalkan rancangan Fomema membenarkan free market forces dalam perkara ini supaya peperiksaan perubatan pekerja-pekerja asing boleh dijalankan dengan tidak mencetuskan satu inspiracy yang baru dan dari segi mutu ini patut boleh diadakan oleh Kementerian Kesihatan. Kalau tidak, apa yang berlaku ialah Fomema akan meraihkan keuntungan yang begitu besar, khasnya oleh kerana sekarang yuran makmal ialah RM30.00 dan bayaran doktor mungkin RM60.00-RM70.00 berjumlah RM120.00. Kalau ini dimonopolikan oleh Fomema mungkin Fomema boleh mengadakan rangkaian makmal di mana mereka sendiri menjalankan ujian-ujian makmal dan

dengan kos RM30.00 dengan kos perubatan RM60.00-RM70.00 mungkin boleh dapat keuntungan bagi seorang pekerja lebih daripada RM100.00. Ini bererti setiap tahun boleh dapat keuntungan (profit) hampir RM200 juta. Ini tidak patut dibenarkan.

Kedua, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan kedudukan mengenai, dengan izin, National Health Security Fund yang disebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bahawa adalah kehendak kerajaan untuk mengadakan satu tabung keselamatan kesihatan nasional. Kita tahu semenjak tahun 1980-an ada sekurang-kurangnya lima kajian dibuat oleh konsultan. Tetapi semua ini tidak diumumkan khasnya mengenai korporatisasi dan penswastaan, dengan public sector health care. Ini tentulah menimbulkan kekhuatiran sama ada mutu health care di negara kita khasnya golongan miskin akan diabaikan. Di sini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan pendirian kerajaan terhadap satu citizen health manifesto, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu yang ada dikeluarkan, diumumkan di bulan September supaya ada satu dasar kesihatan yang adil, yang baik oleh kerana dalam beberapa tahun ini perbelanjaan terhadap kesihatan apabila dibanding dengan GNP sudah semakin turun.

Saya harap bahawa sama ada satu jawatankuasa atau pasukan tugas diadakan untuk kaji citizen manifesto ini supaya ia boleh diserapkan dalam dasar kerajaan. Citizen manifesto ini adalah ditandatangani dan disokong oleh pertubuhan-pertubuhan seperti Aliran, Malaysian Medical Association, Malaysian Academic Movement dan tokoh-tokoh masyarakat yang lain. Di sini saya rasa apa yang sangat penting ialah kekhuatiran mereka bahawa kerajaan akan mengabaikan tanggungjawab health care khasnya kepada golongan miskin. Saya harap bahawa perkara ini boleh diberi perhatian yang sewajarnya.

Satu lagi perkara ialah saya harap kita boleh dapat satu keterangan mengenai kedudukan Hospital Selayang yang disifatkan sebagai IT Hospital yang akan menjadi hospital yang pertama di Asia Tenggara ialah paperless dan filmless, di mana mengadakan, dengan izin, one of the most advance an IT enable hospital in the world dan akan mengenalkan total hospital information System (THIS) yang akan membekalkan satu sistem Total Integrated Solution dengan electronic medical record, the captures all the relevant clinical data of each patient digitaly. Saya difahamkan setiap katil akan ada satu terminal dan adakah negara kita perlu satu IT hospital semacam ini apabila basic needs rakyat belum boleh ditunaikan, kita mahu satu IT hospital setiap katil ada satu terminal di mana semua didigital, hospital digitise, adakah kita perlu. Ada benda-benda kita mahu maju dalam IT, tetapi bukan semua kita mahu menjadi the first IT hospital in South-East Asia, apa guna kalau basic needs, keperluan kesihatan rakyat di negara kita belum boleh ditunaikan. Saya harap bahawa kita dapat tahu kos ini dan berapa IT hospital in the world.

Saya mahu tanya sama ada persiapan sudah di peringkat terakhir khasnya untuk memerlukan semua hospital swasta mengadakan welfare ward untuk golongan yang miskin, sungguhpun semua hospital swasta ada dinasihatkan untuk mengadakan welfare ward, tetapi ini tidak boleh dipaksa oleh kerana tidak ada peruntukan-peruntukan undang-undang dan tentulah tanpa peruntukan-peruntukan undang-undang, saya rasa sangat sukar untuk mewajibkan hospital-hospital swasta mengadakan welfare ward. Kita mahu tahu bila private health care facilities bill boleh diberi keutamaan, khasnya bolehkah bill ini siap dalam mesyuarat ini supaya satu masalah yang sangat pokok ialah kesihatan, selain daripada pendidikan, selain daripada teknologi maklumat yang semua akan menentukan quality of life rakyat Malaysia boleh dapat perhatian yang sewajarnya di negara kita.

Perkara yang terakhir ialah baru-baru ini ada teguran daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa ada hospital swasta yang menyalahgunakan darah yang dijual oleh National Blood Bank dengan harga yang sangat tinggi iaitu RM200 apabila ianya patut dijual RM40.00 ke RM50.00. Sebagai satu penalti, sebagai satu hukuman hospital swasta ini tidak akan diberi darah daripada National Blood

Bank. Bukankah ini satu langkah yang tidak betul oleh kerana mangsanya ialah pesakit-pesakit dalam hospital-hospital swasta yang perlu blood transfusion.

Apa yang patut dibuat ialah untuk ambil tindakan terhadap hospital-hospital swasta yang mengeksploitasikan darah daripada National Blood Bank dan bukan untuk menidakkan, menafikan bekalan darah yang akhirnya pesakit-pesakit akan menjadi mangsa. Sekian, terima kasih.

6.03 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya. Saya hendak menyentuh Butiran 030200 - Pengurusan Hospital.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan tahniah di atas pencapaian dan kemajuan peningkatan perkhidmatan yang telah semakin hari semakin baik yang telah ditunjukkan oleh kebanyakan hospital baik di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah. Walau bagaimanapun, sesuatu tindakan harus diambil bagi menyeliai dan juga mengawasi mutu perkhidmatan yang diberikan oleh sebahagian daripada kakitangan-kakitangan sokongan di peringkat bawah. Mereka haruslah dari masa ke semasa diberikan kesedaran, diberikan latihan ataupun peringatan dan sebagainya bahawa tugas adalah satu tanggungjawab, dan bukannya tugas adalah merupakan satu kedudukan atau satu penghinaan.

Ini berlaku kadang-kadang kakitangan yang bertugas seolah-olah tidak menghargai rezeki yang mereka perolehi dan juga jawatan yang mereka sandang. Kebanyakan pesakit-pesakit yang datang ataupun orang kampung yang datang mereka kadang-kadang diberikan kata-kata yang kesat sebelum diberikan rawatan ataupun diberikan pemeriksaan ringkas tanpa secara detail dan sebagainya. Kebanyakan mereka ini kalau mengadu sakit untuk diperiksa, mereka hanya mengambil sikap mudah dan memberikan ubat yang biasa dibekalkan kepada pesakit-pesakit. Tidak ada cara rawatan yang diberikan secara lebih serius ataupun lebih menarik hati dan juga minat pesakit-pesakit yang terdiri daripada orang-orang kampung.

Tambah menyedihkan lagi kadang-kadang pemandu kenderaan kereta sakit ini mengeluarkan kata-kata kesat kepada pesakit dan menjadi pihak yang selalu menimbulkan huru-hara ataupun perbalahan antara kakitangan dengan pegawai, antara orang kampung dengan kakitangan. Jadi, saya mintalah ketua-ketua jabatan di peringkat daerah dan juga negeri mengambil perhatian terdapat kompelin ataupun aduan-aduan tidak diambil kira sehinggakan terdapat kalangan kakitangan yang begitu baik dalam perkhidmatannya oleh kerana kerenah dan juga perangai seorang-dua di dalam jabatan berkenaan telah menyebabkan mereka ditukarkan.

Inilah salah satu perkara yang harus ditekankan. Selaku ketua jabatan kita minta supaya perkhidmatan mereka ini dilihat dan dinilai dari masa ke semasa. Di samping itu, perkhidmatan mereka ini haruslah dilihat dalam tempoh yang bersesuaian. Kalau perkhidmatan itu ataupun seseorang penyandang jawatan itu sudah berkhidmat lebih daripada lima tahun, saya ingat mereka ini patut kita tukarkan, patut kita buat sesuatu, jangan sampai mereka ini merasakan bahawa jabatan ataupun pejabat yang mereka bertugas itu merupakan rumah persinggahan dan sebagainya, teringin hendak pergi, pergi, teringin tidak hendak pergi, tidak mahu pergi. Orang kampung biasanya tidak banyak karenah, tidak banyak masalah. Tetapi perkhidmatan kepada kerajaan dan rakyat itu tidak sampai ke mana dan tidak mencapai target yang diperuntukkan oleh Jabatan

Di samping itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan Butiran 00400 - Hospital. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apa jadi dengan cadangan pembangunan Hospital Daerah Jempol. Kerana di Jempol sebahagian daripada daerahnya terletak dalam kawasan Parlimen Jelebu, dan untuk makluman pihak kementerian Daerah Jempol mempunyai lebih kurang 130,000 orang penduduk, termasuk kawasan Palong dan juga sempadan dengan Kemayan, Temerloh dan

sebagainya. Kadang-kadang terdapat juga mereka yang duduk bersempadanan datang ke Jempol untuk mendapatkan rawatan daripada klinik-klinik swasta yang ada. Saya difahamkan RM1 juta telah diperuntukkan pada tahun ini, tetapi tidak tahu bagaimana keadaannya, RM1 juta sudah hilang tidak tahu ke mana yang dibawa.

Jadi, hospital ini dianggarkan lebih kurang RM12 juta dan dicadangkan untuk dilaksanakan pada hujung tahun 1999. Saya bagi pihak masyarakat dalam kawasan Parlimen Jelevu dan sebahagian daripada Parlimen Jempol merayu supaya pihak kementerian mengambil langkah yang segera untuk Hospital Daerah Jempol ini disegerakan pembinaannya. Kalau boleh pada tahun 1998 yang akan datang. Kerana pada masa ini masyarakat di kawasan Parlimen Jelevu dan juga sebahagian daripada Parlimen Jempol terpaksa pergi ke Kuala Pilah ataupun ke Seremban. Kita tahulah bahawa Kuala Pilah hospitalnya begitu baik dan begitu lengkap. Tetapi untuk melayani pesakit-pesakit di daerah Kuala Pilah sahaja saya ingat Hospital Kuala Pilah tidak begitu mampu untuk memberikan rawatan kepada masyarakat yang ada di kawasan Jempoh. Sebab itulah kadang-kadang minat untuk mereka datang ke hospital agak berkurangan, kerana terlalu jauh.

Jadi, saya berharaplah kepada pihak kerajaan akan dapat mempertimbangkan dan menyegerakan pembinaan Hospital Jempol ini yang dianggarkan berjumlah RM12 juta dan ianya dapat dilaksanakan pada awal tahun 1998.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, akhirnya mengenai Pengurusan Hospital, saya bagi pihak masyarakat di daerah Jelevu mengucapkan terima kasih kerana kementerian telah mengambil langkah yang begitu positif untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang ada di Hospital Daerah Jelevu dan telah memberikan peruntukan yang sewajarnya bagi menambah bangunan-bangunan wad yang ada di hospital berkenaan. Namun begitu, kita ingin mendapatkan kerjasama daripada pihak kerajaan supaya Pusat Kesihatan Besar Simpang Durian itu yang mana doktor yang ditempatkan tidak lagi berminat dan tidak tinggal di kawasan berkenaan, hanya diberikan giliran setengah hari di Simpang Pertang dan sebagainya. Jadi, saya mintalah Pusat Kesihatan Besar di Simpang Durian itu ditempatkan seorang doktor yang khusus untuk mentadbirkan Pusat Kesihatan yang ada di Kampung Simpang Durian itu secara tetap, kerana kemudahan-kemudahan yang ada di kawasan itu telah pun lengkap. Kuarters doktornya sudah ada, kakitangan sudah ada, tetapi doktornya tidak ada.

Pernah berlaku hanya beberapa bulan sahaja doktor yang duduk di situ tetapi selepas itu minta ditukarkan, sehingga sekarang tidak lagi diisi, dan saya mohonlah sebagai anak Kampung Simpang Durian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini dapat dilihat semula, kerana masyarakat di situ memerlukan doktor secara tetap. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sib.

6.11 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010200 dan Butiran 020100 dan 020200.

Tuan Pengerusi, tentang masalah kekurangan pakar dan doktor di hospital kerajaan termasuk hospital di Sibu, saya ingin tahu apakah langkah akan diberikan oleh kerajaan supaya peraturan-peraturan medical doctor khasnya orang Malaysia apabila balik dari luar negara memohon khidmat dalam hospital kerajaan, berapa lama mereka perlu tunggu sebelum permohonan mereka akan diterima atau dikonfirmasi, kerana saya telah terima beberapa aduan seorang graduan doktor balik ke Malaysia mahu berkhidmat dalam negara kita, tetapi dia tunggu lama. Semasa itu mereka pun kirim permohonan ke negara lain dan sering mereka terima surat konfirmasi jawatan kosong lebih cepat, oleh itu mereka pergi kerja di luar negara. Saya fikir ini merugikan kepada negara kita khasnya di dalam situasi kekurangan pakar dan doktor.

Tuan Pengerusi, tentang kesihatan keluarga. Saya belum tahu perkara ini sama ada dikawal oleh Kementerian Kesihatan atau tidak, kerana saya sekarang kurang faham tentang orang mengeluarkan arak, nira, red rice wine dengan izin. Saya difahamkan sekarang minuman ini diharamkan, tetapi arak nira itu ialah satu ingredient masak untuk orang Cina, khasnya orang Fuchow, khasnya wanita dalam bulan confinement month selepas melahirkan anaknya. Saya ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan untuk kaji semula apakah itu arak nira atau red rice wine dibuat oleh orang Cina. Ini bukan seperti samsu, tetapi ini satu ingredient untuk masak. Saya harap ini boleh dibebaskan sama dengan tuak dibuat oleh orang Iban di Sarawak.

Saya ingin merujuk Butiran 010400 - Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan. Saya juga ada terima aduan banyak permohonan untuk masuk latihan jururawat tidak berjaya. Saya tahu satu-dua tahun yang lalu negara kita masih perlu employ jururawat dari luar negara. Saya ingin tahu apa sebabnya, dan bolehkah Kementerian Kesihatan kaji semula, mungkin permohonan tidak cukup qualified untuk diterima belajar sebagai jururawat pelatih. Saya ingin merayu tahap ini dikurangkan sedikit supaya lebih banyak orang tempatan boleh masuk ke kolej jururawat dan negara kita tidak usah menerima jururawat dari luar negeri.

Perkara yang akhir ialah tentang kewangan, Butiran 010300. Adakah benar sebelum pesakit masuk ke hospital kerajaan mereka perlu bayar wang simpanan (deposit money), kerana khasnya di Sarawak banyak penduduk dari luar bandar orang miskin. Saya harap kalau benar, bolehkah Kementerian Kesihatan kecualikan wang deposit sebelum diterima masuk oleh hospital. Sekian, terima kasih.

6.18 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow: [Mentakab]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin sentuh tiga perkara. Perkara pertama ialah Maksud B.34, Butiran 030600 - Pembedahan Am.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya telah terima beberapa aduan mengenai dengan kesukaran untuk pesakit mendapat satu tarikh untuk menjalankan apa-apa pembedahan. Pesakit biasanya kena tunggu masa sehingga enam bulan atau setahun baru boleh dapat perkhidmatan tersebut. Juga ada beberapa kes di mana walaupun pesakit telah pun diberi satu tarikh dan telah dimasuk wad untuk pembedahan, tetapi pada saat terakhir dia akan diminta dikeluarkan daripada wad itu lagi, kononnya tidak dapat dijalankan pembedahan.

Baru-baru ini saya pernah membantu satu kes di mana pesakit itu ada stone dalam 'gall-bladder'-nya, dengan izin, yang bersaiz lebih kurang 1 inci. Pesakit itu walaupun dalam keadaan yang amat mendesak dan hampir pengsan dibawa masuk ke wad kecemasan masih diberitahu bahawa dia kena tunggu lagi dan tidak dapat diberi apa-apa tarikh pembedahan. Setiap kali kes begini berlaku, sebab-sebab yang diberi oleh pihak yang berkenaan ialah kononnya; pertama, ada kekurangan kelengkapan dengan hospital; kedua, kekurangan ruang operation theater; ketiga, kekurangan pakar-pakar yang berkenaan termasuk anesthetist; dan keempat ialah kononnya ada kes-kes yang lebih teruk dan lebih mendesak yang memerlukan perkhidmatan pembedahan diberi keutamaan. Biasanya pesakit-pesakit juga dinasihatkan untuk pergi ke hospital swasta untuk mendapat perkhidmatan pembedahan, di mana kita faham ramai pesakit memang tidak mampu membayar caj-caj yang dikenakan oleh hospital swasta.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berpendapat ini amat mengkhawatirkan. Adakah ini bermakna taraf perkhidmatan kesihatan kita telah jatuh ke satu tahap di mana pesakit-pesakit terpaksa menderita dalam masa yang agak lama sebelum mendapat perkhidmatan yang diperlukan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat apakah keadaan sebenarnya mengenai perkhidmatan pembedahan kita dan apa perlu dilakukan untuk mempertingkatkan perkhidmatan dalam segi ini agar kita dapat memendekkan masa menunggu tarikh pembedahan.

Perkara yang kedua ialah Maksud B.34, Butiran 040000 - Pengurusan Khidmat Sokongan Teknikal/Profesional. Tuan Pengerusi, selama ini kita telah dengar hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kekhuatiran mereka tentang perkhidmatan kesihatan diswastakan. Adalah jelas daripada hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kita kluatir kalau perkhidmatan kesihatan diswastakan mungkin ramai rakyat khususnya mereka yang miskin tidak mampu membayar caj yang bakal dinaikkan. Walaupun hospital telah diswastakan, beberapa aspek perkhidmatan kesihatan seperti pembekalan ubat dan juga perkhidmatan teknikal, saya ingin tahu sama ada pihak kementerian telah menjalankan satu pengauditan ataupun kajian ke tahap mana projek-projek penswastakan tersebut telah membawa manfaat kepada kementerian dan kepada negara kita. Adakah projek penswastakan tersebut telah memenuhi matlamat-matlamat asal tujuan penswastakan iaitu mempertingkatkan mutu perkhidmatan dengan caj yang munasabah.

Jadi, saya juga bersama dengan ramai Ahli Yang Berhormat ingin menyeru Kementerian Kesihatan janganlah kita menswastakan perkhidmatan rawatan, sebab kita kluatir kalau perkhidmatan tersebut diswastakan nanti rakyat khususnya golongan yang miskin tidak mampu dan tidak akan dapat perkhidmatan rawatan yang diperlukan. Janganlah kita juga tergesa-gesa dalam segala projek penswastakan seperti apa yang berlaku dalam projek penswastakan pelupusan sampah, di mana saya diberi jawapan baru-baru ini selepas satu tahun Alam Flora menjalankan kerja perkhidmatan pelupusan sampah di Kuala Lumpur kerajaan masih belum menentukan syarat-syarat dan caj-caj yang akan dikenakan. Dalam pengalaman projek penswastakan tersebut nampaknya kita perlu mempertingkatkan pengkajian kita dalam sesuatu projek penswastakan, juga kita perlu menentukan syarat-syarat yang kita harus kaitkan dengan projek syarikat tersebut sebelum satu penswastakan diberi.

Tuan Pengerusi, perkara terakhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai Butiran 00400 - Hospital-hospital. Saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan yang telah bersetuju membina satu hospital baru di kawasan Mentakab dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya telah difahamkan bahawa wang sejumlah RM90 juta kalau tidak salah saya telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga hospital tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan menggunakan kaedah Teleperubatan. Saya ucapkan terima kasih. Cuma sudah pun dua tahun telah lepas, tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita masih belum juga dapat tahu apa perkembangan terakhir berkenaan dengan projek tersebut, sama ada kontraktor telah dilantik dan bila kerja akan bermula dan juga apa akan terjadi kepada hospital yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, Hospital Mentakab ini amat penting sebab ia adalah satu hospital referral, dengan izin, untuk kawasan tengah Pahang, iaitu untuk memberi perkhidmatan kepada banyak daerah seperti Bentong, Jerantut, Mentakab, Temerloh dan sebagainya. Jadi, saya harap projek tersebut akan dapat disegerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pengkalan Cepa.

6.26 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Kesihatan Awam. Sebagaimana yang kita maklum negara kita baru sahaja menghadapi bencana jerebu yang teruk baru-baru ini. Saya mengakui bahawa kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang perlu bagi menghadapi dan mengatasi keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian iaitu mengapa khidmat daripada dua orang doktor yang memiliki kepakaran dalam aspek kesihatan alam sekitar tidak dimanfaatkan oleh pihak kerajaan sewaktu menangani krisis jerebu ini. Kedua-dua doktor yang saya maksudkan ini ialah Dr. Jamil Hashim dan juga isterinya, yang mana saya difahamkan bahawa kedua-dua mereka merupakan pakar

dalam bidang kesihatan alam sekitar dan mereka telah menjalankan beberapa kajian dan telah menghasilkan beberapa tulisan.

Saya diberitahu bahawa di peringkat awal kedua mereka ini dijemput di dalam jawatankuasa, tetapi setelah satu peringkat kedua-duanya tidak lagi dipanggil dan pandangan-pandangan mereka tidak diminta, sedangkan mereka merupakan pakar yang ada di Malaysia dalam bidang ini. Saya juga difahamkan bahawa arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan yang melarang mana-mana ahli akademik memberikan kenyataan dalam soal jerebu kepada media massa adalah ditujukan khususnya kepada kedua-dua pakar yang berkenaan.

Selain daripada itu, saya ingin juga meminta penjelasan daripada pihak kementerian tentang berapakah jumlah kematian yang berlaku di Sarawak secara khususnya di Semenanjung dalam tempoh wabak jerebu yang teruk baru-baru ini? Kerana kita tidak melihat sebarang laporan tentang kematian yang berlaku dalam tempoh tersebut. Saya difahamkan ada kematian yang berlaku dan jumlah kematian yang berlaku dalam tempoh darurat di Sarawak telah meningkat daripada tempoh-tempoh yang sebelumnya. Oleh kerana itu, saya minta pihak kementerian kalau boleh mengemukakan butir-butir tentang jumlah kematian dan peratusnya berbanding dengan di luar daripada musim jerebu.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah yang ketat dan tegas bagi mengawal makanan-makanan yang dijual, terutamanya makanan-makanan yang dikategorikan sebagai junk food. Kerana saya difahamkan banyak makanan ini oleh kerana kandungan kimianya yang tinggi mengakibatkan penyakit-penyakit yang kronik, terutamanya kepada kanak-kanak. Antara penyakit yang boleh terjadi hasil daripada pengambilan makanan ini secara berterusan ialah sakit buah pinggang.

Pada bulan lepas saya ada melawat seorang kanak-kanak di Hospital USM Kubang Kerian yang mengidap sakit buah pinggang. Mengikut doktor yang merawat itu, kajian yang dibuat dia percaya bahawa punca utama penyakit buah pinggang kanak-kanak tersebut ialah kerana junk food yang dijual, terutamanya di kantin-kantin sekolah. Mengikut doktor yang berkenaan makanan sekiranya dimakan secara berterusan selama dua tahun sahaja sudah cukup untuk menyebabkan penyakit buah pinggang yang serius, dan pesakit tersebut sekarang ini dalam keadaan yang serius, badannya sudah bengkak-bengkak, dan setakat ini tidak ada ubat yang berkesan yang boleh mengatasi keadaan ini.

Oleh kerana itu, saya suka sekali lagi mencadangkan kepada pihak kementerian memberi perhatian yang serius kepada masalah ini dan mengambil langkah-langkah yang tegas dan bersungguh-sungguh untuk menjaga kesihatan generasi kita terutama anak-anak kita pada masa yang akan datang. Saya cadangkan kalau perlu kita haramkan sahaja makanan yang dikategorikan sebagai 'junk food' ini.

Selain dari itu, saya ingin menyentuh butiran 010000 - Pengurusan. Pada tahun yang lepas waktu membahaskan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kesihatan, saya ada mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang bersungguh-sungguh untuk menambahkan bilangan pakar perbidanan dan sakit puan daripada kalangan wanita kerana kita diberitahu memang jumlah doktor-doktor yang membuat pengkhususan dalam bidang perbidanan dan sakit puan ini terlalu kecil, sedangkan yang hendak beranaknyalah orang perempuan.

Jadi, saya telah mencadangkan supaya langkah-langkah diambil dan kerana itu saya ingin tahu dari pihak kementerian apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam tempoh ini untuk mengatasi keadaan ini dan kalau tidak ada langkah-langkah yang diambil, saya suka sekali lagi mengulangi cadangan ini dan meminta supaya pihak kementerian memberikan perhatian serius kepada masalah ini kerana soal menyediakan pakar perbidanan dan sakit puan daripada kalangan wanita adalah tuntutan syarak dan juga tuntutan budaya kita. Adalah tidak manis dan tentulah tidak

selesa bagi seorang perempuan yang terpaksa melahirkan anaknya dengan dibidani oleh seorang doktor lelaki.

Jadi, kerana itu saya ulangi supaya pihak kementerian memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh kepada aspek ini dan mencari jalan bagaimana keadaan ini boleh kita atasi dan kalau ada masalah yang menghalang dari usaha ini saya ingin dan saya minta kalau boleh dijelaskan dalam jawapan yang akan diberikan.

Jadi, itu sahaja yang ingin saya kemukakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baram

6.33 ptg.

Tuan Jacob Dungau Anak Sagan [Baram]: Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin sentuh beberapa butiran sahaja.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin sentuh butiran 010000- Pengurusan. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Perubatan atas kejayaan yang cemerlang sekali dalam usaha pihak pegawai-pegawai dan kakitangan untuk melaksanakan Total Quality Management (TQM), dengan izin, di dalam pengurusan kepada pejabat-pejabat, hospital-hospital dan klinik-klinik di seluruh negara.

Walaupun program TQM ini dilaksanakan dalam masa yang singkat sahaja iaitu dalam beberapa tahun yang lalu, pesakit-pesakit dan rakyat jelata telah sedar dan tahu bahawa banyak perubahan dari segi pengurusan telah berlaku yang memberi keyakinan, kesenangan dan keselesaan kepada rakyat khususnya bagi pihak pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

Tuan Pengerusi, satu aspek yang saya ingin sentuh dari pelaksanaan TQM ini ialah dari segi peranan dan sikap pegawai-pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas untuk membantu menyembuh dan mengubat pesakit-pesakit kita.

Tuan Pengerusi, kebanyakan orang yang pergi ke klinik dan hospital ini ialah mereka yang hendak mencari rawatan perubatan atas penyakit mereka. Pesakit ini memang dalam keadaan yang kurang baik, kurang semangat, lemah dan sakit. Saya ingat keadaan yang begini juga kena-mengena dengan keluarga pesakit yang membawa pesakit itu ke klinik ataupun hospital. Di bawah keadaan yang sedemikian, pesakit-pesakit memerlukan pertolongan dan simpati dari pegawai-pegawai dan kakitangan yang merawat dan juga mengubat mereka ini. Oleh yang demikian, pegawai dan kakitangan mestilah menunjuk sikap penyayang, bermurah hati bukannya kasar ataupun kurang sopan.

Tuan Pengerusi, jika staf tersebut menunjuk sikap penyayang dan bermurah hati terhadap pesakit. Saya percaya setengah atau kesemua kesakitan yang ada pada pesakit tersebut pun tentu hilang ataupun lenyap menerusi psychological curing, dengan izin, walaupun penyakit itu boleh diubati ataupun tidak. Oleh itu, saya minta kepada kementerian supaya menyemaikan semangat yang baik, belas kasihan, semangat penyayang dan bermurah hati di kalangan pegawai dan kakitangan mereka menerusi latihan yang sedia ada. Saya juga menggesa supaya pihak yang ingin berkhidmat dalam perkhidmatan kesihatan ataupun ingin masuk ke profesion perubatan ini perlulah dipilih bukan sahaja dari segi kelayakan mereka ataupun kepandaian mereka, tetapi juga dari segi attitude, dengan izin, mereka yang hendak memasuki profesion tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di bawah pengurusan ialah di kawasan Long Lama di Baram, ada kurang lebih 3,000 penduduk di bandar tersebut dan perhubungan di antara Long Lama dan Hospital Marudi adalah rumit sekali. Oleh itu, saya minta supaya kementerian meneliti atau mengkaji supaya

kalau boleh melantik seorang doktor di Klinik Desa di Long Lama kerana keadaan sekarang betul-betul tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh butiran 00200 - Kesihatan Awam dan juga 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Pada awal tahun ini negeri Sarawak dilanda oleh penyakit Cocksackie dan kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kementerian telah mengambil langkah atau tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi penyakit tersebut dengan cepat dan berkesan.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lalu, sebuah surat khabar tempatan di Sarawak melapor bahawa lebih kurang 400 penduduk di Hulu Baram iaitu di Long Jakitan, kawasan Parlimen saya telah dilanda oleh penyakit malaria. Saya faham bahawa penyakit malaria ini telah dikawal dalam beberapa tahun yang lalu, akan tetapi mengapakah penyakit malaria mencetus baru-baru ini di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari kementerian dari manakah punca cetusan penyakit malaria baru-baru ini, berapakah seriusnya dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menjamin bahawa penyakit malaria ini tidak merebak dan sentiasa diawasi di kawasan Baram dan juga di seluruh negeri Sarawak. Saya juga minta kementerian mengambil tindakan yang segera atas masalah ini kerana pihak yang bermastautin di kawasan yang jauh di luar bandar ini adalah sangat acceptable, dengan izin oleh penyakit malaria ini.

Tuan Pengerusi, butiran yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah 00300 - Kemudahan Kesihatan. Saya berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah membina banyak klinik-klinik desa di seluruh negara termasuk kawasan Parlimen saya di Baram.

Tuan Pengerusi, walaupun demikian kerana kawasan Baram ini sangat luas maka rakyat kita di hulu-hulu sungai masih perlu pembinaan klinik desa di tempat-tempat yang strategik di mana penduduk-penduduk di kawasan tersebut adalah banyak. Dengan keadaan yang begitu rumit, saya minta agar kerajaan membina sebuah klinik desa di Long Pana iaitu di Hulu Tinja, Baram kerana masyarakat di kawasan tersebut termasuk kaum Penan yang mempunyai tujuh buah rumah panjang di sana sangat perlu dengan klinik seperti ini. Sekarang ini pesakit-pesakit dari kawasan ini mengambil masa yang lebih panjang sehingga tiga atau empat jam memakai enjin sangkut untuk menghantar pesakit-pesakit mereka ke klinik yang berdekatan iaitu di klinik di Long Loyang yang jauh lagi dari Long Pana.

Keadaan ini juga memberi kos yang tinggi bagi mereka. Jadi, apabila setiap masa mereka membawa pesakit-pesakit ke Long Loyang akan memakan belanja kurang lebih RM150 pergi dan balik, hendak mengambil panadol ataupun ubat batuk pun mereka membelanjakan kurang lebih RM150.

Oleh sebab itu saya minta kerajaan mengkaji perkara ini dan jika boleh mengambil kira supaya ia boleh dimasukkan dalam Midterm Review atau Rancangan Malaysia Ketujuh pada masa yang akan datang ini.

Tuan Pengerusi, dengan ucapan yang demikian, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kapar.

6.40 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil peluang dalam perbincangan atas Butiran 020000 dan 020300 di bawah Kementerian Kesihatan.

Kawasan Parlimen Kapar sedang dibangunkan dengan giat. Projek west port yang akan menyumbangkan seluruh dunia melalui pengangkutan laut dan juga beberapa projek pembangunan, projek lebu raya dan sebagainya yang akan

menjadikan Kapar sebagai sebuah bandar satelit. Ia juga dengan secara tidak langsungnya akan menyebabkan kepadatan penduduk di kawasan tersebut juga turut giat meningkat. Dengan ini, kawasan Kapar memerlukan infrastruktur yang teratur dan selesa.

Dengan itu, saya meminta Kementerian Kesihatan untuk membina sebuah hospital daerah Kapar. Kini pesakit-pesakit yang mengalami kemalangan ataupun sakit tenat terpaksa dihantar di Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang. Sepertimana yang diketahui oleh Kementerian Kesihatan, Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang menjadi hospital rujukan kepada Hospital Daerah Tanjong Karang, Hospital Daerah Banting dan beberapa buah klinik kerajaan dan swasta.

Sejak kebelakangan ini, Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang selalu mengalami kesesakan yang dahsyat. Pesakit yang dirujuk dari Klinik Desa Kapar ataupun yang mengalami kemalangan dan sakit tenat, tidak dapat rawatan pada masa tepat, ini telah menyebabkan beberapa kematian di Kapar.

Saya difahamkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai cadangan untuk membina hospital daerah di kawasan Kapar. Walau bagaimanapun, saya meminta kerajaan untuk mempertingkatkan cadangan saya pada masa yang akan datang.

Sementara itu, saya meminta Kementerian Kesihatan membekalkan kemudahan asas seperti x-ray, ultra sound dan wad bersalin di klinik desa Kapar, kemudahan seperti x-ray, ultra sound dan haemodialysis boleh disediakan dengan kos yang rendah. Dengan adanya kemudahan yang sedemikian, penduduk kawasan tersebut boleh mendapat rawatan kecemasan dan pemeriksaan asas di klinik desa dan tidak perlu berulang-alik ke Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang. Saya berharap kerajaan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk Kapar sejajar dengan perkembangan ekonomi di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga memuji langkah kerajaan yang menswastakan pemeriksaan perubatan pekerja asing agar penyakit yang sudah lama pupus dalam negara ini dan penyakit yang tidak pernah dikenali sebelum ini tidak merebak dalam negara kita. Akan tetapi kerajaan harus mengkaji semula syarat-syarat dan kadar bayaran yang dikenakan oleh Fomena, syarikat konsesi yang akan menyelaraskan pemeriksaan perubatan selama 15 tahun. Walaupun ada beberapa kes para pengamal perubatan tempatan yang tidak menjalankan pemeriksaan yang teliti dan telah menyebabkan beberapa orang pekerja asing yang sepatutnya tidak dibenarkan bekerja di negara ini telah diberi akuan perubatan, tetapi ia adalah keterlaluan.

Fomena sebuah syarikat swasta diberi kuasa memeriksa tugas dan tanggungjawab seseorang doktor. Saya juga meminta Kementerian Kesihatan untuk memastikan pembahagian pembayaran yang adil kepada pengamal perubatan, pengusaha makmal dan juga syarikat konsesi. Tetapi yang lebih pentingnya ia tidak harus membebankan pihak majikan yang sememangnya akan dan sedang menghadapi pelbagai masalah berikutan kejatuhan nilai mata wang dan kejatuhan saham. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sipitang, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

6.50 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam butiran 010000 - Pengurusan, 020000 - Kesihatan Awam, 030000 - Rawatan Perubatan dan 050000 - Dasar Baru, sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana sejak beberapa tahun ini, Kementerian Kesihatan telah mencapai ke satu tahap yang begitu membanggakan. Perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Malaysia boleh dikatakan salah satu negara yang di rantau ini. Dengan perkembangan teknologi

baru juga telah pun diperkenalkan teknologi baru termasuk usaha kerajaan ke arah memperkenalkan tele-perubatan.

Tuan Pengerusi, ini juga melibatkan kawasan saya yang mana Kementerian Kesihatan telah pun membekalkan dengan perkhidmatan perubatan yang begitu baik. Saya rasa Kementerian Kesihatan dengan coverage ataupun liputan salah satu kementerian yang terbesar di Malaysia ini selepas Kementerian Pendidikan, boleh dikatakan di mana sahaja kampung, di mana sahaja pekan ada khidmat kesihatan sekurang-kurangnya klinik desa ataupun pusat kesihatan dan juga boleh dikatakan setiap daerah sudah mula dibina hospital-hospital daerah. Tidak terlepas di kawasan saya iaitu di Parlimen Sipitang satu daerah kecil yang mana pada masa dahulu tidak ada hospital daerah yang mana kes-kes kecemasan terpaksa dihantar dengan ambulan, dengan mengambil masa lebih kurang satu jam baru sampai ke hospital yang berdekatan iaitu Hospital Daerah Beaufort, pada masa itu banyaklah kes-kes kematian yang mana bila dirujuk ke hospital daerah, ada yang mati sebelum dirujuk, ada juga yang mati dalam perjalanan, tetapi terima kasih kepada kementerian, saya melihat pegawai-pegawai pun banyak di hujung sana, dengan Timbalan Ketua Pengarah pun ada, dengan perkhidmatan yang diberikan iaitu di kawasan saya ada sebuah hospital nukleus yang begitu cantik dan luas.

Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan dari pihak kementerian bilakah hospital-hospital nukleus ini beroperasi sepenuhnya. Maksud saya lengkap dengan kemudahan dan juga kepakaran yang dijanjikan sebelum ini. Apakah kerajaan masih ingin meneruskan konsep hospital nukleus di negara ini kerana pada pemerhatian saya walaupun hospital itu terletak di kawasan saya, saya ucap terima kasih tetapi ada beberapa masalah yang timbul akibat daripada pembinaan hospital nukleus.

Tuan Pengerusi, iaitu yang pertama sekali kawasannya begitu luas, yang begitu besar, soal penyelenggaraan dan juga pengurusan harian. Apakah kerajaan memikirkan bahawa ini adalah satu hospital yang ekonomi, yang boleh kita teruskan di masa hadapan dan dengan konsep ini kita lihat kawasannya begitu luas, kawasannya begitu lapang, memang baik untuk pesakit dan melapangkan fikiran, tetapi apakah kita terus menggunakan konsep ini. Bagi pegawai-pegawai perubatan pula, kepakaran perlu diadakan dengan segera untuk menampung keperluan sebagai hospital nukleus.

Saya ingin minta penjelasan dan minta sokongan dari kementerian memandangkan jikalau di bawah kekurangan kakitangan sekarang ini, banyak kakitangan khususnya paramedic iaitu pembantu perubatan, jururawat terlatih, pembantu jururawat yang begitu kurang, apakah tidak boleh hospital nukleus yang ada di Sipitang ini kita tukar ataupun kita isikan sebagai hospital latihan ataupun untuk melatih jururawat ataupun pembantu perubatan supaya hospital ini dapat digunakan sepenuhnya dan juga menampung kekurangan kakitangan perubatan yang begitu serius sekarang ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Pengurusan Kesihatan Awam iaitu mengenai dengan kemudahan kesihatan awam, khususnya di daerah-daerah. Seperti yang saya katakan tadi, terima kasih kepada kementerian kerana boleh dikatakan setiap daerah sudah ada kemudahan, tetapi saya mohonlah kerjasama daripada pegawai-pegawai di kementerian supaya meronda di kawasan-kawasan luar bandar ini khususnya di Sabah dan Sarawak, yang mana kemudahan untuk kesihatan ini begitu ketinggalan, walaupun sudah ada konsep bangunan piawai ataupun standard building, dengan izin, untuk jururawat desa tetapi masih ada kemudahan kesihatan yang tinggal di rumah ex-colonial house, dengan izin. Kita mintalah supaya pegawai-pegawai dari kementerian yang memegang peruntukan ini supaya turun ke gelanggang melihat sendiri bagaimanakah keadaan di luar bandar, keadaan mereka begitu daif dan ini juga mengurangkan semangat kakitangan kita yang ditugaskan di kawasan luar bandar yang mana kemudahan ini ataupun tempat tinggal atau tempat bekerja yang begitu mundur, yang kebelakang.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan kawalan penyakit, kita ucap terima kasih kepada kementerian atas kesedaran untuk mengawal penyakit berjangkit ini khususnya penyakit masa lampau yang masa ini timbul semula, seperti malaria, kusta dan juga lain-lain penyakit.

Saya menyokong penuh usaha kerajaan dan kementerian untuk memperkenalkan sistem penswastaaan yang dicadangkan ataupun diambil oleh Fomema kerana ini adalah satu langkah yang baik, yang mana dapat mengawal merebaknya penyakit khususnya kepada pendatang yang bertugas di Malaysia ini.

Walau bagaimanapun, sistem ini mestilah kita selaraskan dengan baik supaya ia boleh diterima oleh semua lapisan. Memang ada rungutan seperti yang kita lihat daripada Persatuan Perubatan Malaysia mungkin perkara ini kita tangani dengan bijak dan teratur agar ia tidak menjadi isu.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pemeriksaan klinik doktor-doktor luar negara yang memeriksa pesakit yang datang ke Malaysia ini, bukan kita tidak percaya dengan klinik-klinik yang memeriksa pesakit di negara mereka, bila kita mendapat taklimat dari kementerian bahawa mereka yang diperiksa di negara mereka, mereka kita terimapakai terus dan mereka cuma akan membuat pemeriksaan di negara kita enam bulan ke setahun. Jadi, ini menunjukkan satu gap ataupun jangka masa yang panjang, kerana kita takut, bukan kita tidak percaya dengan doktor-doktor di negara-negara jiran tetapi sedia maklum dengan keadaan negara jiran di mana reliability ataupun kesahahan pemeriksaan itu perlu juga kita periksa, kalau boleh kementerian melawat sendiri ataupun meminta penjelasan dari kementerian untuk menilai klinik-klinik yang mungkin boleh menjadi agen yang memeriksa pesakit-pesakit ataupun pekerja-pekerja sebelum dibawa masuk kerana kalau mereka ini tersalah diagnosa dan membawa penyakit berjangkit ke kawasan kita, bayangkan kalau enam bulan dia berkeliaran di Malaysia barulah kita periksa dan kita kesan, kita tidak tahu berapa banyak penyakit yang direbakkan oleh pesakit ini. Jadi, kita mintalah supaya perkara ini dapat dilihat.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan rawatan perubatan. Saya ingin minta penjelasan dari kementerian, apakah dasar kerajaan sekarang ini. Saya difahamkan bahawa Jabatan Pesakit Luar (OPD) kita ingin pisahkan daripada hospital. Jadi, rawatan pesakit luar ini akan dikendalikan oleh Bahagian Kesihatan. Bagaimana dengan klinik-klinik pakar kita, apakah bentuk pemisahan ini, apakah tugas klinik pakar ini sama ada sebagai klinik rujukan sahaja ataupun masih beroperasi sebagai yang akan membuat pemeriksaan kes-kes baru, ini kita minta penjelasan.

Mengenai dengan hospital-hospital besar, saya ingin minta penjelasan kedudukan Hospital Besar Kota Kinabalu iaitu Hospital Besar Queen Elizabeth yang mana sekarang ini sedang diperbaharui ataupun dibuat extension, saya tidak begitu jelas apakah extension yang baru ini kerana kalau kita lihat kawasan Hospital Besar Queen Elizabeth itu begitu sesak sekarang ini dan jikalau tidak difikirkan untuk perletakan semula ataupun dipindahkan, kawasan ini juga nanti akan menjadi lebih sesak. Keadaan sekarang pun sudah begitu serius, lebih-lebih lagi di Sabah sekarang ini sudah ada satu universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah yang juga akan membuka fakulti perubatan. Jadi, saya ingin minta penjelasan apakah bentuk pelarasan atau penyelarasan di antara Hospital Universiti dengan Kementerian Kesihatan. Kalau Hospital Universiti ini akan ada fakulti perubatan, jikalau juga akan membuat praktikal ataupun kelas-kelas klinikal di Hospital Besar Queen Elizabeth, sudah tentu ini akan menyukarkan kerana kawasan itu sempit dan penuntut-penuntut daripada universiti akan duduk di tempat yang jauh iaitu di sebelah Menggatal dan hospital ini di kawasan bandar yang jaraknya tidak kurang daripada lapan ke sepuluh kilometer. Ini tentunya akan menimbulkan masalah.

Jadi, apakah cadangan kementerian sama ada untuk memindahkan Hospital Queen Elizabeth ini ke satu tapak yang baru, yang lebih sesuai, yang lebih canggih,

yang mempunyai ruang yang begitu baik dan senang didatangi oleh penuntut-penuntut ataupun mahasiswa perubatan dari Universiti Malaysia Sabah.

Tuan Pengerusi, perkara 032400 iaitu Kardiothoraxik. Mengenai dengan pembedahan jantung terbuka, open heart surgery, dengan izin, saya minta penjelasan sekarang ini berapakah hospital di Malaysia ini yang menjalankan open heart surgery ini, dengan izin. Kalau kita lihat IJN banyak kes-kes di IJN ini queue ataupun menunggu giliran yang begitu panjang, kadang-kadang sehingga 20, 30 dan mengambil masa beberapa bulan, apakah kerajaan melihat perkara ini sebagai satu masalah yang perlu kita selesaikan segera. Apakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak pusat-pusat pembedahan jantung terbuka di semua hospital untuk memudahkan pembedahan ini supaya queue itu tidak begitu panjang khususnya di Sabah kerana seorang pesakit dari Sabah akan datang ke Kuala Lumpur untuk membuat pembedahan dan ini menimbulkan banyak masalah. Yang pertama, masalah perjalanan, yang kedua masalah pengiring, tempat tinggal dan sebagainya.

Jadi, saya mohon kerajaan atau kementerian supaya satu Kardiothoraxik surgery ataupun pembedahan jantung terbuka ini dapat dibuat segera di Kota Kinabalu dan penyelarasan juga dibuat segera.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan isu-isu semasa, saya mintalah kementerian, sebarang isu-isu yang ada ditangani dengan bijak dan perlulah mempunyai informasi yang tepat. Saya begitu sedih melihat kes misalnya kes putus kepala bayi yang berlaku di Melaka, yang mana saya lihat walaupun telah diberi penjelasan, statement kementerian agak longgar berbanding dengan apa yang diperolehi oleh penyiasat. Kalau boleh sebelum memberi statement kepada menteri kepada pihak yang membuat statement, kena buat penyaluran di peringkat bawah dahulu supaya perkara ini tidak menjadi isu, kerana kalau kita lihat bahawa isu itu seolah-olah sesuatu yang akan ataupun diselindungi walaupun sebenarnya tidak ada, memang perkara yang di luar dugaan sering berlaku di dalam perubatan, tetapi dalam hal ini kita perlu berhati-hati dan membuat kenyataan yang teratur supaya ia jelas, kerana keyakinan orang awam kepada kementerian adalah begitu penting dan ini perlu dijelaskan dengan tepat dan teratur.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang, saya berterima kasih sekali lagi kepada kementerian dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berbahas dalam peruntukan belanjawan pada kali ini, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Lumut, Kemaman, Kota Melaka, Santubong, Segambut, Gelang Patah, Serdang, Teluk Intan, Pokok Sena, Tanjong, Jelebu, Sibu, Mentakab, Pengkalan Chepa, Bukit Bendera, Kapar dan Sipitang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan mengenai isu wabak Coxsackie, sebenarnya, isu mengenai wabak Coxsackie ini telah kerap-kali dibangkitkan di Dewan ini dan telah dijawab secara terperinci. Namun demikian, punca sebenarnya ialah virus Coxsackie B itu berada di dalam famili yang sama iaitu famili anterovirus. Jadi, beberapa kes kematian adalah disebabkan oleh virus ini termasuk anterovirus 71. Beberapa kes lagi disebabkan oleh virus yang masih belum ditentukan jenisnya, ini adalah disebabkan oleh proses makmal yang memakan masa yang lama dan keadaan yang sama juga berlaku pada kematian di Semenanjung.

Ingin saya maklumkan bahawa mengenai bayaran pakar-pakar yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, segala perbelanjaan adalah ditanggung oleh mereka sendiri dan juga Pertubuhan Kesihatan Se Dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan tentang penswastan makmal ubat-ubatan mengenai soal kawalan harga. Sebenarnya, harga-harga ubat telah ditentukan semasa penswastan dilakukan, jadi semakan harga hanya boleh dibuat selepas tempoh tiga tahun.

Tentang keperluan untuk menyelaras dan memastikan supaya ubat-ubatan itu dapat diseliakan kualiti dan juga keselamatan bagi orang ramai, Kementerian Kesihatan melaksanakan pendaftaran ubat-ubatan di bawah Akta Jualan Dadah 1952, sejak tahun 1985 lagi untuk memastikan ubat-ubatan yang dijual dalam pasaran adalah yang berkualiti, berkesan dan selamat digunakan. Setakat ini sebanyak 11,717 keluaran pharmaceutical kita telah didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kesihatan juga mengawal harga ubat yang dibekalkan oleh syarikat yang mengambil alih stor ubat kerajaan melalui jawatankuasa di peringkat kementerian. Hanya ubat-ubatan yang didaftarkan boleh dibekalkan oleh syarikat swasta ini.

Kementerian Kesihatan juga menjalankan post market surveillance atas ubat-ubatan yang didaftarkan untuk memastikan ubat-ubatan yang berdaftar dalam pasaran menepati piawaian yang ditetapkan oleh Biro Kawalan Dadah.

Yang Berhormat dari Kemaman ada membangkitkan tentang perkara mengenai syarikat Fomema dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, ingin saya jelaskan di sini supaya kita dapat satu penerangan yang jelas tentang isu-isu yang berbangkit mengenai Kementerian Kesihatan dalam soal menswastakan perkhidmatan pemeriksaan pekerja asing ini. Isu pertama yang disentuh mengenai mengapakah perlunya wujud penswastan pemeriksaan perubatan bagi pekerja-pekerja asing ini, ini adalah memandangkan bahawa mekanisme pemeriksaan perubatan pekerja asing yang sedia ada mempunyai banyak kekurangan. Yang lebih penting lagi ialah laporan-laporan pemeriksaan perubatan yang dilakukan oleh pengamal perubatan swasta yang dibawa oleh pekerja asing, ejen atau majikannya adalah dihantar terus kepada Jabatan Imigresen dan dengan ini tidak membolehkan Kementerian Kesihatan dapat mengkaji, menyelia dan menggunakan maklumat itu untuk tujuan mengatasi masalah-masalah penyakit-penyakit yang berjangkit akibat datangnya daripada pekerja-pekerja asing ini. Perkara ini adalah sangat penting kerana keperluan maklumat-maklumat tentang penyakit-penyakit berjangkit yang dilaporkan hanyalah kita dapat dari hospital dan klinik kerajaan.

Sebab itulah memandangkan bahawa kemungkinan besar jumlah pekerja-pekerja asing yang menghidap penyakit-penyakit berjangkit adalah lebih besar daripada apa yang telah dilaporkan sehingga ini, kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan perkhidmatan membuat pemeriksaan perubatan ke atas pekerja-pekerja asing ini.....

Dr. Yap Yit Thong: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Lumut bangun.

Dr. Yap Yit Thong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri. Berkenaan penswastan pemeriksaan perubatan pekerja asing kepada Fomema, ini bermakna Menteri Kesihatan serahkan kuasa kepada satu syarikat. Saya ingin tahu buat masa kini kes-kes penyakit-penyakit yang dikenal pasti, buat masa kini semua diagnosa dibuat oleh siapa, memang oleh doktor-doktor swasta juga.

Kalau mengikut jawapan Timbalan Menteri, keputusan pemeriksaan perubatan tidak beritahu Kementerian Kesihatan secara langsung (directly) kepada indication. Tetapi Kementerian Kesihatan sendiri boleh buat satu keputusan di mana tiap-tiap doktor yang menyertai skim pemeriksaan perubatan untuk pekerja asing

mestilah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Tetapi saya rasa fungsi-fungsi Kementerian Kesihatan dan badan seperti Malaysian Medical Council boleh memperketatkan lagi untuk mengawal selia masalah berkenaan pemeriksaan pekerja asing, sebab kita rasa memang tidak perlu menswastakan kuasa ini kepada satu syarikat swasta. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sebutkan tadi bahawa mekanisme pemeriksaan perubatan pekerja asing ini adalah tidak sedia ada, memang lemah kerana amat sulit dan sukar bagi Kementerian Kesihatan untuk menyelaras dan menyelia bagi 1.7 juta pekerja-pekerja asing kerana kita pun menghadapi beberapa kesuntukan. Jadi, sebab itulah oleh kerana perkara ini adalah perkara yang perlu kita amati kerana banyak kali juga kita dapat maklumat bahawa laporan pemeriksaan mengenai perubatan pekerja asing itu yang disampaikan adalah tidak sempurna, ada yang tidak buat langsung dan ada juga dilaporkan mengenai kes-kes penipuan dan pemalsuan laporan perubatan. Ini boleh membahayakan negara kita kerana maklumat ini tidak dapat dikumpul, diselaraskan dan dibuat susulan-susulan. Sebab itulah akibat daripada ini, satu kajian telah dibuat dan dengan kekurangan yang sedia ada dari segi pemeriksaan perubatan pekerja asing ini, kerajaan telah bersetuju untuk menswastakan urusan pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan ini.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Masa tidak ada lagilah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, ini perkara mustahak.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya nak beri penerangan itu pasal apa diberikan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak hendak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan kalau tak beri jalan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kena minta kepada JKRLah ya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak hendak beri jalan sebab saya hendak menerangkan mengapa diputuskan untuk mewujudkan projek ini, kerana melalui mekanisme ini pihak kementerian boleh memastikan dengan secara mendapat maklumat di klinik mana pekerja asing dapat diperiksa, bila dia diperiksa, apa jenis penyakit yang dikesan, nama makmal yang menjalankan pemeriksaan, nama pusat x-ray yang menjalankan pemeriksaan, jumlah kematian di kalangan pekerja asing disebabkan oleh penyakit berjangkit, jumlah pekerja asing yang telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut, all this maklumat mesti dilakukan oleh satu badan yang harus menyelaras, mengawal selia dan memantau (monitor) dan ini boleh dijalankan bersama dengan kementerian tetapi tidak bolehlah kementerian sendiri melakukannya.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak hendak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tak beri jalan, teruskan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tak hendak beri jalan, sebab ini mustahak, Tuan Pengerusi, kena beri jalan ini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tanya kepada JKRLah.

Dr. Yap Yit Thong: Minta jalan.

Dr. L. Krishnan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, ada tiga orang peminat ini. Hendak beri siapa, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya beri Pokok Senalah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Pokok Sena, baik.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau tak beri, nanti saya bangun sampai pagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, mendengar penerangan jawapan daripada Timbalan Menteri seolah-olah kementerian ini tidak percaya kepada doktor prebet. Kalau doktor prebet itu buat kesalahan, kementerian ini kena ambil tindakan supaya masyarakat rakyat ini tidak menjadi mangsa kepada doktor prebet yang menipu itu, sebab ini saya bangun. Sebab, kalau doktor itu tidak bertanggungjawab maka Kementerian Kesihatan kena mengambil tindakan ke atas doktor itu supaya masyarakat lain tidak kena tipu dengan doktor yang menipu ini. Bukan dengan cara menswastakan perkara ini kepada satu syarikat. Mana kita tahu syarikat ini tidak menipu? Terima kasih.

Dr. Yap Yit Thong: Sedikit penjelasan, terima kasih. Memang ada di antara golongan profesional seperti lawyer, doktor, arkitek, memang ada black sheep, dengan izin. Tetapi oleh sebab black sheep dalam golongan doktor atau laboratory assistant atau radiologist, maka hendak menswastakan projek ini untuk syarikat swasta. Apa yang penting pada masa kemerosotan ekonomi kita, mengapa kita mahu lagi buat penswastaaan ini di mana bayaran oleh pekerja asing sudah sampai RM180 dibandingkan caj pasaran kini hanya RM120 sahaja, memang membebankan majikan dan mewujudkan inflasi di negara kita di mana Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri telah mewujudkan National Economic Action Council (NEAC) di mana kita mesti menangani masalah ekonomi kita. Saya tidak faham mengapa hendak lagi melaksanakan polisi penswastaaan ini? Saya harap Timbalan Menteri boleh beri satu jawapan yang jelas dan terang serta memuaskan. Saya merayu lagi agar penswastaaan ini ditangguhkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Timbalan Menteri, kerana memberi saya peluang ini. Saya sungguh hairan bila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kementerian tidak mampu untuk mengawal keadaan memeriksa pekerja-pekerja asing ini dan semua masalah yang timbul berhubung perkara itu. Kalau kementerian tidak mampu, saya fikir bahawa Fomema pun sebagai satu badan dengan pegawai-pegawai yang begitu limited tidak mampu juga. Kalau kementerian dengan pegawai begitu ramai di seluruh negara tidak mampu, saya tidak faham macam mana Fomema boleh kawal keadaan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, soal berkenaan dengan tidak memberi kepercayaan kepada panel atau klinik-klinik doktor, bukan soal tidak beri kepercayaan tetapi soal kita perlu wujudkan satu sistem untuk mengurangkan proses handling rekod-rekod yang saya sudah maklumkan tentang pelbagai maklumat yang harus dijalankan dengan terperinci dan dengan penuh akauntabiliti, dipertanggungjawabkan, kerana ini soal kepentingan keselamatan negara. Kalau tidak dijalankan dengan begitu betul dan baik dengan satu sistem, maka ia boleh

menjejaskan dan berpunca daripada penyakit-penyakit seperti yang telah kita terangkan, iaitu penyakit yang tidak pernah bangkit, sudah lama, sudah berbangkit balik. Ini kerana ada perkara-perkara yang longgar, there are loopholes dalam urusan pemeriksaan yang dijalankan oleh panel swasta sekarang, kalau tidak, takkan kita kenalkan sistem ini.....

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi yang bangun.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak hendak beri jalan, saya hendak teruskan kerana panjang cerita tentang Fomema ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak beritahu bahawa perkara ini tidak akan dibolehkan hanya pegawai-pegawai itu sendiri yang membuat pemeriksaan kerana mereka harus akur kepada sistem prosedur aturan dan urusan yang ada di kementerian dan mereka harus mengikuti pegawai-pegawai kementerian. Dan juga bukan Fomema ini buat apa-apa pemeriksaan, mereka hanya me'monitor' untuk memastikan supaya maklumat itu dapat tepat, dapat dikemaskinikan (up-date) dan dapat digunakan input itu oleh kementerian.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cerita pasal gaji, cerita pasal tanggungjawab, cerita pasal macam-macam, banyak tugas, luasan, bidang skop kementerian yang harus meliputi, jadi ini memanglah meringankan. Bukan hanya meringankan, tetapi memberi jaminan kepada kita tentang keperluan untuk mengikuti aspek pemantauan yang harus dilakukan, yang sekarang ini memang ada kelemahan (loopholes). Jadi, saya rasa tidak payah dibangkitkanlah.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong pula minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Bukankah saya sudah beritahu kalau hendak cakap pun the same thing, perkara ini pun sudah diputuskan.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara terakhir sahaja mengenai hal itu, saya tidak akan tanya lagi. Tadi ada beri peluang kepada tiga orang, ini satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri atau tidak beri?

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah mengenai Fomema?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Fomema - tadi saya sudah jawab semua.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya sudah jawab semua.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, lanjutan.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kalau dibangkitkan pun, saya akan jawab perkara yang sama juga, kerajaan sudah putuskan perkara ini harus dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini bagi kepentingan orang ramai.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Memang kepentingan orang ramai, sebab kita sudah maklumkan, caj pun kita sudah kurangkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, yang akhir, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi ada beri, ini one to four.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: One, two, three, four, okaylah.

Tuan Lim Kit Siang: One to four, fair enough. *[Ketawa]* Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa oleh kerana kita tidak ada satu sistem untuk mengawal supaya penyakit-penyakit daripada pekerja-pekerja asing boleh dikesan yang menunjukkan bahawa Kementerian tidak puas hati atau yakin dengan doktor-doktor yang ada, tetapi itu hal yang kedua. Masalahnya ialah bolehkah kita ada satu jaminan bahawa sistem Fomema tentu boleh (guarantee) tidak ada apa-apa penyakit daripada pekerja-pekerja asing. Kalau berlaku, siapa yang akan memikul tanggungjawab apabila sampai sekarang epidemik coxsackie belum boleh kesan kenapa, siapa dan sebab-musabab. Bukankah ini satu sebab yang kukuh khususnya apabila profesion perubatan menentang dengan begitu keras Fomema. Bukankah elok bahawa sistem ini dikaji semula, dibatalkan. Kalau tidak dibatalkan, dibekukan sementara supaya satu kajian yang lebih menyeluruh, lebih mendalam dibuat dengan MMA dan pengamal-pengamal perubatan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tadi saya sebutkan bahawa memanglah sistem ini perlu kita wujudkan untuk memastikan supaya dengan adanya sistem ini kita boleh dapat mengesan dengan baik dan dengan cara pengesanan itu boleh memberi peluang kepada Kementerian untuk dapat memberi perlindungan yang baik kepada rakyat akibat daripada begitu ramai jumlah pekerja asing di negara kita yang pada ketika ini tidak kemas kini cara pemeriksaan rawatan ini. Jadi, sebab itulah kita perkenalkan sistem ini.

Adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa tidak ada kajian yang dijalankan oleh pihak agency central yang membuat kajian yang terperinci sebelum meluluskan cadangan daripada syarikat ini. Mereka telah membuat kajian yang terperinci, telah mengadakan dialog (discussion), telah membuat perjumpaan dengan MMA sendiri malah kenyataan bahawa MMA tidak sedar mengenai projek penswastan ini adalah tidak betul sebab mereka sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan syarikat, yang terlibat dengan Koperasi Doktor Malaysia pada tarikh-tarikh yang ada direkodkan dengan minit-minit perbincangan dan persetujuan yang telah dikeluarkan, jadi perkara ini adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa tidak ada rujukan dan rundingan yang telah dijalankan dengan pihak-pihak yang tertentu, yang berwajib. Jadi, ini saya hendak maklumkan.

Saya hendak teruskan tentang perkara Fomema ini. Saya yakin oleh kerana ini satu sistem yang 'accountable'nya dilakukan bersama dengan Kementerian, jika berlaku sebarang perkara yang boleh menimbulkan keraguan, orang ramai boleh membuat.....

Dr. Ramli bin Taib: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kemaman bangun.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya nak teruskan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tahu Yang Berhormat hendak tanya tentang *local standi*, apa hak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ramai yang hendak bargain.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:.....tetapi saya sudah maklumkan bahawa syarikat itu hanya boleh membuat pemeriksaan atas sebab-sebab kerjasama dengan pegawai kementerian, jadi tidak timbul soal *local standi*.....*[Ketawa]*

Dr. Ramli bin Taib: *[Masih berdiri]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jangan paksa ya, dia tak beri jalan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Banyak lagi persoalan yang dibangkitkan yang belum berjawab lagi.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat akan beri sokongan, saya yakinlah. *[Ketawa]* Saya boleh jawab kemudianlah.

Seorang Ahli: Ya, ada masa.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat dari Kemaman juga, saya hendak meneruskan, ada membangkitkan tentang soal berapa ramaikah pakar di hospital-hospital daerah dan keperluan pakar di Hospital Kemaman. Mengikut perancangan Kementerian Kesihatan, sebanyak 27 buah hospital daerah akan disediakan dengan perkhidmatan pakar asas termasuk Hospital Kemaman, tetapi oleh kerana bilangan pakar yang tidak mencukupi, pakar tidak dapat ditempatkan di Hospital Kemaman buat masa ini. Kementerian akan cuba menempatkan pakar di Hospital Kemaman secepat mungkin apabila keadaan mengizinkan.

Mengenai hospital yang minta dibina di Kerteh kerana perkembangan industri yang begitu pesat, buat masa ini tidak ada perancangan untuk membina hospital di Kerteh. Walau bagaimanapun, sekarang ini ada hospital di daerah Dungun dan Kemaman yang berdekatan dengan Kerteh, di samping itu terdapat beberapa klinik kesihatan untuk memberi rawatan prima kepada pesakit-pesakit sebelum mereka dirujuk ke hospital-hospital.

Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan tentang perkara mengenai kes kematian janin. Ingin saya maklumkan mengenai perkara ini, semasa ultra sound dijalankan ke atas pesakit itu didapati janin di dalam kandungan telah meninggal dunia. Dari penyiasatan ultra sound, umur janin (bayi) di dalam kandungan itu adalah lebih kurang 20 minggu, jadi sekiranya bayi yang dilahirkan di bawah 28 minggu adalah disifatkan sebagai kes keguguran (abortion). Jadi, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kesihatan pun telah bersama-sama dengan pakar perunding obstetrik dan ginekologi membuat penerangan tentang isu ini secara detail dan inilah yang telah disebarkan sebagai kenyataan rasmi.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ada membangkitkan tentang isu zantac, iaitu.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun pula, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak teruskanlah.....

Tuan Lim Guan Eng: Tentang perkara bayi, ini perkara penting.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya sudah terangkan tentang bayi itu tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini singkat sahaja.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ini tentang kes kandungan yang tidak complete, abortion case.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Dia akan beri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Pendek sahaja.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Sama-sama beri kerjasamalah.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Next issue mengenai hak paten.....

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:.....di bawah Akta Paten itu adalah di bawah tanggungjawab kementerian.....

Tuan Lim Guan Eng: Itu bukan timbalan menteri, tetapi menteri. Mengapa dia cakup 48 jam.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Menteri saya banyak urusan yang juga memberi kepentingan kepada negara dan masyarakat.....

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi dia tidak boleh cakup palsu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jadi, adalah tidak adil mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri ini tidak bertanggungjawab. Saya ingat Yang Berhormat ini mencari pasal sahaja hendak membangkitkan isu-isu yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mencari pasal dengan Yang Berhormat, saya cari.....[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kita bertanggungjawab secara berpasukan.....

Tuan Lim Guan Eng: Adakah janin mati 48 jam seperti yang dia nyatakan atau 24 jam?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita membuang masa macam itu.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya telah memberi jawapan tadi dan saya anggapkan perkara itu sebagai perkara yang harus diterima sebagai official.....

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini tidak cukup kerana ini tidak adil kepada ibu bapa. Saya harap Yang Berhormat boleh bertimbang rasa sedikitlah.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak beri jalan, Yang Berhormat ya, saya hendak teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini kerana ibu bapa rasa terseksa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri, Yang Berhormat. Saya tidak ada kuasa untuk paksa dia.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat tahu bahawa.....[mikrofon dimatikan]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh, sebagai seorang pemimpin wanita boleh faham perasaan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kacau saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan, Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat, please.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tak malukah kacau perempuan? Tak ada standardlah you.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Kota Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau hendak lawan, lawan Pemuda UMNO itu okaylah, hendak lawan wanita - ala!

Tuan Lim Guan Eng: Ini Ketua Wanita.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Don't bring down the class.

Tuan Lim Guan Eng: She doesn't need you to defend her.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Don't bring down the class. Ini teruk, tak ada class.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kedua-dua minta duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Ini menghinakan wanita. Dia boleh pertahankan diri sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka, minta duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Ini menteri punya isu, bukan timbalan menteri punya isu.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Isu mengenai hak paten di bawah Akta Paten adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi, dakwaan harga ubat di Malaysia adalah lebih tinggi dari negara-negara lain pun tidak benar.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:.....hendak mendapat tahu berapakah bilangan mesin memography yang terdapat di negara ini, khususnya di negeri Sarawak. Setakat ini terdapat 14 - ini memography pun important - payu dara - I am going to answer Yang Berhormat dari Santubong.....

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi itu drug Zantac important, bayi.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ya, tapi ini urusan soal kementerian selain daripada kementerian kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan ganggu, tidak dengar jawapan. Minta duduk.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Mengenai berapa bilangan mesin memography di negara ini, terdapat 14 buah mesin memography di negara ini iaitu di semua hospital negeri kecuali Kangar, 2 mesin terdapat di negeri Sarawak iaitu di Hospital Kuching dan Sibu.

Mengenai perkara berkenaan dengan pekerja sukarelawan di hospital-hospital, Kementerian Kesihatan memang mempunyai polisi mengenai kewujudan pasukan sukarelawan di hospital-hospital dan ia juga ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan satu surat pekeliling pada tahun 1994 bagi menggariskan panduan pekerja sukarelawan di hospital-hospital dan kebanyakan hospital yang besar sudah pun mengikut program ini, misalannya di Hospital Kuantan di mana terdapat 13 badan NGO yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong juga ada membangkitkan tentang Hospital Rakan Bayi dan bertanyakan apakah status berkenaan dengan pelaksanaan program ataupun projek ini. Sebanyak 90 hospital telah pun mencapai status Hospital Rakan Bayi dan dimaklumkan bahawa seluruh hospital di enam negeri, iaitu di negeri Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah mencapai status seratus peratus melaksanakan Baby Friendly Hospital ini. Adalah diharapkan bahawa sebelum penghujung tahun 1997 semua hospital kerajaan boleh diisytiharkan sebagai Hospital Rakan Bayi.

Sama ada bolehkah peruntukan diberikan kepada support group untuk menyebarkan maklum balas tentang kebaikan program Rakan Bayi dan manfaat breast feeding ini, bagi hospital swasta mengenai kes ini dengan beberapa hospital dan kakitangan daripada empat hospital swasta telah menjalani latihan mengikuti program tersebut dan pihak Kementerian Kesihatan sedang berusaha bersama-sama dengan hospital swasta untuk terus meningkatkan pelaksanaan program ini di hospital-hospital tertentu.

Yang Berhormat dari Santubong juga memberi tumpuan tentang aspek kesihatan wanita di mana program pap smear di luar bandar harus dipertingkatkan. Sebenarnya program penyaringan pap smear ini telah pun dimulakan sejak awal tahun 80-an lagi dan kebanyakan jururawat kesihatan umum termasuk jururawat desa di kawasan terperinci telah dilatih untuk mengambil penyaringan ini. Oleh itu, wanita-wanita boleh pergi ke klinik-klinik kesihatan untuk mendapatkan perkhidmatan ini bila-bila masa sahaja kerana sejak tahun 1986 satu program bersepadu di antara Kementerian Kesihatan dengan universiti serta badan-badan NGO telah diadakan bagi memperluaskan lagi target pengambilan pap smear ini. Bagi tahun 1996 sahaja sebanyak 344,767 pap smear telah pun diberi perkhidmatan pepsmeas kepada sasaran (target).

Yang Berhormat juga mencadangkan tentang keperluan untuk meningkatkan kesihatan yang lebih agresif di kawasan luar bandar. Sebenarnya aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan di peringkat luar bandar banyak dijalankan dalam bentuk ceramah-ceramah sama ada disampaikan secara individu ataupun secara berkumpulan oleh kakitangan kesihatan di semua peringkat, sama ada di peringkat negeri, di peringkat daerah, di peringkat klinik kesihatan dan sebagainya bagi menyebarkan

maklumat-maklumat kesihatan termasuk melalui media massa yang dijalankan sepanjang masa. Ini adalah bertujuan untuk meliputi semua lapisan untuk mencapai pelbagai penyakit dan target, di samping itu program penyertaan oleh community base NGO juga digalakkan dalam usaha kita untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah ada membangkitkan tentang soal masalah penyakit demam denggi yang kesnya semakin bertambah di kawasan-kawasan bandar dan apakah tindakan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sama ada ia mendatangkan kesan dan sebagainya. Sebenarnya bilangan kes demam denggi pada 1997 telah bertambah sebanyak 39% jika dibandingkan dengan tahun yang lepas, 85% kes berlaku di bandar kerana persoalan kepadatan penduduk yang terdapat di bandar-bandar dan Kementerian Kesihatan memang sentiasa menjalankan tindakan pencegahan seperti pemeriksaan kawasan-kawasan yang berisiko untuk membiak Aedes dan mengurangkan density nyamuk Aedes melalui aktiviti-aktiviti yang biasa dijalankan seperti semburan dan sebagainya. Tetapi untuk menjayakan program anti-Aedes atau apa juga jenis penyakit, yang penting adalah peranan orang awam untuk menjaga bukan hanya kesihatan sendiri tetapi juga kesihatan di peringkat kumpulan, kesihatan di peringkat environment dan kesihatan di peringkat keluarga. Jadi, adalah tidak adil untuk sentiasa mengharapkan pihak kementerian semata-mata dibebankan untuk tugas-tugas, tambahan lagi dengan terdapatnya senario (environment) kita yang semakin berubah dengan kepesatan pertumbuhan teknologi dan industri yang pelbagai bentuk dan juga peningkatan pendidikan di kalangan penduduk kita, maka soal sah medication sudah mula dijadikan sebagai satu tanggungjawab oleh semua masyarakat yang harus sedar dan peka tentang soal kesihatan. Ini termasuk juga dalam rancangan penekanan yang kita berikan dari segi program pencegahan yang kita utamakan melalui program gaya kehidupan sihat yang dilancarkan oleh kementerian dan dijadikan sebagai kempen berterusan dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang meminta kementerian menjelaskan mengenai kualiti air, bagaimana hendak mengetahui tentang kualiti air yang dibekalkan selepas insiden pencemaran yang tidak memenuhi piawaian. Pihak pembekal air, iaitu Jabatan Bekalan Air melalui syarikat Puncak Niaga sentiasa memastikan kualiti air yang dibekalkan memenuhi piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan. Pihak kementerian juga telah mewujudkan program kawalan mutu air minum di seluruh negara yang melibatkan pengambilan contoh air untuk dianalisa secara berjadual. Sama ada kementerian bercadang untuk menggubal akta air minum yang selamat, Kementerian Kesihatan memang bercadang untuk menggubal satu akta air minum yang selamat yang akan menentukan air minuman yang dibekalkan adalah selamat dan memenuhi piawaian-piawaian yang ditentukan.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang juga minta supaya satu hospital diadakan di Bangi. Kementerian Kesihatan akan membina sebuah hospital rehabilitasi di Bangi dan tapaknya sudah pun dikenal pasti. Mengenai hospital Serdang pula, hospital Serdang adalah di dalam perancangan yang mendalam di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan tentang pakar-pakar yang telah diarah untuk berhenti dari mengadakan lawatan ke klinik-klinik di daerah. Kementerian sebenarnya telah melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat kerana selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/97 untuk tidak membenarkan pakar-pakar membuat banyak perjalanan ke hospital-hospital daerah semasa menjalankan klinik-klinik pakar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah memberi peruntukan tambahan kepada hospital-hospital khusus untuk tujuan ini dan besar kemungkinan peruntukan tersebut tidak mencukupi tetapi kementerian sedang menimbang untuk menambahkan peruntukan-peruntukan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga telah membangkitkan tentang penswastan perkhidmatan sokongan hospital dan membangkitkan tentang.....

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak teruskan.....

Seorang Ahli: Orang baru!

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Barukah? Okaylah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu walaupun kerajaan telah tidak membenarkan para specialist ke luar bandar, tetapi ini menyusahkan orang-orang di luar bandar kerana mereka tidak ada pakar-pakar di sana kerana kebanyakan orang-orang di luar bandar ini tidak dapat datang ke tempat macam Ipoh, something very alien for them, like dari Grik hendak datang ke Ipoh lebih kurang tiga jam, orang-orang kampung dari sana very difficult. Jadi, bukankah lebih cost effective kalau kita menghantar katakana physician ke sana dan ini bukan sahaja menjimat masa tetapi akan membawa banyak kebaikan kepada orang-orang kampung dan kepada estet di sana.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil pertimbangan.

Tentang perkara berkenaan dengan penswastan perkhidmatan sokongan hospital, apakah status mengenai program penswastan perkhidmatan sokongan hospital ini. Program penswastan perkhidmatan sokongan ini telah diswastakan untuk memastikan kelima-lima perkhidmatan dapat dijalankan dan berfungsi mengikut spesifikasi piawaian perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan untuk menjamin keselamatan pesakit, pelanggan dan kakitangan hospital pada amnya. Tahap perkhidmatan sebelum penswastan adalah lebih rendah daripada piawaian yang telah ditentukan buat masa ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan tentang perbelanjaan kesihatan negara sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar. Walaupun perbelanjaan kesihatan di negara kita nampak rendah jika dilihat sebagai peratusan kepada KNK, iaitu bagi tahun 1998 adalah sebanyak 2.9% tetapi secara mutlaknya perbelanjaan kesihatan telah meningkat dengan ketaranya sebanyak 94.5% secara menyeluruh kalau kita bandingkan bermula dari 1991 hingga 1998. Dari jumlah ini, peningkatan untuk belanja mengurus menunjukkan pertambahan sebanyak 134.2% dari 1991 hingga 1998.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga ada membangkitkan tentang apakah Malaysia perlu mengadakan total hospital information system bagi Hospital Selayang sedangkan kemudahan-kemudahan asas yang lain dikatakan masih berkurangan. Sebenarnya IT itu mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam pengurusan pesakit dan ianya juga dapat membantu memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan, diagnosis, rawatan, kerana data pesakit dalam bentuk digital senang dirujuk dan juga direkodkan dan dengan ini Hospital Selayang akan dapat memainkan peranan sebagai national referral centre dengan kelebihan-kelebihan kemudahan yang terdapat dan dengan cara pengesanan yang boleh memberi lebih keselesaan kepada pesakit-pesakit sebagai klien hospital ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan tidak mengabaikan kemudahan asas hospital-hospital lain, tambahan lagi keperluan bagi yang kurang bernasib baik kerana perancangan untuk meningkatkan kemudahan perkhidmatan dan juga hospital-hospital yang sedia ada sentiasa dikemas kini mengikut keperluan-keperluan tuntutan yang sudah dikenalpasti.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu ada membangkitkan tentang Hospital Jempol bilakah akan dilaksanakan. Hospital Jempol di Negeri Sembilan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perancangannya telah ditangguhkan buat masa ini

dan akan dikaji semula pada penghujung RMK-7. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan akan meningkatkan perkhidmatan rawatan primer di daerah Jempol. Kementerian Kesihatan juga sedang mengkaji untuk menyediakan perkhidmatan dalam bentuk alternative building centre di kawasan tersebut.

Yang Berhormat dari Sibul bertanya tentang bagaimana prosedur mendapat latihan jururawat. Untuk memasuki program latihan jururawat, kelayakan masuk adalah keperluan SPM dengan kelulusan Bahasa Malaysia dan lulus dua mata pelajaran Sains. Temuduga pelatih-pelatih adalah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kementerian Kesihatan hanya menawarkan tempat-tempat latihan kepada calon-calon yang telah dipilih oleh SPA sahaja dan syarat-syarat kelayakan masuk tidak dapat dilonggarkan, kerana ini merupakan syarat Skim Perkhidmatan Jururawat.

Yang Berhormat juga bertanya tentang lantikan pakar perubatan yang ingin kembali berkhidmat di Malaysia yang dikatakan mengambil masa yang lama. Buat masa ini tempoh masa proses perantikan pakar perubatan ialah 12 minggu dan tempoh ini merupakan tempoh yang paling pendek, yang munasabah dilaksanakan kalau berbanding dengan tempoh 24 minggu sebelum ini. Itu ialah merupakan satu perkara yang telah diusahakan oleh pihak kementerian dan juga JPA.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab juga telah membawa isu tahap kebersihan makanan yang dikatakan tidak bersih dan keperluan untuk mendapat kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam soal pemeriksaan, penyeliaan premis-premis makanan dan sebagainya. Jadi dicadangkan supaya Akta Keselamatan Makanan dapat mewajibkan mereka ini menghadiri kursus pengendalian makanan supaya dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pemakanan.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa membuat pengawasan makanan terhadap....

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mentakab bangun, Yang Berhormat.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, itu bukan dari saya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Saya tidak sentuh tentang kebersihan makanan, itu dari Gelang Patah, bukan dari saya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Minta maaf. Sebenarnya Kementerian Kesihatan memang sentiasa membuat pengawasan terhadap kebersihan premis-premis makanan kerana pegawai-pegawai kesihatan kementerian telah diberi kuasa di bawah Akta Makanan 1983 Seksyen 11 untuk memeriksa dan membuat siasatan serta semakan ke atas premis-premis dan bertindak di atas laporan-laporan daripada orang ramai.

Kementerian sedang menyediakan satu Peraturan Kebersihan Makanan 1997/1998 dan diharapkan dapat dikuatkuasakan pada tahun 1998 ini, di mana di bawah peraturan ini, semua pengendali makanan diwajibkan menghadiri kursus kebersihan makanan setelah diberi lesen pengendali makanan.

Buat masa ini pula pihak Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan sedang berkerjasama mengenakan syarat-syarat bagi menghadiri kursus kebersihan makanan sebelum mereka diberikan lesen.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab ada membangkitkan isu mengenai penswastan Perkhidmatan Sokongan hospital di mana persoalan sama ada kementerian ada menjalankan auditan atau kajian untuk menumpukan tahap

pencapaian yang telah dijalankan di bawah program ataupun pelaksanaan penswastaaan ini.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi pelaksanaan lima khidmat sokongan ini dengan teliti dan akan memastikan tiga syarikat konsesi yang dilantik akan mematuhi segala syarat dan peruntukan dalam perjanjian konsesi.

Kementerian telah pun menjalankan satu penilaian bagi separuh tahun pertama ke atas prestasi ketiga-tiga syarikat ini dan didapati prestasinya adalah memuaskan. Sejak pertengahan tahun dan sehingga bulan ini, prestasi syarikat telah menampakkan peningkatan dari prestasi yang terdahulu. Satu lagi penilaian yang akan dijalankan adalah pada pengakhir hujung tahun ini dan hasil dari penswastaaan ini, kementerian mendapati bahawa hospital-hospital adalah lebih bersih, sihat, kemas dan indah. Penyelenggaraan peralatan dan kemudahan-kemudahan fasiliti adalah lebih terancang, linen dan pakaian pesakit juga adalah lebih terjamin bersih dan mencukupi.

Yang Berhormat dari Mentakab juga ada membangkitkan tentang perancangan Kementerian Kesihatan untuk menaik taraf Hospital Mentakab. Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah hospital baru yang mempunyai 500 katil dan dengan perkhidmatan sekunder akan dibangunkan di Temerloh di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada masa kini perancangan detail atau mendalami di peringkat pelaksanaan sedang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga membangkitkan tentang soal mengawal selia junk food yang boleh menyebabkan penyakit-penyakit kronik dan memberi contoh penyakit, seperti penyakit buah pinggang yang mengatakan diakibatkan oleh makanan-makanan seperti ini.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah mengenakan syarat-syarat bagi pengusaha-pengusaha makanan mengikut garis panduan kantin sekolah untuk mengelakkan daripada penjualan makanan-makanan yang dalam kategori junk food ini, supaya makanan-makanan ini adalah dilarang sama sekali dijual. Pemeriksaan ini akan dibuat di kantin-kantin sekolah oleh pihak-pihak authority sekolah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan supaya garis panduan ini dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga ada membangkitkan tentang perkhidmatan pakar alam sekitar yang dikatakan tidak digunakan sepenuhnya perkhidmatan mereka. Sebenarnya Dr. Jamil ini telah dipanggil dalam beberapa mesyuarat di Jabatan Kesihatan Awam dan beliau juga telah diundang untuk berbincang bersama-sama untuk membuat kajian tentang jenis-jenis penyakit di Institut Penyelidikan Perubatan baru-baru ini. Adalah tidak benar bahawa kepakaran dan perkhidmatan beliau adalah tidak digunakan.

Mengenai pertanyaan tentang jumlah kematian di musim jerebu ini, sebenarnya tiada data kematian yang boleh dikatakan disebabkan secara direct oleh jerebu yang ada terkumpul di kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar minta supaya ditempatkan ultra-sound, mesin X-ray dan sebagainya di klinik desa sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kemudahan hospital di daerah Kapar. Kementerian Kesihatan telah membekalkan sebanyak 28 unit ultra-sound dalam tahun 1996 dan 25 unit lagi bagi tahun 1997 untuk mempertingkatkan perkhidmatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak di klinik kesihatan di Kapar khususnya dalam soal jagaan kesihatan ibu dan bayi, dan akan terus berusaha untuk membekalkan alat ini bagi kawasan-kawasan yang lain tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang bertanyakan adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk memindahkan Hospital Kota Kinabalu ke tapak baru kerana tapak sekarang begitu sesak dan apakah bentuk penyelarasan di antara KKM

dan Universiti Sabah yang bercadang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan yang terletak lebih kurang 8 kilometer hingga 10 kilometer dari hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk memindahkan Hospital Kota Kinabalu ke tapak baru. Walau bagaimanapun peruntukan telah disediakan untuk menaikkan taraf Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai cadangan penubuhan Fakulti Perubatan, ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Sekiranya Fakulti Perubatan ini memerlukan Hospital Universiti dan untuk membolehkan Kementerian Kesihatan menggunakannya sebagai pusat latihan, ia perlulah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan. Setakat ini Kementerian Kesihatan belum menerima apa-apa lagi permohonan atau cadangan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu. Bagi soalan-soalan ataupun teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak saya jawab, saya beri jaminan bahawa segala perkara yang tidak dijawab itu akan terus diberikan perhatian serius oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,494,774,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM3,494,774,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM743,186,000 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM743,186,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 [Jadual] -
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala B.35 hingga B.41 dan Kepala P. 35 hingga P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan sekarang. Senai.

7.51 mlm.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.36 - Polis DiRaja Malaysia, di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin menyentuh Butiran 060000. Satu perkara yang saya ingin bertanya ialah mengenai dengan 'saman ekor', kerana sejak kebelakangan ini ia menjadi salah satu isu yang hebat dibangkitkan.

Saya rasa tindakan terhadap 'saman ekor' perlu dibaiki, jadi saya memang bersetuju dengan satu pandangan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini supaya catatan tentang warna dan jenis kenderaan akan dicatat terhadap 'saman ekor' yang akan dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, kelemahan perlu diperbaiki supaya yang salah tidak diambil tindakan dan yang tidak membuat kesalahan jangan diberi kesulitan dan dibebankan. Ini adalah amat penting. Oleh itu, satu cara yang baik saya rasa perlu dikaji dan di sini

saya ingin mengingatkan apabila kita hendak membuat catatan tentang warna dan jenis kenderaan, pada waktu malam atau siang hari warna yang dilihat mungkin berbeza. Jadi, apabila kenderaan itu bergerak mungkin nombor yang kelihatan tidak berapa tepat. Ini adalah satu-dua perkara yang hendak saya timbulkan, saya harap Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil ingatan supaya tindakan yang diambil tidak akan menjadi kesulitan kepada mereka yang tidak membuat kesalahan, kepada mereka yang membuat kesalahan pula tidak akan diketepikan. Ini adalah satu perkara yang penting.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lepas saya sendiri menerima satu notis saman, yang menyatakan kenderaan saya pada 7hb Ogos tahun ini telah melakukan satu kesalahan di bawah jenis kesalahan iaitu had laju.

Mengenai saman had laju ini, saya ingin mencadangkan, laju yang sebenarnya dilakukan oleh kenderaan itu patut dicatatkan atas saman ini dan had laju yang dibenarkan di tempat kejadian itu berlaku juga perlu dicatatkan. Saya membuat cadangan ini, Tuan Pengerusi, kerana saman ini bukan diserahkan kepada pemilik kenderaan dalam satu atau dua hari, satu atau dua minggu dan bukan satu atau dua bulan, bahkan beberapa bulan selepas kejadian itu berlaku, malah ada yang bertahun-tahun. Jadi, siapakah yang boleh ingat, siapa yang membawa kenderaan pada masa kejadian itu berlaku? Had laju yang dibenarkan perlu dicatat dengan terang dan jelas. Lagi satu saya ingin mencadangkan supaya gambar untuk membuktikan siapa yang memandu kenderaan itu perlu disertakan.

Saya ingin memberikan satu contoh, kalau kenderaan rasmi yang dimiliki oleh kementerian, kalau saman itu dikeluarkan setengah tahun atau setahun kemudian, kementerian yang berkenaan macam mana boleh ingat, siapa yang memandu kenderaan yang berkenaan. Jadi, ini adalah satu dua perkara yang saya ingin mengemukakan supaya Kementerian Dalam Negeri apabila melanjutkan tindakan 'saman ekor' tindakan-tindakan yang saya bangkitkan ini boleh dibuat sebagai rujukan dan tindakan yang munasabah dapat diambil supaya mereka yang tidak membuat kesalahan tidak akan mengalami kesulitan dan memberi beban kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kluang.

7.57 mlm.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya.

Saya ingin menyentuh Maksud B.36 - Polis DiRaja Malaysia, di bawah Butiran 030000. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai pembukaan pusat permainan video haram secara besar-besaran di seluruh negeri Johor, bukan sahaja di kawasan Parlimen Kluang, tetapi saya telah pergi dibanyak tempat termasuk bandar-bandar besar di seluruh negeri Johor.

Saya menerima banyak aduan daripada pihak ibu bapa yang merasa amat bimbang terhadap kesan negatif permainan video haram, khususnya di kalangan pemuda termasuk murid-murid sekolah. Di kawasan Kluang bukan sahaja di bandar Kluang bahkan di kampung-kampung. Saya ambil contoh di Kluang sendiri tidak kurang dari berpuluh pusat video haram ini dan di kampung saya sendiri di Paloh, saya kira tidak kurang dari 6 atau 7 pusat video haram ini. Saya pernah membawa perkara ini kepada pihak polis. Pihak polis dan Ketua Polis Daerah Kluang sendiri pun memberi kerjasama yang cukup.

Ini menunjukkan bahawa ada serbuan dan pemeriksaan dibuat di pusat-pusat tersebut serta ada juga rampasan permainan video ini. Tetapi saya nampak masih ada kekurangan ataupun kelemahan, kerana apabila satu tindakan diambil, apabila saya berjumpa dengan pihak polis, apabila satu tindakan diambil, tiba-tiba besok dua lagi

pusat dibuka. Saya tidak tahu sama ada pengusaha pusat video haram ini begitu berani untuk mencabar pihak polis.

Tiap-tiap hujung minggu apabila saya balik ke kawasan pasti ada penduduk-penduduk datang ke rumah saya, pasti ada yang menelefon ke rumah saya. Mereka bertanya kepada saya, "selama ini sudah banyak pusat video haram dibuka di kawasan Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, ataupun Yang Berhormat tidak berani atau takut untuk menyuarakan perkara ini". Pada masa itu saya tidak sedar ataupun faham tentang aduan yang dibuat oleh penduduk ini, beliau mengatakan saya takut ataupun tidak berani untuk menyuarakan.

Pada tiga atau empat hari yang lepas, apabila saya membaca surat khabar, saya bukan sahaja merasa terkejut, bahkan saya baru faham mengapa penduduk yang membuat aduan itu mengatakan saya takut, iaitu satu laporan mengenai seorang ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor yang diugut oleh pengusaha pusat permainan video haram dengan membuang cat warna kuning dan biru ke rumah beliau dan melemparkan ayam yang baru disembelih dengan kaki diikat di perkarangan rumah Yang Berhormat ahli Exco tersebut. Jadi, barulah saya faham mengapa penduduk yang membuat aduan itu mengatakan bahawa mungkin semua ahli politik takut tentang perkara ini.

Mengikut laporan itu juga selepas laporan dibuat kepada pihak polis dan oleh kerana kejadian berbentuk ancaman serta ugutan terhadap ahli Exco tersebut, pihak polis memperhebatkan lagi pemeriksaan serta serbuan. Mengikut laporan itu juga tindakan diambil dalam satu malam di Kuala Langat, polis telah dapat merampas 300 permainan video haram dari 15 pusat permainan video haram ini. Maka ini jelas membuktikan bahawa masih tidak cukup untuk pihak polis ataupun pihak penguatkuasa kerajaan tempatan untuk memberhentikan aktiviti-aktiviti ataupun pembukaan pusat permainan video ini.

Selama ini saya memang salute ataupun mengucapkan terima kasih kepada pihak polis yang selama ini memang berusaha untuk menjaga keselamatan dan menentukan ketenteraman di negara kita. Oleh itu, di dalam hal ini saya sangat-sangat berharap agar pihak polis dan juga pihak berkuasa tempatan supaya bekerjasama untuk mencari satu jalan bagi memberhentikan dan menghapuskan semua pusat permainan video haram di negeri Johor, khususnya di kawasan Parlimen Kluang ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.37 - Jabatan Imigresen. Saya hendak menyentuh Butiran 020400. Saya juga ingin merayu pihak kementerian, memandangkan penduduk di daerah Kluang ini sudah hampir 300,000 lebih-lebih lagi Majlis Daerah Kluang Utara akan dinaiktaraf menjadi Majlis Perbandaran tidak lama lagi. Jadi, dalam usaha pihak pemimpin masyarakat dan juga pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional di daerah Kluang ini, pada tahun 1994 Jabatan Imigresen negeri Johor telah pun menghantar satu pasukan ataupun Pejabat Imigresen Bergerak di bandar Kluang untuk memberi perkhidmatan dua hari seminggu. Tetapi perkhidmatan ini tiba-tiba diberhentikan pada awal tahun ini, walaupun Pejabat Imigresen Bergerak di bandar Kluang ini berkhidmat dua hari seminggu dan mungkin timbul sedikit masalah di mana penduduk-penduduk yang ingin memohon pasport harus menunggu begitu lama, mungkin dari pukul 6.00 pagi hingga pukul 9.30 pagi untuk menunggu pegawai-pegawai yang datang dari Johor Bahru. Ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah mereka untuk memohon pasport. Dengan pemberhentian Pejabat Imigresen Bergerak, ini menyusahkan lagi penduduk-penduduk di Kluang di mana mereka kena bertolak ke Batu Pahat, ke Johor Bahru atau ke Mersing untuk membuat permohonan pasport mereka. Jadi, saya sangat-sangatlah berharap supaya kementerian dapat menimbangkan satu pejabat Imigresen yang kekal (permanent office) dapat ditubuhkan di daerah Kluang ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya merayu kepada kementerian juga ialah tentang pasport-pasport yang mungkin dicuri, dirompak atau terbakar, yang bukan

merupakan kecuaiian pemegang pasport ini. Pada masa sekarang mereka masih menunggu masa yang cukup panjang untuk mendapat pasport yang baru.

Baru-baru ini saya juga mendapat aduan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga yang aktif dalam kegiatan parti Barisan Nasional, pasport mereka juga ditahan ataupun tidak dibenarkan untuk membaharui, alasannya ialah mereka pernah aktif dalam aktiviti-aktiviti ataupun kegiatan persatuan pelajar apabila mereka masih dalam bangku sekolah. Saya rasa sehingga hari ini perkara ini tidak lagi sensitif tentang yang aktif dalam persatuan pelajar dan sebagainya. Pada hari ini ada juga mereka yang giat ataupun aktif dalam aktiviti parti, lebih-lebih lagi parti Barisan Nasional.

Saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat meneliti ataupun mengkaji semula tentang pasport-pasport yang dikatakan dblacklisted ataupun yang masa ini masih tidak dibenarkan untuk memperbaharui pasport mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud B. 39 - Jabatan Pendaftaran Negara, di bawah Butiran 020300 - Kewarganegaraan. Sejak tahun ini kita semua tahu memang permohonan kewarganegaraan telah pun menggunakan satu borang yang baru. Dahulu kita memang menggunakan borang yang lama iaitu Borang A, E dan G, tetapi kali ini kita telah pun menukar kepada Borang A, B dan C. Saya ingin tahu dalam perkara ini, apabila kita tukar borang baru pada tahun ini, berapa banyak lagi permohonan yang masih dalam proses dan masih belum mendapat jawapan ataupun kelulusan kepada pemohon-pemohon yang menggunakan borang lama ini. Saya ingin tahu sama ada masih ada backlogs yang lama, yang masih belum diselesaikan?

Saya ingin menarik perhatian kementerian khususnya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, saya juga masih menerima aduan-aduan ataupun rayuan-rayuan daripada pemohon kewarganegaraan ini, ada yang sudah menunggu lebih kurang 20 tahun, ada yang sudah memohon sampai 30 tahun, mereka sudah mempunyai anak cucu, ada di antara mereka yang telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negara, mereka sentiasa taat setia kepada negara kita. Mereka telah memberitahu saya bahawa pasti mereka tidak akan pergi ke mana-mana lagi dan akan terus tinggal di dalam negara kita sepanjang umur dan kepada orang-orang yang seperti ini saya sekali lagi merayu kepada pihak kementerian supaya dapat simpati kepada kedudukan pemohon-pemohon yang sudah berusia lebih kurang 50 tahun atau yang berumur 60 tahun lebih. Maka saya berharaplah supaya pihak yang berkenaan bersimpati terhadap kedudukan mereka dan memberi pertimbangan yang sewajarnya di atas permohonan tersebut supaya mereka tidak bimbang terhadap masa depan mereka.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah....

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Ucapan saya memang sudah habis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bintulu.

8.10 mlm.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Maksud B.37 - Jabatan Imigresen dan Butiran 030100 - Pekerja Asing.

Di sini saya ingin menyentuh mengenai pembantu-pembantu rumah asing yang diambil bekerja oleh majikan-majikan di negara ini, sama ada di atas keperluan masyarakat negara kita yang mengalami perubahan iaitu apabila kedua ibu bapa bekerja maka seorang pembantu rumah diperlukan bagi menguruskan hal ehwal rumah tangga sambil memelihara anak-anak majikan, atau barangkali atas sebab-sebab kesihatan dan lain-lain. Mungkin juga disebabkan ingin bermegah dan lebih selesa apabila sesetengah bantuan diperlukan dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga

setiap hari. Apapun sebab yang diberikan, pembantu rumah bukan hamba abdi dan marilah kita melayani mereka dengan rasa hormat.

Perbuatan mendera, memukul atau menganiyai mereka adalah perbuatan yang lebih rendah daripada haiwan, adalah bertentangan dengan akal sedar dan kewarasan seseorang yang sanggup menyiksa pembantu rumah, hanya semata-mata mereka telah membuat kesilapan yang kecil sahaja. Kebanyakan keluarga yang bekerja amat menghargai kerja keras dan penat lelah pembantu rumah asing yang bekerja dengan mereka. Namun demikian, terdapat juga majikan yang berperangai buruk di sekeliling kita.

Kebanyakan pembantu rumah asing kita datang dari negera jiran seperti Filipina dan Indonesia. Pembantu-pembantu rumah ini biasanya dalam umur belasan tahun ataupun mereka yang berumur awal dua puluhan. Kebanyakan mereka merupakan pekerja yang sangat rajin, kerja lebih masa tanpa mengeluarkan rungutan dan keluhan. Malangnya penat lelah dan kerja keras mereka kerap tidak dihargai. Setengah daripada mereka sentiasa dimaki hamun oleh majikan dan anak-anak. Bagi mereka yang tidak bernasib baik akan didera dan disiksa oleh majikan dengan tumbukan, dirotan, dipukul dengan kerusi, kayu ataupun benda keras. Setengah mereka dipaksa berlapar sebagai hukuman kerana melakukan kesalahan kecil seperti terlupa memadamkan lampu atau membiarkan bayi menangis terlalu lama atau membuang masa yang lama di dalam bilik mandi, malah membantu anak-anak kecil dengan menyembunyikan perbuatan jahat mereka. Dalam satu kejadian di Sibu, seorang pembantu rumah tidak ada pilihan terpaksa melarikan diri dari majikan, bersembunyi dalam belukar berdekatan, hanya ditemui secara kebetulan oleh orang lain seminggu kemudian dalam keadaan yang sungguh menyedihkan.

Silistin anak Safi pembantu rumah Indonesia telah dianiyai oleh isteri majikan dengan merotannya antara Mei hingga Ogos tahun ini kerana dituduh mencuri dua biji epal. Dia juga dirotan kerana memasuki bilik air terlalu lama, kepalanya dihentak kerana mematikan bunyi jam dan pergi tidur semula, isteri majikan menganggap menutup bunyi jam itu akan merosakkan jam itu. Si pembantu tersebut juga telah dirotan oleh majikan sendiri hingga berbekas lebam, kesakitan termasuk apa juga penderaan ke atas badan sehingga hari ini di mana beliau terpaksa melarikan diri.

Dalam satu kejadian berasingan, seorang tauke kedai kopi telah menampar muka pemandu Indonesia kerana tersilap memberikan minuman yang dipesan. Pelanggan memesan air teh limau panas, tetapi telah disajikan dengan teh limau ais. Juga didapati setengah pembantu rumah bangsa Indonesia dipaksa melayani nafsu rakus majikan atau sekurang-kurangnya gangguan seksual.

Kelmarin saya ada berjumpa dengan satu couple dengan tiga orang anak dan pembantu rumah mereka di kedai kopi. Mereka suami-isteri tidak senang hati, antara mereka sering bergaduh dan kesemuanya dibebankan kepada pembantu rumah mereka. Kalau hendak disenaraikan mungkin panjanglah, tidak seorang pun yang tahu berapa ramai pembantu rumah asing telah disiksa atau dipukul. Inilah hakikatnya sekarang dan sudah menjadi satu masalah sosial.

Saya percaya masyarakat kita masih merupakan masyarakat penyayang. Jadi, saya ingin menyeru masyarakat penyayang negara ini supaya menyedari bahawa pembantu-pembantu dipaksa oleh keadaan di negara mereka, terpaksa mencari kehidupan di negara lain. Dalam hati sanubari mereka berbisik suara halus, kami yakin di Malaysia mereka boleh mencari kesenangan. Kita patut merasa dihormati kerana mereka mencuba nasib di negara kita. Mereka mempertaruhkan untung nasib dan kehidupan mereka di tangan rakyat Malaysia sehingga kontrak mereka tamat. Selama mereka berada dengan kita, rakyat Malaysia patutlah melayani mereka atau menjadi tuan rumah yang baik. Siapakah lagi yang mereka boleh harapkan tatkala mereka menghadapi saat kesukaran ini, jika mereka sudah kaya, mereka akan tinggal bersama keluarga mereka.

Adalah sungguh menyedihkan kerana mereka terpaksa meninggalkan rumah mereka begitu jauh merantau, tetapi apakan daya mereka terpaksa mencari penghidupan untuk diri dan keluarga di kampung yang terlalu ramai perlu disuapkan. Sekurang-kurangnya kita mempunyai hati sanubari yang mendalam untuk melayani mereka sebagai manusia biasa seperti kita. Mereka perlukan kesungguhan kita melindungi hak mereka dan memastikan mereka berhak mendapat keadilan, kesaksamaan dan kesejahteraan dari masyarakat Malaysia di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sipitang. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.17 mlm.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Maksud B.36, Jabatan Polis. Mengenai perumahan, Tuan Pengerusi, kita mohon supaya kementerian melihat kembali keperluan perumahan kakitangan polis khususnya peringkat bawahan, iaitu sarjan, koperal, lans-koperal dan juga PC kerana kita tahu begitu ramai anggota polis ini tempat tinggal mereka begitu menyedihkan. Ada kakitangan polis yang terpaksa tinggal di rumah-rumah setinggan oleh kerana ketiadaan perumahan yang diberikan.

Kita tahu tugas polis ini begitu perlu, begitu mendesak dan perlu perlindungan dari segi keselamatan dan juga keamanan fikiran, barulah mereka boleh bertugas dengan baik dan teratur. Jikalau keadaan perumahan mereka, keadaan keluarga mereka tidak selamat, keadaan mereka boleh dikhuatiri diganggu-gugat oleh musuh-musuh negara ataupun mereka yang diambil tindakan, tentu sekali keberkesanan tugas mereka akan terganggu dan mungkin tidak dapat menjalankan tugas dengan baik mengikut seperti yang diharapkan.

Perkara kedua mengenai saman ekor. Kita ucap terima kasih kepada menteri mengenai dengan response dan tindak balas mengenai dengan saman ekor yang perlu dikaji bersama dengan Kementerian Pengangkutan. Beberapa perkara saya ingat perlu dikemaskini. Yang saya tidak faham, apakah tekanan kepada polis-polis di peringkat daerah. Saya difahamkan mereka dipaksa mengeluarkan saman, ada kuota tersendiri untuk mendapatkan saman. Jikalau tidak mereka ini dimarah oleh kerana mereka tidak menjalankan tugas ataupun kawasan mereka itu tidak ada kes-kes. Kita bukan tidak bersetuju dengan kuota ini, tetapi biarlah membuat kerja itu dengan berhati-hati dan kepentingan orang awam.

Mengenai rekod saman ini perlulah dibuat secara teratur. Beberapa perkara di dalam surat khabar, dalam kartun jadi lawak jenaka orang ramai. Kita tidak mahu bahawa khidmat polis ini jadi permainan orang awam. Kita perlu meyakinkan orang awam bahawa kerja-kerja yang dibuat oleh polis ini memang membantu orang awam untuk mengawal keselamatan. Saya rasa apakah rancangan kementerian untuk mengemaskini sistem berekod dan juga maklumpat mengenai saman ini. Misalnya, pemandu-pemandu daripada negara luar, misalnya negara jiran yang memandu di negara kita, saya dapat satu cerita bahawa ada satu pemandu beli saman secara lump sum. Dia speed daripada Alor Setar sampai ke Singapura tidak kira had laju. Dia bayar lump sum, itulah tindakan yang diambil. Dia kata saya bayar RM200 lump sum ataupun RM300 lump sum, saya ambil saman dan saya speed. Jadi, saya tidak kisah mengenai ini.

Tetapi kalau ini berterusan, Tuan Pengerusi, ini akan mengakibatkan keselamatan kita terjejas. Orang akan mengatakan bahawa negara kita ini tempat orang main-main, orang luar mengambil kesempatan. Jadi, saya mohon supaya kementerian mengambil satu cara bagaimana mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu negara jiran sama ada dia pakai kereta sewa ataupun pakai kereta sendiri. Kalau boleh apabila mereka masuk ke negara kita ini, kita rekodkan dan sememangnya sudah direkod kereta mereka, tetapi sebelum mereka terlepas keluar daripada negara

kita ini mestilah disenaraikan dahulu sama ada mereka bersih daripada kesalahan-kesalahan lalu lintas negara.

Mungkin caranya adalah dengan sistem direct link ataupun talian terus ke pos-pos kawalan Imigresen ataupun pemeriksaan kenderaan di sempadan-sempadan. Misalnya, di Singapura ada satu, di Johor ada satu, di sempadan Thailand-Malaysia ada satu kalau di Semenanjung, ataupun di sempadan Sarawak-Kalimantan dan juga sempadan Sabah-Brunei. Ini untuk tidak melepaskan mereka daripada perbuatan kesalahan di negara ini. Tetapi kementerian mestilah melihat dan mengkaji perkara ini dengan teliti. Maksud saya di sini apabila mereka membuat kesalahan, perakam ataupun pencatat itu boleh merekod kesalahan ini dalam komputer ataupun dalam talian terus dan terus ada di sempadan. Jadi, apabila mereka masuk ke sempadan, kita semak sahaja nombor kereta ini dan mendapati kereta ini telah melakukan kesalahan. Jadi, kita boleh tahan kereta tersebut dan bayar kompaun dahulu ataupun tindakan tertentu, barulah mereka dilepaskan, ataupun dengan cara ini di masa akan datang mereka tidak dibenarkan lagi memandu di negara kita kerana ini boleh menggugat keselamatan. Bukan kita tidak menggalakkan pelancongan tetapi ini adalah untuk mengelakkan kesalahan.

Yang kedua ialah mengenai saman kepada kereta-kereta sewa. Terdapat rungutan daripada penyewa-penyewa kereta bahawa mereka menerima longgokan, ratusan saman kesalahan-kesalahan ini dan tidak tahu siapa yang memandu kereta ini. Memang mereka tidak boleh membayar ataupun tidak boleh mengenakan tindakan kepada pemandu penyewa mereka kerana penyewa itu telah lama pergi ataupun tidak ada lagi di negara kita ini. Jadi, ini juga satu masalah yang perlu kita selesaikan. Mungkin ada direct link dengan penyewa-penyewa kereta ini, maka kesalahan-kesalahan itu mereka boleh kenal pasti terus bahawa penyewa yang mereka berikan kereta itu telah melakukan kesalahan dan sebelump dia meninggalkan membayar, kita masukkan bayaran denda saman kepada penyewa-penyewa kenderaan tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai pasport. Kita telah pun menerima dan telah pun berkuatkuasa bahawa pasport telah dinaikkan kepada RM600 untuk seorang. Tetapi bagi mereka yang dekat sempadan ataupun yang membuat pemiagaan dengan negara-negara jiran, tentunya ini membebaskan. Contohnya, ada sekumpulan peniaga di sempadan Sabah-Sarawak yang berurusan dengan Brunei Darussalam, yang mereka ini perlu sama ada berniaga ataupun melawat saudara ke negara jiran. Mereka ini tentunya mungkin sehari dua kali ataupun sehari sekali yang menggunakan pasport antarabangsa. Mereka tidaklah menyalahkan kerajaan kerana ini satu pendapatan kepada negara tetapi kalau boleh ambil perhatian mengenai saiz cop pasport kerana Jabatan Imigresen ini, pasportnya satu cop sudah setengah muka. Kadang-kadang empat kali cop sudah satu muka. Jadi, kalau boleh Kementerian Dalam Negeri tolong kecilkan cop pasport ini supaya lebih kurang saiz 20 sen sebagaimana saiz cop negara jiran. Pasportnya kecil sahaja saiznya. Mungkin taktik Kementerian Dalam Negeri hendak dapat income cepat, dia cop banyak-banyak, maka satu kali cop sudah satu muka. Jadi, cepat habis cepat buat pasport baru dapat duit banyak. Kita mintalah rayuan penduduk-penduduk tempat itu supaya pasport itu copnya kecil dan cantik. Ada negara jiran copnya bulat, cantik, halus dan tulisan jelas. Cop kita besar dan tulisannya jarang-jarang. Ada pula cop tiga segi. Jadi, tidak berapa cantik. Kita mintalah supaya dapat dipercantikkan.

Mengenai RELA, Tuan Pengerusi, kita mohonlah supaya kerajaan mempertingkatkan semula khidmat RELA diperketatkan untuk mengawal keselamatan kampung dan latihan-latihan mungkin berupa insentif perlu diperbaiki. Ini adalah untuk mengelakkan supaya kampung-kampung itu diceroboh ataupun diganggu kerana kes-kes kecurian kecil di kampung begitu berleluasa sekarang ini. Ini mungkin disebabkan oleh pengedar ataupun penagih dadah di kalangan remaja. Jadi kebanyakan orang kampung mengadu sudah tidak selamat lagi walaupun letak kasut di luar rumah. Kalau dahulu aman damai, senang, tidak ada gangguan tetapi sekarang ini sudah ada masalah. Mungkin polis ronda memang tidak dapat mengawal khususnya di

kampung-kampung yang banyak rumah, mungkin salah satu cara ialah untuk mempertingkatkan khidmat RELA ini.

Jadi, kalau boleh di Sabah, oleh kerana pasukan RELA ini begitu penting, pembekalan senjata kepada ketua-ketua peronda ini perlu kita perlonggarkan. Kalau boleh diberikan secepat mungkin, ini perlu untuk keselamatan, kerana kes-kes di Sabah begitu terkenal dengan masalah yang agak serius khususnya di kampung-kampung. Jadi, kalau ada senjata di kalangan peronda itu, keyakinan kepada anggota RELA ini akan menjadi lebih terjamin. Salah satu cara penyelesaian ialah dengan memasukkan mereka yang ada senjata sendiri sebagai anggota RELA. Tetapi mungkin kelulusan mereka itu bukan tujuan untuk menjaga diri. Kebanyakan di kampung, kelulusan beri senjata itu adalah menjaga kebun. Lesen senjata api ialah RM2.00. Jadi, kalau ditambah dengan menjaga diri (self-defence) bertambah jadi RM50.00. Kalau kementerian dapat memperakukan, kalau dia jadi anggota RELA, dia boleh guna sebagai penjaga diri atau self-defence dan mengecualikan lesen RM50.00, biar percuma, barulah mereka ini di samping dapat menggunakan sebagai menjaga kebun, mereka boleh juga menggunakan untuk menjaga diri dan juga menjaga sebagai rondaan kepada RELA. Bukanlah kesemua, kalau dia menjaga kebun biar dia menjaga kebun tetapi kalau dia menjadi ahli RELA di kampung tersebut, dia boleh dikecualikan daripada lesen untuk self-defence.

Mengenai pekerja asing, Tuan Pengerusi, masalah ini saya ingat belum diselesaikan khususnya di Sabah. Kita mintalah kementerian supaya mempergiatkan lagi aktiviti. Saya difahamkan masih banyak kontraktor, pekebun yang masih menyimpan pekerja-pekerja asing ini di tempat-tempat mereka bekerja. Saya ingat mereka ini degil dan perlu diberi sedikit pengajaran dan pemberitahuan bahawa tindakan tegas akan diambil. Kalau tidak ada tindakan, tidak ada denda, mereka menganggap bahawa kita ini main-main, tidak begitu serius dalam tindakan ini. Ini tidak adil kepada kontraktor-kontraktor yang memang telah mendaftar ataupun perlu membayar pekerja-pekerja asing ini yang tidak kurang daripada RM1,000 seorang sebelum mereka dapat mengambil pekerja asing. Tetapi mereka yang tidak melalui pendaftaran, yang menyimpan secara haram, mereka terlepas dan mengaut keuntungan begitu besar oleh kerana proses ini.

Jadi, saya mohon kementerian mengambil tindakan. Saya minta kementerian memberitahu setakat ini berapakah kontraktor ataupun pengusaha-pengusaha yang menyimpan pekerja asing ini telah diambil tindakan ataupun denda yang telah pun dikeluarkan, dan berapa banyak lagikah anggaran pekerja-pekerja asing ataupun PATI ini masih berkeliaran di Sabah, dan setakat ini berapa banyak pula yang sudah dihantar yang telah dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri.

Mengenai kes-kes...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Saya telah beri keputusan tadi. Tiada siapa yang bangun tadi.

8.30 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk memberikan pandangan-pandangan yang membina bagi kementerian saya.

Yang Berhormat dari Senai dan juga baru sebentar tadi Yang Berhormat dari Sipitang telah menyentuh mengenai saman ekor. Memang ini adalah isu semasa yang

banyak ditimbul bukan sahaja dalam Dewan ini, juga di media massa. Kementerian Dalam Negeri memang mengakui ada kelemahan sistem ini dan telah pun mengambil kira banyak pandangan sebenarnya daripada Dewan ini sendiri. Baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan perbincangan dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri pun begitu responsif dan peka pada masalah ini. Beliau juga mencadangkan perbincangan antara dua kementerian, khususnya antara pihak polis dan juga JPJ.

Secara prinsipnya pihak polis telah setuju supaya pada masa kini kita mula dengan memperbaiki sistem ini dengan memerlukan anggota polis yang bertugas semasa mencatat nombor pendaftaran dan pada masa yang sama juga perlu mencatat jenis kenderaan dan juga warna kalau dapat. Memang kita tahu adanya masalah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Senai, iaitu pada waktu malam ataupun pada masa cuaca kurang baik bagaimana kita boleh tengok warnanya dengan betul. Ini adalah detail yang perlu dibincang selanjutnya terutamanya polis dan juga JPJ.

Yang Berhormat dari Sipitang juga menyatakan tentang kuota yang ditetapkan di peringkat daerah untuk memastikan anggota polis itu buat kerja. Memang pada sesuatu ketika pihak atasan polis telah memberi satu arahan bahawa semua anggota polis kena bertugas dengan baik, bukan secara rigid. Antara lain pastikan sepanjang tahun pun kalau dia tidak buat apa-apa kerja saman, maknanya dia longgar. Jadi, dalam pada itu pada satu ketika memang ada anggota-anggota polis dia pastikan ada kuota untuk diserahkan. Tetapi ini tidak boleh lagi digunakan. Saya sendiri telah bincang dengan Ketua Trafik Polis dan Ketua Cawangan Trafik sendiri telah menjamin bahawa tidak ada arahan sedemikian lagi, tidak ada satu arahan yang mengatakan semua anggota polis trafik mesti ada kuota. Jadi, kalau sekiranya ada sesiapa masih dengar cerita ini, saya rasa ini satu perkara yang lama, tidak lagi wujud pada hari ini.

Saman ekor melibatkan satu bidang yang penting, iaitu sistem komputer. Kalau selagi sistem komputer ini tidak dapat kita selesaikan, maka saman itu akan mengambil masa yang lama untuk disampaikan kepada pemilik kereta itu kerana hari ini kita bergantung kepada data base JPJ. Ini satu sistem komputer yang kena berhati-hati di mana kita kena adakan program linkage antara polis trafik dengan JPJ. Ini bukan satu program yang boleh siap dalam satu minggu dan beberapa hari. Sekarang polis sudah mula bincang dengan JPJ, macam mana kita adakan program linkage itu dan ini juga kena perbelanjaan. Saya diberitahu anggaran adalah bukan kurang, ianya berjuta-juta. Bukan satu program dan satu sistem komputer yang simple, tetapi kena satu sistem yang betul-betul lengkap. Walau bagaimanapun, satu usaha sedang dijalankan di mana pada masa yang akan datang saman ekor yang dikeluarkan itu tetap akan ikut prinsip ini, iaitu nombor kenderaan, model dan warnanya. Kalau sekiranya mahlumatan saman itu masuk ke komputer polis tetapi di sebelah pihak JPJ nampaknya berbeza; di sini kata kereta, di sana sebenarnya motosikal, ataupun bila kita catat sebuah motosikal tetapi di situ adalah lori. Jadi kalau percanggahan itu berlaku, maka pihak polis tetap tidak akan mengeluarkan saman. Ini satu prinsip yang telah dipersetujui cara bagaimana pelaksanaannya sedang dirancang dan dijalankan.

Selagi sistem on-line linkage computer ini belump selesai, kita tidak akan dapat mengeluarkan saman itu dengan tepat. Pada masa kini ianya masih mengambil masa sedikit. Saya faham kedua-dua pandangan Yang Berhormat dari Senai dan Sipitang sama, iaitu jangan terlalu lama. Kalau terlalu lama sama ada kereta sewakah, orang individu atau siapa pun tidak ingat lagi siapa yang bawa kereta itu. Ini juga merupakan satu usaha sedang dikaji bagaimana mempercepatkan lagi saman itu. Dari segi peralatan juga Kementerian Dalam Negeri dan polis sedang bincang bagaimana meningkatkan lagi membeli alat-alat yang lebih canggih seperti linkages yang melibatkan komputer itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kluang telah...

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Apakah sebabnya terdapat banyak kesilapan atau kesalahan tentang saman ekor, kerana terdapat aduan dari orang yang kata bukan kenderaan kepunyaannya itu. Sama ada wujudnya kemungkinan duplicate nombor atau pendaftaran yang sama secara rasmi atau secara palsu.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sepertimana telah saya terangkan semalam ada terdapat nombor-nombor plet yang palsu ataupun ada nombor plet yang diubahsuai, dan ada juga kesilapan kadangkala katakan ABC1131, tetapi nombor '1' sudah jatuh. Jadi, dia catat ABC113, maka itu sudah jadi kenderaan yang lain. Ini sebagai satu bahagian yang kecil. Tetapi nampaknya dalam pada itu terdapat nombor-nombor plet yang lebih daripada satu. Ini ada sesuatu yang sedang berlaku dan polis sedang siasat berapa banyakkah nombor plet yang palsu ataupun yang diubah suai telah berlaku.

Sistem ini walaupun terdapat kelemahan, tetapi ianya berkesan, selain daripada ianya berkesan untuk mengurangkan kadar kemalangan, orang ramai sudah berjaga-jaga, pada masa yang sama ini juga membongkarkan bahawa ada nombor plet yang palsu. Saya rasa ini mungkin aliran yang membawa kepada satu perkara yang baru.

Tuan Pengerusi, mengenai kenderaan daripada luar yang bermaharajalela beri lump sum boleh speed dari Kangar sampai Johor Bahru, saya rasa kita sudah pasang banyak kamera sepanjang highway. Kalau dia speed all the way, dengan izin, saya rasa banyak saman ekor akan diisu nanti. Dia tidak akan dapat dikeluarkan dari keadaan dengan bayar RM200. Memang betul pada masa kini pihak polis sedang mengkaji bagaimana kita boleh mencari mereka ataupun semasa mereka keluar, katakan mereka dari negara jiran, dia keluar dan masuk balik, apa cara paling berkesan kita menahan mereka. Ini kita sedang kaji satu cara dan ini perlukan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Pada hari ini saya tidak dapat beri satu penerangan yang jelas kerana kita sedang kaji apakah cara yang paling berkesan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kluang menyentuh tentang pusat permainan video haram berleluasa di Johor. Sebenarnya saya juga terima aduan di Selangor, Kuala Lumpur dan ada juga di beberapa tempat yang lain. Kementerian Dalam Negeri pandang serius perkara ini. Saya rasa kita akan adakan perbincangan dengan pihak polis, dan setahu saya hanya polis sahaja masih tidak cukup. Memang Yang Berhormat dari Kluang sudah sebut pihak berkuasa tempatan, majlis perbandaran, majlis daerah dan sebagainya perlu juga cara bersepadu untuk menangani masalah ini. Usaha telah pun dimulakan untuk kita mengetahui apa sebenar puncanya, mengapa begitu banyak mesin-mesin video. Saya difahamkan mungkin ada sindiket yang tertentu. Mereka sudah ada networking boleh membekalkan di seluruh negara. Kalau kita dapat menangkap ketua sindiketnya, saya rasa kita kena gunakan undang-undang secara tegas. Kalau kita dapat taukenya yang betul-betul, saya rasa tentu kita boleh guna apa-apa sahaja undang-undang yang sesuai.

Tuan Hoo Seong Chang: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Kluang bangun ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya lupa tentang hendak soalkan bagaimana kes tentang rungutan Yang Berhormat Ahli Exco negeri Selangor, walaupun ini merupakan satu rungutan, walaupun saya cakap pada hari ini, mungkin ada ancaman juga kepada saya. Jadi, saya sebagai wakil rakyat yang saya rasa bertanggungjawab perlu saya soalkan perkara ini. Jadi, rungutan yang dilakukan kepada Exco itu, kedudukannya sampai hari ini macam mana?

Dato' Ong Ka Ting: Yang Berhormat Ahli Exco telah buat laporan polis dan polis sedang menyiasat perkara ini. Tetapi saya rasa kita sebagai wakil rakyat sepatutnya lebih berani daripada orang awam. Saya yakin masyarakat atau negara kita

ini satu negara yang sistem perundangan masih berkesan dan Kementerian Dalam Negeri akan pastikan setiap wakil rakyat yang benar-benar berani membangkitkan hal-hal untuk kepentingan negara kita akan dilindungi oleh undang-undang kita.

Tuan Pengerusi, Jabatan Imigresen di Johor memang baru-baru ini kita kekurangan kakitangan sebab dalam dua-tiga tahun ini kita dibanjiri oleh pekerja asing dan juga pendatang tanpa izin. Ini satu perkara di luar daripada dugaan, tidak dapat dirancang pada masa dahulu. Itulah salah satu sebab utama kita tidak dapat beri semua daerah kakitangan dan pegawai Imigresen yang mencukupi. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun dalam perhatian Jabatan Imigresen. Kita akan cuba seboleh-bolehnya memberi perkhidmatan yang baik untuk semua daerah di seluruh negara.

Yang Berhormat dari Kluang telah menyentuh pasport yang dicuri, rompak secara tidak cuai. Memang sudah ada dasar Jabatan Imigresen sepatutnya menggantikan pasport yang hilang secara tidak cuai kalau ada bukti yang secukupnya. Aktivis pelajar dahulu kalau sesiapa pun disenaraihitamkan, kalau sudah lama, subjek itu boleh merayu kepada Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri akan timbang untuk mengeluarkan namanya dari senarai hitam. Borang warganegara yang baru telah memang memudahkan lagi pemohon untuk mengisi. Sehingga September 1997 masih terdapat 5,087 permohonan warganegara sedang diproses dan backlogs sudah kurang, hanya 501 permohonan yang melebihi dua tahun. Apa-apa permohonan lebih daripada dua tahun kita kira backlogs. Jadi, sekarang sudah jauh lebih baik daripada dahulu. Kerajaan memang beri pertimbangan kepada mereka yang bermastautin di sini lebih daripada katakan 30 tahun, sudah ada pertalian keluarga, ada isteri, ada anak, semua ini faktor-faktor yang diberi pertimbangan. Tetapi mereka kenalah pohon mengikut peraturan.

Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh soal pembantu rumah. Berkenaan pembantu rumah ini sebenarnya kerajaan mempunyai pandangan sama, kita tidak benarkan sesiapa pun mendera, tidak kira dia orang asing atau orang kita tidak boleh dera. Kalau ada laporan, siasatan tentu akan diambil dan tindakan tetap akan diambil terhadap majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab ini.

Yang Berhormat dari Sipitang menyentuh mengenai perumahan polis. Memang ini adalah satu keutamaan hari ini bagi kerajaan membekalkan perumahan kepada polis, terutamanya anggota polis yang bertugas di bandar-bandar besar. Di tempat itulah yang mereka kurang mampu untuk menyewa ataupun membeli rumah. Ini adalah satu wawasan polis sendiri. Melalui banyak projek penswastaaan kita telah pun dapat mengatasi banyak kekurangan perumahan, yang tinggal itu pun sedang diusahakan. Mengenai pasport yang disebutkan, itu pun akan ditimbang, sebab hendak cantik, hendak perkecilkan. Tetapi kalau mahal sangat kita kurang sedikit ke luar negeri sejajar dengan nasihat baru-baru ini. Bukan kerana kita hendak duit. Kalau kurang sedikit keluar negeri lagi elok pada musim ini ataupun masa ini sehingga nilai mata wang kita lebih kukuh.

Mengenai RELA memang kita mempertingkatkan perkhidmatannya. Insentif-insentif yang dicadangkan itu kita akan mengkaji. Semangat RELA ialah kerelaan, kita hendak supaya orang buat kerja secara sukarela, jangan minta sangat hendak wang, hendak ini dan itu. Objektif RELA ialah orang buat kerja untuk kepentingan masyarakat, untuk berpasukan tanpa mementingkan sangat apa yang dia akan dapat. Di kampung-kampung kita galakkan lebih ramai orang kampung untuk menyertai perkhidmatan RELA ini. Bagi bekalan senjata ada syarat-syarat tertentu. Di Sabah saya rasa kerana baru-baru ini kita baru selesai mengemaskinikan masalah lesen dan juga senjata haram. Saya rasa kerajaan akan timbang bagi pasukan-pasukan RELA yang sangat aktif. Pekerja asing di Sabah adalah pada keseluruhannya di bawah jagaan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Walaupun bagaimanapun, apa yang saya dapat jaminkan di sini sesiapa majikan, kontraktor kalau dia masih melindungi dan mengambil pekerja asing secara tidak sah, maka kita akan bertindak terhadap mereka. Akta Imigresen yang baru ini merupakan

satu akta yang boleh memberi deterrent. Mungkin mereka ingat kerajaan belum lagi sedia untuk mendakwa mereka ikut akta ini. Saya bagi tekanan di sini kerajaan sekarang sudah sedia hendak dakwa kalau mereka melindungi lebih daripada lima orang pendatang tanpa izin akan dikenakan penjara mandator. Saya harap kontraktor di Sabah atau di manakah kena ingat kita mula hendak bertindak mengikut undang-undang. Itulah sahaja jawapan yang dapat saya beri. Kalau ada apa-apa yang tidak sempat saya jawab, kementerian saya tetap akan beri perhatian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM154,924,100 untuk Maksud B.35; RM1,826,369,100 untuk Maksud B.36; RM168,063,300 untuk Maksud B.37; RM 6,702,800 untuk Maksud B.38; RM74,555,400 untuk Maksud B.39, RM162,002,900 untuk Maksud B.40 dan RM8,008,900 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM154,924,100 untuk Maksud B.35; RM1,826,369,100 untuk Maksud B.36; RM168,063,300 untuk Maksud B.37; RM6,702,800 untuk Maksud B.38; RM74,555,400 untuk Maksud B.39, RM162,002,900 untuk Maksud B.40 dan RM8,008,900 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM47,859,600 untuk Maksud P.35; RM279,467,000 untuk Maksud P.36; RM60,644,400 untuk Maksud P.37; RM52,062,100 untuk Maksud P.39 dan RM137,481,300 untuk Maksud P.40 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM47,859,600 untuk Maksud P.35; RM279,467,000 untuk Maksud P.36; RM60,644,400 untuk Maksud P.37; RM52,062,100 untuk Maksud P.39 dan RM137,481,300 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.